

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)	
Keputusan Kabinet Menaikkan Kadar Tol Lebu Raya PLUS - <i>Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)</i>	(Halaman 12)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)	
Keputusan Kabinet Menaikkan Kadar Tol Lebu Raya PLUS - <i>Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)</i>	(Halaman 57)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001	(Halaman 14)
Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2001	(Halaman 49)
Rang Undang-undang Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pindaan) 2001	(Halaman 80)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 49)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang diPertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Terggara)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P. I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

Yang Berhormat Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)

- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)

- Yang Berhormat Dato' Mohd. Zain bin Omar, DS.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
 - " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
 - " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
 - " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
 - " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
 - " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
 - " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
 - " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
 - " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
 - " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
 - " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
 - " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T. , D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
 - " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
 - " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
 - " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
 - " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
 - " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
 - " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**
Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

PETUGAS-PETUGASCAWANGAN
DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd.
Darus

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGASCAWANGAN
PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 10 Disember 2001****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan kutipan sampah kebun dan dengan izin "bulkywaste" sebagai satu perkhidmatan tetap pihak majlis-majlis perbandaran tempatan bagi mengurangkan masalah longgokan sampah di merata tempat akibat kekurangan tempat untuk membuang jenis barangan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini terdapat pengurusan sisa pepejal di beberapa pihak berkuasa tempatan dilaksanakan oleh syarikat konsesi secara pengambilalihan interim manakala sisa pepejal di kawasan PBT lainnya diuruskan sendiri oleh PBT berkeraan.

Berhubung dengan kutipan sampah kebun atau 'bulkywaste', syarikat konsesi iaitu Alam Flora Sendirian Berhad dan Southern Waste Management Sendirian Berhad telah pun menyediakan perkhidmatan kutipan sampah kebun secara berjadual setiap bulan di dalam kawasan PBT yang telah diambil alih tanpa mengenakan bayaran.

Bagi kebanyakan majlis bandaran dan majlis perbandaran yang belum diambil alih secara interim juga telah menyediakan perkhidmatan berkenaan secara berjadual setiap bulan tanpa bayaran. Walau bagaimanapun bayaran dikenakan oleh pihak majlis sekiranya penduduk meminta kutipan dibuat di luar dari jadual yang telah ditetapkan.

Bagi kebanyakan majlis daerah yang belum diambil alih perkhidmatan pengutipan sampah kebun secara tetap dan berjadual masih belum diberikan. Ini adalah kerana pihak majlis daerah tersebut kekurangan kenderaan, pekerja dan peruntukan kewangan untuk melaksanakan perkhidmatan itu secara berjadual. Sekian.

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kutipan sampah kebun dengan izinnya *bulkywaste* adalah satu masalah dan saya dapat banyak aduan dari rakyat kawasan saya mengenai hal ini. Walau bagaimanapun perkhidmatan diberi sebagai perkhidmatan tambahan percuma untuk rakyat tetapi jika majlis perbandaran tidak memberi perkhidmatan yang tetap jika satu bulan ada, jika satu bulan tiada, ini akan menyulitkan rakyat. Bolehkah Kementerian memberi satu penyelesaian yang tetap. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Perkhidmatan ini setiap bulan memang ambil kira masalah yang dihadapi oleh penduduk mengenai kutipan kebun. Walau bagaimanapun secara jadual bekerjanya mereka memang adalah mengikut jadual yang saya sebut dalam jawapan asal dan kalaulah mereka adalah pihak berkuasa tempatan yang tidak mengikut jadual yang ditetapkan oleh mereka atau olehnya saya rasa Yang Berhormat bolehlah memberitahu atau menghantarkan surat aduan kepada pihak berkuasa berkenaan terus atau memberitahu sayalah, pihak Jabatan Kerajaan Tempatan, di peringkat Kementerian saya akan terus berhubung dengan mana-mana pihak berkuasa yang tidak mengikut jadual yang sudah ditetapkan oleh mereka.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan pihak berkuasa tempatan memang tidak pernah ada jadual

tertentu untuk kutipan sampah sarap kebun ini, mereka cuma membuat dengan permintaan daripada penduduk.

Seperti di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah yang mana kawasan saya di sana, saya dapati bahawa oleh kerana perkhidmatan angkat sampah telah diswastakan, dikontrak kepada, mereka cuma kutip sampah daripada rumah kediaman, rumah kedai kontrak seperti dalam perjanjian mereka pihak berkuasa tempatan dan ini satu masalah yang mana sampah kebun, sampah-sampah dibuang merata-merata di tepi jalan dan tanah lapang oleh orang awam yang tidak bertanggungjawab tidak di ambil perhatian.

Bagaimana dapat menangani masalah ini kerana ini sudah mendatangkan imej yang kurang baik kepada sesuatu tempat itu. Saya harap dapat jawapan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat mengenai kutipan sampah ini atau sisa pepejal, ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kutipan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan terutamanya di kawasan-kawasan di mana terdapat banyak penduduk iaitu seperti majlis bandaraya dan majlis perbandaran, memang pihak kerajaan, atau pihak PBT telah menggunakan sebahagian besar belanjawannya setiap tahun untuk maksud ini.

Sebagai contoh Yang Berhormat, saya nak bagi tahu juga, kalau kita katakan jumlah sisa pepejal yang kita sebutkan sisa pepejal domestik ini, memang dari segi jumlah *'tamish'*nya memang besar. Seperti di Kuala Lumpur seumpamanya setiap hari dapat menghasilkan 2,257 tan sisa pepejal yakni sisa pepejal domestik sahaja. Kalau kita tambah dengan pembuangan kebun atau bulkywaste angka ini memang besar.

Saya tahulah dan saya memang sedarlah pihak konsesi ini yang mengikut kontraknya perlu mengadakan kutipan setiap bulan sekali di kawasan-kawasan perumahan. Kalau luar daripada itu saya rasa memang adalah rumit untuk mereka terus kutip kutipan yang dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di tepi jalan tetapi untuk melaksanakan kebersihan kawasan PBT itu pun kita mengarahkan pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan supaya buangan-buangan itu dapat dikurangkan, semua dibersihkan tetapi dikurangkan di mana-mana tempat yang biasanya adalah diguna pakai oleh yang tidak bertanggungjawab untuk membuang sampah atau bulkywaste ini.

Saya juga mengarahkan pihak berkuasa tempatan untuk meronda kawasannya supaya bolehlah sesiapa yang membuat perkara ini atau membuang sampah tidak bertanggungjawab mereka akan ditangkap dan dikompaun mengikut undang-undang kecil yang ada dan dikuatkuasakan oleh mereka. Sekian.

2. **Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil tindakan mengkaji kelemahan dan penyalahgunaan Skim Saraan Baru yang perlu diselesaikan segera kerana ianya melambangkan imej kerajaan di samping menggelakkan ketidakpuasan kakitangan terhadap kerajaan itu sendiri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, Sistem Saraan Baru atau SSB yang dilaksanakan pada tahun 1992 adalah suatu sistem saraan yang baik kepada perkhidmatan awam kerana ia memberi penekanan kepada pencapaian prestasi, produktiviti, kualiti dan kebajikan kakitangan awam. Sehubungan itu rombakan keseluruhan SSB adalah tidak perlu sebaliknya memerlukan penambahbaikan ke atas beberapa aspek kelemahan pelaksanaan yang sering dibangkitkan oleh CUEPACS. Oleh itu Jawatankuasa Kajian Pengubahsuaian dan Penambahbaikan SSB telah ditubuhkan dan sedang membuat kajian semula SSB. Jawatankuasa ini akan menyediakan cadangan pengubahsuaian dan penambahbaikan yang sewajarnya untuk pertimbangan kerajaan.

Empat aspek utama yang menjadi tumpuan kajian adalah mengenai Jadual Gaji Matrix, peluang kenaikan pangkat, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sistem Penilaian Prestasi. Adalah dijangkakan kajian ini akan dapat diselesaikan sebelum akhir tahun ini untuk dilaksanakan mulai Januari 2002. Usaha penambahbaikan ini menunjukkan kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan

kemajuan kerjaya dan motivasi anggota perkhidmatan awam yang memainkan peranan penting dalam menghadapi cabaran semasa yang dihadapi oleh negara. Terima kasih.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang memberikan jawapan kepada masalah SSB. Terima kasih kepada kerajaan hari ini yang memberikan pelbagai galakan ataupun insentif kepada kakitangan perkhidmatan awam yang melebihi daripada 800,000 di seluruh negara. Termasuk SSB yang dilaksanakan pada 1.1.1992 dengan nama Skim Saraan Baru dan kepada mereka mengistilahkan di antara mereka yang tidak dapat SSB sama ada menegak, melintang dengan 'sayang, sayang bos, baru dapat'. Yang paling yang mereka takut ialah pergerakan gaji mereka dengan statik.

Soalan tambahan, berapa ramaikah anggota-anggota kerajaan yang telah mendapat SSB sama ada melintang, menegak dan statik? Dan tahniah kepada kakitangan kerajaan yang mendapat perubahan pergerakan gaji mereka. Kedua, apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan kepada ketua-ketua jabatan mengenai sebahagiannya yang tidak adil memberikan prestasi kepada mereka sama ada menegak, melintang ataupun yang ditakuti ialah statik. Terima kasih.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang pertamanya, dari segi butir-butir yang terperinci, saya tidak ada pada hari ini, insya-Allah akan saya dapat dan kemungkinan secara bertulis dapat saya jawab kepada Yang Berhormat. Tetapi antara unsur-unsur yang dikaji semula ialah pengubahsuaian Jadual Gaji Matrix supaya pergerakan dari satu peringkat ke peringkat gaji yang lebih tinggi akan bergantung kepada pencapaian tahap kecekapan anggota yang ditentukan berasaskan pengetahuan, kemahiran dan sikap anggota.

Unsur pergerakan gaji Menegak dan Melintang yang semata-mata berasaskan laporan penilaian prestasi tahunan juga dikaji semula keberkesananannya. Insentif untuk prestasi cemerlang melalui Anugerah Khidmat Cemerlang juga dikaji semula dan tidak dikaitkan lagi dengan pergerakan gaji tahunan. Jadi kaedah-kaedah untuk memperbaiki peluang kenaikan pangkat dalam SSB juga diberi perhatian supaya motivasi anggota perkhidmatan awam tidak terjejas. Terima kasih.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak kerajaan telah memberi penjelasan berkenaan dengan cara penilaian SSB ini yang mungkin telah meningkatkan prestasi kerja demi untuk mencapai tahap cemerlang dan sebagainya. Bagaimana pula dengan cara insentif diberi - imbuhan, ganjaran dan sebagainya? Adakah sistem baru ini akan mengambil kira aspek ini yang telah menjadi satu isu yang besar baru-baru ini. Saya merasakan ianya selama ini tidak begitu adil kerana pertamanya, bagi yang mendapat statik, diberi hukuman statik gajinya ini. Kenaikan gaji pada sayalah hak asasi setiap pekerja. Tindakan lain banyak lagi boleh diambil bukan membekukan kenaikan gaji.

Yang kedua yang cemerlang. Pegawai yang cemerlang merupakan yang cemerlang pada tahun itu. Tetapi kenaikan gajinya akan dapat dirasakan sepanjang hayat hingga dia mati. Apakah jaminan mengatakan tahun depan dia akan cemerlang lagi? Tetapi kecemerlangan itu telah mendapat imbuhan pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya.

Yang ketiga ialah, kalau benar-benar penilaian ini berdasarkan kepada kecemerlangan

Tuan Yang di-Pertua: Dua sahaja Yang Berhormat, cukuplah itu.

Tuan M. Shukrimun bin Sham sudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat. Memanglah kerajaan mengambil sesuatu pandangan yang berat terhadap prestasi kakitangan kerajaannya dan kerajaan selalunya akan menengok keseluruhan prestasi kakitangan kerajaan ini. Bagi individu-individu apabila prestasi mereka itu menurun, daripada satu tahun ke satu tahun, ini juga terpulang kepada prestasi individu itu sendiri dan anggapan terhadap kerja mereka iaitu maknanya kerajaan akan sentiasa prihatin terhadap kepentingan mereka itu. Dan akan sentiasa memberi ganjaran-ganjaran yang tertentu apabila mereka menunjukkan prestasi mereka itu lebih baik. Rasa saya, kerajaan akan sentiasa memantau perkara-perkara yang seumpama ini dan di masa-masa depan sudah tentu akan dikaji dari satu masa ke satu masa.

3. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) bagaimanakah jangkaan aliran lalu lintas masa sekarang dan tempoh selepas 2003 bila konsesi penswastaaan Jalan Cheras berakhir yang meliputi antara bulatan Jalan Loke Yew/Cheras dan Plaza Phoenix; dan
 - (b) bagaimanakah kedudukan rancangan membina persimpangan bertingkat di Plaza Phoenix dan di Taman Taynton/Taman Segar, Jalan Cheras serta kos pembinaan masing-masing.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Cheras yang telah mengemukakan soalan ini. Ada dua jawapan di sini iaitu jawapan pertama berkaitan dengan lalu lintas di Jalan Cheras yang mana isi padu lalu lintas di Jalan Cheras antara Bulatan Loke Yew/Jalan Cheras dan Plaza Phoenix pada masa kini adalah tinggi dengan purata sebanyak 100,000 kenderaan sehari. Isi padu ini dijangka akan bertambah apabila konsesi Metramac tamat pada 15 September 2003 nanti.

Yang kedua, mengenai rancangan membina persimpangan bertingkat di Plaza Phoenix dan Taman Taynton/Taman Segar Jalan Cheras, pihak kerajaan telah pun meluluskan pembinaan projek tersebut. Dengan pembinaan itu nanti adalah dijangkakan aliran berterusan pengaliran trafik di Jalan Cheras dapat diwujudkan dan kesesakan lalu lintas sekitar Jalan Cheras dapat dikurangkan.

Agensi pelaksana projek tersebut ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pada masa kini projek ini adalah dalam peringkat reka bentuk dan dijangka siap akhir tahun 2002. Kos pembinaannya masih belum dapat ditentukan. Pembinaan dijangka akan dimulakan pada tahun 2003. Terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah, apakah benar konsesi penswastaaan Jalan Cheras akan tamat, itu satu keputusan muktamad. Dan soalan tambahan bagi bahagian (b) ialah apakah jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat berikan bahawa ekoran siapnya kedua-dua persimpangan bertingkat di Jalan Cheras itu tidak akan menyelesaikan dengan puas hatinya masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Cheras kerana banyak masalah yang telah pun ditunjuk, terbukti bahawa banyak persimpangan bertingkat itu tidak dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat. Setakat hari ini boleh dikastakan lalu lintas di Jalan Cheras itu masih lagi terkawal dan banyak yang telah menggunakan Jalan Cheras itu dari Kajang yang mana pengguna-penggunanya itu menggunakan jalan itu kerana kadar bayaran tol di situ masih lagi yang sederhana iaitu RM0.50 sen sahaja sebab itulah banyak penggunanya. Purata perubahan trafik yang menggunakan Jalan Cheras bagi tempoh 1995 Hingga 2000 boleh dikatakan pada 1995 kepada 35 juta kenderaan setahun.

Mengambil kira kadar pertumbuhan sama dijangkakan jumlah kenderaan yang menggunakan jalan tersebut pada tahun 2005 ialah 39 juta, sudah kita menampakkan begitu banyak peningkatan tetapi ini juga terpulang kepada penggunaan kenderaan masyarakat kita. Tetapi kita berkeyakinan bahawasanya dengan ada persiapan awal yang dibuat ini, masalah kesesakan Jalan Cheras akan dapat dikurangkan di masa depan. Dengan siapnya dua Projek Persimpangan Bertingkat di persimpangan Jalan Cheras ke Taman Len Seng berhampiran dengan Plaza Phoenix dan di persimpangan Taman Taynton dengan Taman Segar. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bintang.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Setakat hari ini tidak ada penambahan pun. Tidak kita kajikan lagi, dan itu adalah masih lagi rasa saya di dalam kajian. Ini terpulang juga kepada konsesi yang akan mengambil alih terus selepas tahun 2003 nanti.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kementerian Yang Berhormat sedar bahawa walaupun ada cadangan pembinaan Persimpangan

Bertingkat di Plaza Phoenix dan Taynton View tetapi jika Jalan Loke Yew tidak dinaik taraf untuk dilebarkan lagi kepada beberapa lorong, masalah kesesakan tetap berlaku. Jika Yang Berhormat sedar, apakah usaha Kementerian Yang Berhormat untuk memperbaiki laluan di Jalan Loke Yew dan Jalan Maharajalela. Terima kasih.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat. Macam saya perkatakan tadi, daripada satu masa ke satu masa kita akan memantau keadaan di Jalan Cheras itu. Pada ketika ini, tidak ada cadangan untuk memperlebar lagi jalan itu. Hanya macam saya sebutkan tadi, hanya pada setakat ini kita akan cuba melaksanakan, mengadakan Projek Persimpangan Bertingkat itu. Kemungkinan apabila kita dapat melaksanakan ini, kemungkinan kita akan memantau keadaan trafik di kawasan itu. Jadi, setakat hari ini memang tidak ada perancangan untuk melebarkan jalan itu tetapi sudah tentu pihak DBKL akan sentiasa memantau dari satu masa ke satu masa dari segi kesesakan lalu lintas di kawasan itu. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat] tidak hadir]

5. **Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan perniagaan yang telah diisytiharkan bankrap pada tahun ini dan bagaimanakah kedudukannya jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Julai 2001 sejumlah 526 buah perniagaan atau syarikat telah gulungkan. Jumlah tersebut merupakan pengurangan sebanyak 17% daripada 632 buah syarikat yang digulungkan pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Temerloh. Ya, di belakang pula berdiri. Ya.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi soalan tambahan. Daripada bilangan itu tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, berapakah agaknya peratusan yang berkait dengan NPL dan apakah kesan-kesan kebangkrapan ini terhadap NPL.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebankrapan tidak secara langsung membuat kaitan atau kajian yang wajib berkaitan dengan NPL oleh kerana usaha ini dijalankan oleh biro-biro yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

Walau bagaimana pun, sukacita dimaklumkan iaitu jumlah dalam laporan bulanan kes penggulungan syarikat yang terpaksa ialah seperti berikut: kes yang dibawa dari bulan lalu 8,814 iaitu November; baki kes-kes terakhir bulan ini, 8,927.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai syak bahawa sesuatu kebangkrapan itu yang melandaskan kepada penggulungan ada kaitan dagangan NPL maka ia boleh disusul menerusi angka dan data jabatan tersebut.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Soalan tambahan. Sebanyak 526 syarikat bankrap, apakah Yang Berhormat Menteri dapat juga menyatakan bila syarikat itu bankrap, ada juga individu yang bankrap.

Berapakah bilangan individu yang bankrap dan apakah tindakan kepada mereka ini yang kita lihat bila bankrap dia masih lagi bukan orang bankrap. Dia masih ada kereta besar, hidup mewah dan apakah yang dibuat kepada mereka dan apakah tindakan kerajaan juga kepada individu yang bankrap, yang orang kecil yang membeli saham-saham kerajaan bila pinjam dan tidak boleh bayar dan diisytiharkan bankrap. Apakah langkah kerajaan untuk membantu kepada golongan yang kecil ini supaya tindakan tegas tetapi yang besar bankrap tidak ada tindakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaan asalnya ialah bilangan perniagaan, bukan individu ya?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak jawab, ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas soalan itu walaupun ianya tidak berkaitan dengan kebancrapan korporat. Saya telah menduga bahawa soalan seperti ini juga mungkin ditimbulkan. Oleh itu sukacita saya memaklumkan iaitu baki kebancrapan individu setakat ini ialah 95,237.

Angka ini ialah dibawa daripada tahun-tahun yang lalu dan melibatkan pecahan-pecahan yang jika saya baca tentulah memakan masa yang panjang dan memadai bagi saya menyatakan bahawa angka-angka ini mungkin perlu oleh Yang Berhormat saya akan panjangkan selepas saya menjawab soalan ini.

Segmen Kedua, Tun Yang di-Pertua, ialah berkaitan soalan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan terhadap individu yang bertaraf ekonomi tinggi yang tidak kena di atas tindakan yang berkaitan dengan undang-undang kebangkrapan.

Hal-hal seperti ini sentiasa dikemukakan kepada jabatan dan kes-kes telah terlibat dengan penyelewengan semasa dalam keadaan kebangkrapan sentiasa disusul.

Namun demikian di bawah Seksyen 33A Akta Kebankrapan, pihak berkuasa boleh melepaskan status kebangkrapan seseorang itu sekiranya selepas lima tahun beliau merayu kepada pihak berkuasa tetapi *Official Assignee* dengan izin, adalah berkuasa untuk meneliti dan membawa ke tengah rayuan tersebut berasaskan kepada kriteria-kriteria yang ada pada penghematan jabatan.

6. **Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pangkalan Chepa]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan, adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk membangunkan semua Arked MARA di Kota Bharu, yang uzur dan tidak sesuai dengan suasana masa kini. Jika ada, bilakah projek ini akan dimulakan dan siapakah kontraktor yang dipilih.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiada terdapat Arked MARA di Kota Bharu, kecuali sebuah Bangunan Kompleks MARA, tujuh tingkat di Jalan Dato' Pati. Di tingkat bawah bangunan berkenaan terdapat sebanyak 16 buah lot ruang niaga dan di Tingkat 1 pula terdapat 12 buah lot lagi yang telah disewakan kepada peniaga-peniaga tempatan.

Ruang-ruang niaga ini masih dalam keadaan baik, dengan suasana yang menggalakkan di mana terdapat ramai pengunjung datang membeli barangan dan mendapat perkhidmatan. Sehingga 31 Oktober 2001, MARA telah membelanjakan sebanyak RM216,461.08 bagi membaik pulih sebahagian daripada kompleks tersebut dengan membuat kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan mengikut keperluan. Oleh yang demikian, MARA belum mempunyai sebarang rancangan untuk membangunkan semula kompleks berkenaan.

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada kesilapan. Dalam soalan asal saya ialah Arked UDA, Jalan Tengku Putera, Semarang. Saya pun tidak tahu siapa yang ubah soalan ini [*Ketawa*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abduld Aziz: Arked.. [*Ketawa*] Memang ada Arked UDA yang akan dibangunkan Yang Berhormat. Betul! Saya ingat itu saya jawab bertulis sahajalah nanti ya. Jawapannya ialah MARA, sini.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai ada bangunan-bangunan MARA, kedai terutama sekali di kawasan Tumpat, terutama di Cabang Empat, Tumpat yang telah dibina tiga tingkat dua blok. Tetapi sekarang ini tidak ada penyewa kerana kedudukannya mungkin tidak strategik. Jadi kosong dan terbiar dan ada satu lagi telah dibangunkan semua oleh pihak MARA di mana bangunan lama telah diubah suai dengan kos lebih daripada RM4 juta dirobuhkan bangunan lama dan dibangunkan semua bangunan baru.

Jadi, dari segi masyarakat peniaga lebih tertumpu kepada bangunan yang dibuat baru oleh pihak MARA sedangkan bangunan yang lama terbiar dan tidak terurus dan tidak ada penyewa. Apakah ada langkah-langkah yang terbaik yang akan diambil oleh pihak MARA untuk mengendalikan bangunan-bangunan tersebut.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abduld Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Arked MARA Cabang Empat itu, kalau ianya sudah pun siap tetapi belum diisi, inilah kita sudah menunggu CF daripada Kerajaan Tempatan. Kita masih lagi menunggu CF untuk dikeluarkan. Kita belum dapat lagi. Yang lagi satu di mana itu?

Tuan Saupi bin Haji Daud: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abduld Aziz: Ha! ini semua, mengikut rekod kami, Arked MARA Cabang Empat, kita memang menunggu CF.

7. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kelemahan pengangkutan awam di Malaysia dan bilakah kerajaan akan mewujudkan Dasar Pengangkutan Awam negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pengangkutan awam di Malaysia ditumpukan kepada menyediakan pembangunan sistem pengangkutan awam yang bersepadu, cekap dan terjamin.

Dalam hal ini strategi dan langkah-langkah diambil untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pengangkutan awam bagi memenuhi pertumbuhan penduduk dan pembangunan sosioekonomi. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kelemahan pengangkutan awam di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih bersepadu, cekap dan terjamin bagi meningkatkan kelancaran aliran lalu lintas dan juga kemudahan dan perkhidmatan pengangkutan awam;
- (ii) menekankan rancangan jangka panjang yang bersepadu dan pelaksanaan projek yang tergendala bagi memastikan pembangunan pengangkutan yang lebih teratur, sistematik dan menyeluruh;
- (iii) menyediakan pelbagai kemudahan pengangkutan awam yang menyeluruh bagi memudahkan pertumbuhan ekonomi dan membuka koridor baru untuk pembangunan;
- (iv) menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam serta pengangkutan pintar khususnya di kawasan bandar bagi mengurangkan kesesakan;
- (v) mempertingkatkan kecekapan produktiviti dan kebolehpercayaan perkhidmatan melalui penyemakan semula berterusan dan penguatkuasaan tetap terhadap piawaian prestasi dan spesifikasi teknikal serta penggunaan teknologi baru yang diubah suai.
- (vi) pelaksanaan sistem rel transit ringan seperti LRT STAR, LRT PUTRA dan juga KTM Komuter, KL Monorel dan hubungan kereta api ekspres iaitu ERL ke KLIA.
- (vii) pembukaan KL Sentral sebagai hak utama pengangkutan awam menghubungkan Kuala Lumpur dengan KLIA, Putrajaya dan Cyberjaya melalui ERL yang meningkatkan lagi bilangan penumpang menggunakan LRT, perkhidmatan KTMB antara bandar, komuter dan monorel;
- (viii) menumpukan usaha lebih bersepadu dan sistematik bagi menangani kesesakan di bandar melalui pengurusan permintaan trafik dan pengenalan pelbagai langkah yang menggalakkan lebih banyak penggunaan kemudahan pengangkutan awam;
- (ix) mengatasi kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dan Lembah Klang serta di bandar utama lain seperti Georgetown, Ipoh, Johor Baru, Kuching dan Seremban bagi meningkatkan aliran lalu lintas serta kemudahan dan perkhidmatan pengangkutan awam;
- (x) memantapkan integrasi dan keberkesanan infrastruktur pengangkutan awam;

- (xi) pembinaan siar kaki telah dilaksanakan di semua pusat bandar utama bagi meningkatkan persekitaran pengangkutan bandar;
- (xii) meningkatkan langkah pengurusan permintaan trafik dan infrastruktur jalan raya bagi memperlicin lagi aliran alu lintas serta penguraian trafik; dan
- (xiii) menggunakan sistem pengangkutan pintar yang melibatkan penggunaan alat pengesanan susunan kenderaan, rangkaian maklumat dan video berkeupayaan tinggi serta peralatan pengawasan bagi meningkatkan lagi kecekapan pengangkutan, keselamatan dan keselesaan pengguna selain daripada memenuhi piawaian alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bilakah kerajaan akan mewujudkan Dasar Pengangkutan Awam Negara. Sebenarnya Dasar Pengangkutan Awam Negara atau DPAN telah wujud di negara ini. Walaupun DPAN tidak terdapat dalam satu dokumen berasingan namun ia terlindung dalam kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam rangkaian perspektif negara 10 tahun, rancangan-rancangan pembangunan negara lima tahun, rancangan-rancangan separuh penggal lima tahun, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

Adalah menjadi dasar kerajaan untuk menyediakan pengangkutan awam yang tersusun, murah dan selamat. Ini boleh dilihat daripada kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam rancangan-rancangan pembangunan kerajaan seperti di atas. Rancangan-rancangan pembangunan ini menunjukkan tanggungjawab kerajaan dan berusaha untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam bagi memenuhi keperluan aliran kargo dan penumpang.

Pembangunan sistem pengangkutan awam yang cekap, bersepadu dan mesra alam telah diberi keutamaan untuk memastikan pengangkutan awam mudah didapati dan dinikmati oleh semua pihak di samping itu tambang untuk pengangkutan di kawal supaya ianya dikekalkan pada tahap kemampuan rakyat untuk menjaga kepentingan awam.

Daripada kenyataan-kenyataan di atas ianya dengan jelas menunjukkan jenis kemudahan pengangkutan dan perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh pihak kerajaan di mana ianya merangkumi dasar-dasar pengangkutan awam di negara ini. Pihak kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan pengangkutan awam supaya ianya lebih tersusun, murah dan selamat digunakan oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Secara umumnya, pengangkutan awam di negara kita bagi saya adalah tidak efisien, tidak tepat dari segi masa yang ditetapkan ataupun lokasi-lokasi yang ditetapkan dan ini menimbulkan banyak permasalahan kepada pengguna-pengguna terutamanya pengguna-pengguna yang mempunyai pendapatan yang rendah.

Saya memberi contoh, perkhidmatan bas di bandar-bandar bukan sahaja di Lembah Klang tetapi di kebanyakan bandar-bandar di seluruh Malaysia, ianya adalah tidak efisien sama sekali dan kebanyakannya dari segi jadual lokasi-lokasi, tempat ia berhenti tidak tepat dari segi waktu-waktu yang ditetapkan.

Di Lembah Klang pula, 80% daripada 6 juta perjalanan harian di ibu negara ini menggunakan kenderaan persendirian, hanya 20% sahaja pengguna menggunakan kenderaan awam dan satu kajian telah dibuat bahawa diramalkan, atau ramalan melalui kajian yang dibuat menjangkakan bahawa di pusat Bandaraya Kuala Lumpur sahaja diramalkan akan menurun dari segi penggunaan, pengangkutan awam akan menurun daripada 23.6% berbanding dengan 24%, ini dijangkakan pada tahun 2010.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan, apakah permasalahannya rakyat tidak meyakini ataupun tidak mahu menggunakan pengangkutan-pengangkutan awam yang disediakan, sedangkan Yang Berhormat telah menyebut bahawa pelbagai dasar, pelbagai pelan telah dilaksanakan tetapi tidak dapat menyelesaikan permasalahan

pengangkutan awam khususnya kalau kita melihat di Lembah Klang ini sendiri. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, masalah kesesakan jalan raya terutama sekali di bandar-bandar besar di dunia seperti Tokyo, New York adalah perkara biasa. Di negara kita memang masalah kesesakan di sekeliling ibu kota kita Kuala Lumpur pun kita tidak dapat elakkan. Yang Berhormat katakan pelan-pelan kita tidak efisien, memang itu pandangan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, penumpang yang kita ada untuk LRT, PUTRA setiap hari adalah lebih kurang 200,000 dan untuk LRT STAR adalah 50,000 dan juga KTM komuter adalah 50,000 dan bas-bas Intra Kota, Park May penumpang adalah lebih kurang 100,000.

Oleh itu, angka ini menunjukkan bahawa ada progress, ada *improvement* dari pelan-pelan kita untuk menjayakan perkhidmatan awam.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya tadi mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, perancangan yang begitu komprehensif daripada kerajaan dalam soal pengangkutan awam ini. Yang Berhormat tadi menyebutkan kerajaan juga bercadang untuk menyediakan pengangkutan yang murah dan juga yang mesra alam. Kita dapati di negara kita sekarang ini penggunaan basikal telah pun *out of mind*, dengan izin, tidak ada dalam pemikiran rakyat kita kerana kita menganggap ia *out dated* ataupun ketinggalan zaman. Tetapi bila saya pergi ke luar negara, saya melihat di Holland mereka masih menggunakan basikal, di Japan mereka masih menggunakan basikal, China memang banyak yang menggunakan basikal.

Di negara kita mereka yang menggunakan motosikal adalah kalangan orang yang terbesar yang menghadapi accident. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kerajaan mengkaji perkara ini dan melihat sistem pengangkutan di negara kita perlu ditingkatkan di mana kemudahan-kemudahan untuk pengguna-pengguna motosikal, peluang-peluang bagi rakyat yang berpendapatan rendah untuk menggunakan basikal, lorongnya, parkingnya, adakah ada dalam pemikiran pihak kementerian untuk melaksanakan program ini kerana bila saya lihat negara-negara lain saya melihat ini bukanlah satu yang ketinggalan sebenarnya, tetapi ia merupakan satu pengangkutan yang mesra alam, murah dan boleh membina kesihatan. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Arau, memang pandangan Ahli Yang Berhormat ada asas. Malaysia kita ini cuaca lebih panas sedikitlah kalau dibandingkan dengan cuaca di tempat atau di negara yang lain. Memang kita pun tidak ada halangan, sesiapa yang ingin datang ke Parlimen dengan basikal. Tetapi disebabkan oleh cuaca dan lain-lain hal, memang kementerian akan mengkajilah, okay. *[Ketawa]*

[Soalan No. 8 – Y.B. Dato' Ho Cheong Sing (Ipo Barat) tidak hadir]

9. **Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pihak kementerian dapat menempatkan pakar perubatan di setiap hospital daerah di negeri Sarawak.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya prihatin terhadap keperluan perkhidmatan kepakaran sama ada di hospital kawasan bandar mahu pun di luar bandar. Sekiranya sesebuah hospital daerah diklasifikasikan sebagai hospital pakar, kementerian akan menyediakan bukan sahaja pakar tetapi juga perkhidmatan lain yang berkaitan. Ini bagi membolehkan perkhidmatan kepakaran dapat berfungsi dengan sewajarnya. Pada masa ini selain daripada Hospital Umum Sarawak, hospital-hospital daerah yang diklasifikasikan sebagai hospital pakar terdiri dari Hospital Sibu, Hospital Miri dan Hospital Bintulu.

Di Hospital Sibu pada masa ini ditempatkan seramai 15 orang pakar perubatan pelbagai bidang. Hospital Miri seramai 9 orang pakar dan Hospital Bintulu seramai empat orang pakar. Hospital daerah yang lain juga akan ditempatkan dengan pegawai perubatan pakar apabila jumlah pakar mencukupi untuk ditempatkan di hospital seluruh negara

10. **Datuk Railey bin Haji Jeffrey [Silam]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) selain daripada Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB), berapa syarikat telefon selular lain yang diberi lesen untuk mengendalikan telefon secara fixed line; dan
- (b) adakah terdapat perbezaan bayaran sewa, caj panggilan dan bayaran pemasangan jika dibanding dengan STMB.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada Syarikat Telekom Malaysia Berhad, Syarikat Telefon Selular lain diberi lesen untuk memberi perkhidmatan talian tetap ialah Maxis Broadbenz Sendirian Berhad, Celcom Transmission Sendirian Berhad, DiGi Communication Sendirian Berhad, akhirnya TT Dotcom Sendirian Berhad.

Tidak terdapat perbezaan antara syarikat-syarikat dari segi bayaran sewa, caj panggilan tempatan, caj panggilan kebangsaan kerana ianya adalah dikawal di bawah Peraturan-peraturan Telefon 1996.

Manakala bayaran pemasangan dan caj panggilan antarabangsa tidak dikawal selia. Bagi kadar yang dikawal, caj yang dikenakan kepada pengguna tidak boleh melebihi harga *ceiling*, dengan izin, *price cap* dan pemberi perkhidmatan adalah bebas mengurangkan kadar masing-masing di bawah harga *ceiling*. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Apabila Ahli Parlimen membuat kritikan di Dewan yang mulia ini, hanya pihak Telekom sahaja yang respons. Tetapi pihak-pihak lain, macam Celcom, Maxis yang juga memberi perkhidmatan kepada masyarakat awam yang mana liputan mereka masih tertumpu kepada bandar tetapi mereka menjual telefon juga, tetapi kenapakah pihak kerajaan tidak menekan juga kepada syarikat-syarikat ini supaya memberi perkhidmatan yang lebih baik, kalau tidak batalkan lesen mereka, serah balik kepada Telekom. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, dasar telekomunikasi yang sedang diliberalisasikan dan menggalakkan persaingan di antara mereka adalah terpulang kepada pihak industri untuk memberi satu perkhidmatan yang baik sekali dan untuk kualiti yang tinggi dan harga yang rendah dalam satu suasana persaingan dan kerajaan sentiasa memantau situasi dan menjalankan kajian empat kali setahun untuk memastikan tahap kepuasan perkhidmatan di kalangan telekomunikasi dan lain-lain industri berkenaan dengan multi media.

Dan satu kajian ini adalah dibuat di kalangan pengguna-pengguna dan mereka memberi maklum balas dan keputusan atau *the findings*, dengan izin, kajian ini akan diberi kepada semua syarikat dan disebarkan di semua media. Sekian, terima kasih.

Datuk Railey bin Haji Jeffrey: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah rasionalnya dengan membenarkan syarikat-syarikat cellular untuk mengendalikan fixed line selain daripada Telekom. Adakah Syarikat Telekom sudah tidak berkemampuan ataupun kerajaan semata-mata hendak menggalakkan *free enterprise* melalui dasar penswastan yang ada.

Yang kedua, bagaimana pula dengan pengagihan kawasan-kawasan sama ada yang sudah diliputi oleh Telekom ataupun yang belum, terutama sekali di kawasan-kawasan perumahan. Dan yang ketiga, ...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang kedua sahajalah. [Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sebelum industri telekomunikasi diliberalisasikan, memang cuma sebuah syarikat telekomunikasi iaitu Syarikat Telekom Malaysia Berhad yang menjadi pembekal dan menjadi satu monopoli di industri ini dan selepas industri dibuka, jadi kita mengambil pandangan bahawa jika lesen diberi, perkhidmatan yang diberi itu akan meliputi semua perkhidmatan, cuma tidak untuk cellular. Setakat ini walaupun dibuka dari segi 'largema' atau talian kepada rumah ke rumah dan pejabat iaitu dari segi *fixed line*, 90% adalah diperolehi oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad, tetapi walaupun dalam keadaan ini, kerajaan mempunyai satu dasar di mana *echo access* pun telah diwujudkan di mana pengguna ada pilihan sama ada menggunakan Telekom Malaysia ataupun lain-lain pembekal

dalam perkhidmatan telekomunikasi untuk dalam panggilan telefon ini. Sekian, terima kasih

11. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar bahawa keadaan Hospital Daerah Seberang Perai Selatan sudah boleh diletakkan di dalam lipatan sejarah. Apakah kementerian bersedia dengan cadangan untuk pembinaan semula hospital tersebut dan pengubahsuaian segera agar ianya seiring dengan jumlah pertambahan penduduk di Seberang Perai Selatan ini.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa Hospital Daerah Seberang Perai Selatan iaitu Hospital Sungai Bakap masih berfungsi sebagai sebuah hospital kerajaan yang memberikan perkhidmatan kepada pesakit dalam dan pesakit luar.

Bangunan dan peralatan hospital ini adalah, dengan izin, *very well maintain* dan pihak Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang tidak ada mengemukakan apa-apa permohonan untuk membaik pulih membina baru atau membesarkan hospital ini.

Bilangan katil di Hospital Sungai Bakap ini adalah sebanyak 130 buah yang melibatkan general medicine – 29 katil, pediatrik – 20 katil, infectious disease – 5 katil, TB and chest deceases – 18 katil, drug detection – 5 katil, general surgery – 17 katil, gynaecology (ginekologi) – 6 katil dan obstetrik – 20 dan lain-lain – 10 katil.

Pada amnya keadaan bangunan, bekalan air dan elektrik serta peralatan hospital ini adalah bertaraf baik dan masih boleh berfungsi mengikut keperluannya.

Pihak kementerian tidak ada apa-apa cadangan atau perancangan untuk membaik pulih atau membina semula bangunan hospital ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Goh Kheng Huat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan, saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan berapakah jumlah hospital daerah yang akan dinaikkan taraf ceiling dengan pertambahan jumlah penduduk dan jumlah pelaksanaan yang akan dibina kepada hospital daerah di seluruh Malaysia untuk kemudahan pesakit pada tahun hadapan.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan ini tidak ada kaitan, namun demikian, saya percaya Yang Berhormat mengetahui keadaan sebenarnya di kawasan Seberang Perai. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di daerah Seberang Perai telah ada tiga buah hospital kerajaan iaitu Hospital Sungai Bakap, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Seberang Perai dan Hospital Seberang Jaya.

Jadi, saya percaya ketiga-tiga hospital ini tidak sanggup menampung keperluan masyarakat di daerah Seberang Perai.

Kerajaan juga telah mengambil perhatian terhadap faktor-faktor pertambahan penduduk dengan membina sebuah lagi hospital baru di Seberang Perai iaitu Hospital Kepala Batas, 108 katil dengan kos RM82.86 juta, yang pada masa ini dalam pembinaan dan kerja pembinaan dijangka siap pada bulan Julai tahun 2002. Jadi, dengan pembinaan hospital ini, saya percaya kita tidak ada apa-apa masalah di daerah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gelang Patah. Soalannya, dia kata Hospital Daerah Seberang Perai Yang Berhormat, ya. *[Ketawa]*

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, soalan ini ada berkaitan sikit. Saya ingin tahu, sejauh manakah perancangan skim *decentralization* untuk rawatan perubatan di seluruh negara ini termasuk untuk kawasan Seberang Perai ini. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Pengerusi, program *decentralization* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, saya percaya ini adalah berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan dan buat masa ini kita sedang menjalankan program ini dengan mendirikan lebih banyak lagi klinik-klinik kesihatan di kawasan-kawasan yang padat penduduk. Lebih banyak hospital akan didirikan dan hospital-hospital pakar ataupun klinik-klinik pakar juga turut disediakan. Jadi, ini adalah sebahagian daripada program *decentralization* dan sedang berjalan dengan baik.

12. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menjadikan Pertubuhan Peladang sebuah Koperasi yang berdaya maju dan boleh berdikari

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Pengerusi dalam jangka masa panjang, kerajaan memang berhasrat untuk menjadikan Pertubuhan Peladang sebagai sebuah institusi yang berdaya maju dan berdikari. Namun demikian, melainkan peranan utama kerajaan dewasa ini adalah untuk merancang dan meningkatkan daya saing sektor pertanian khususnya dalam pengeluaran makanan negara, maka kerajaan telah menetapkan pelan baru kepada Pertubuhan Peladang untuk memaikan peranan bagi membawa transformasi pertanian moden kepada ahli-ahli peladang.

Oleh itu, peranan Pertubuhan Peladang sekarang adalah untuk menggembleng seberapa ramai peladang bagi menerima perolehan bercorak pertanian moden yang menggunakan sains dan teknologi bagi meningkatkan pengeluaran hasil pemakanan berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan dan juga mampu untuk dieksport ke luar negara. Bagi mencapai transformasi berkenaan, Pertubuhan Peladang perlu menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh para peladang seperti pengurusan ladang yang baik, teknologi moden. Berkenaan bahan tanaman, planting materials bermutu tinggi, pemasaran, penggredan, pembungkusan dan sebagainya.

Pertubuhan Peladang akan bekerjasama dan menyelaraskan perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan dan agensi teknikal di bawah Kementerian Pertanian yang memerlukan dalam pertanian moden. Contohnya adalah seperti *money exchange* pusat nukleus dalam kelompok dan pembangunan usahawan akan dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang dengan menggunakan pengurusan dari teknologi moden. Kerajaan akan terus membantu dan mengukuhkan Pertubuhan Peladang bagi menunaikan pelan ini dan berharap agar Pertubuhan Peladang akan mengambil peluang untuk meningkatkan perniagaannya apabila lebih ramai lagi ahli peladang menerima sistem dan cara pertanian moden. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Yang Berhormat tadi menyebutkan bahawa usaha-usaha sedang pun dibuat untuk Pertubuhan Peladang menggemblengkan tenaga peladang-peladang di peringkat akar umbi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah usaha-usaha kerajaan untuk memperbaiki semangat di kalangan pegawai-pegawai di Pertubuhan Peladang kerana saya melihat bahawa mereka ini sudah pun *burnt out* dengan masalah-masalah yang mereka hadapi dan juga dengan *constraint* dengan izin, yang dihadapi selama ini? Sekiranya pegawai-pegawai ini tidak ditinggikan moralnya, tidak ditingkatkan semangatnya, apa yang disebutkan tadi tidak akan dapat tercapai. Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memanglah perkara hendak meningkatkan morale kerajaan dan juga staff adalah satu benda yang agak rumit sikit. Walau bagaimanapun, memanglah perkara ini sekarang diperhatikan oleh kementerian sebab kementerian sekarang ini mengadakan sebanyak mungkin. Misalnya dari segi aspek sosial dan lain-lain dan juga dengan mengadakan latihan berterusan dan mengadakan lawatan-lawatan tertentu bagi menyemarak dan menaikkan lagi semangat mereka. Dan insyaAllah, bersabarlah kita Ahli-ahli Yang Berhormat, minta-mintalah kepada semua yang terlibat dapat membantu kementerian untuk menaikkan semangat mereka yang tertentu supaya hasrat kita untuk meningkatkan pengeluaran makanan pertanian dapat disenggarakan dengan baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa bagi jawab lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 8 dan 13 hingga 27 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Keputusan Kabinet Menaikkan Kadar Tol Lebu Raya PLUS

11.03 pagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat Perkara 18(1). Bahawa saya, Haji Mahfuz bin Haji Omar, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Pokok Sena mohon mencadangkan bahawa Majlis ini hendaklah ditangguhkan mengikut Perkara 18, Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Dewan yang mulia ini berunding isu keputusan Kabinet menaikkan kadar tol pilihan Lebu Raya Utara Selatan sebanyak 10% bermula tahun hadapan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah perkara tertentu kerana pihak kerajaan telah membuat keputusan untuk menaikkan kadar tol di lebu raya Utara-Selatan yang dimiliki oleh PLUS. Lebu raya Utara Selatan adalah projek yang dimiliki oleh sebuah syarikat milik UMNO yang telah di bailout oleh kerajaan Barisan Nasional iaitu UEM Berhad dan projek raksasa ini merupakan sebuah projek kerajaan Barisan Nasional. Oleh kerana itu sebarang kenaikan harga tol adalah membebaskan rakyat pada masa ini terutama selepas berlakunya kenaikan harga petrol yang diumumkan di dalam Belanjawan yang lalu.

Perkara ini adalah melibatkan kepentingan ramai kerana kenaikan kadar tol sebanyak 10% akan memberikan kesan yang besar kepada pengguna lebu raya. Kenaikan ini bukan sahaja ditanggung secara langsung oleh pengguna lebu raya tetapi juga oleh penumpang bas dan teksi, penyewa lori, pengangkut barang dan pengguna akhir barangan yang diangkut melalui lebu raya ini.

Dalam kata lain, hampir semua rakyat Malaysia akan menerima kesan kenaikan ini. Kenaikan ini sudah tentu akan membebaskan rakyat kerana mereka akan meraikan sambutan tahun baru dengan kadar tol baru selepas kenaikan petrol 10 sen se liter yang dianugerahkan oleh kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Perkara ini perlu disegerakan kerana kenaikan kadar tol akan memberikan kesan segera kepada kos pengangkutan dan harga barangan pengguna di seluruh negara terutamanya menjelang musim perayaan berturut-turut antara Disember ini hingga Februari tahun hadapan. Kenaikan kadar tol ini juga tidak munasabah kerana sepatutnya ia dikaji lima tahun sekali, bukannya dipercepatkan kepada tiga tahun sekali sepertimana yang berlaku, yang berkemungkinan bertujuan untuk membantu memulihkan semula bekas syarikat milik UMNO, UEM yang telah dibailout oleh kerajaan sebanyak RM3.8 bilion baru-baru ini. *[Tepuk]*

Oleh kerana itu, kajian semula kenaikan ini perlu dibuat dan seterusnya membatalkan keputusan tersebut. Maka, saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, perlu disegerakan dan berkepentingan orang ramai. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Pokok Sena pada 6 Disember 2001. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia hendaklah perlu disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan perkara ini juga perlu disegerakan. *[Tepuk]* Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. *[Tepuk]*

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah dtempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. *[Tepuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya. Peraturan Mesyuarat ya? Peraturan Mesyuarat berapa itu?

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 27, saya merujuk kepada risalah yang kita terima hari ini di mana salinan yang kedua, saya baca di sini, "sebagaimana yang saya telah terangkan kepada Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, perkara yang hendak saya usulkan ini adalah berkaitan dengan faedah orang ramai. Saya merasakan bahawa usul yang akan dibawa atas nama Perdana Menteri adalah satu usul yang mustahak kerana Dewan harus diberitahu apakah sebenarnya yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Jelebu kepada Tuan Yang di-Pertua oleh kerana, saya tidak nampak apakah kaitan usul ini dengan faedah orang ramai? Sebenarnya, apakah perbualan di antara Yang Berhormat bagi Jelebu dengan Tuan Yang di-Pertua, demi prinsip *transparency*?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan dia Yang Berhormat, bukan perkara yang.....Perkara yang diucap dengan saya, oleh kerana dia mengatakan perkara ini adalah perkara yang mustahak, ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, kalau ikut peraturan, ia bukan untuk faedah orang ramai. Saya tidak nampak apakah faedah orang ramai terlibat dalam usul ini?

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya.....[Disampuk]

Tuan Kerk Kim Hock: Walaupun ia mustahak, saya memang setuju. Ia melibatkan nama kementerian, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini perkara faedah orang ramai. Mengapa kita bagi notis satu hari?

Tuan Yang di-Pertua: Yalah. Jikalau pada fikiran saya, jikalau sekiranya perkara ini bersangkut dengan taraf Parlimen, *prestij* Parlimen ini adalah satu kepentingan orang ramai.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau ikut tafsiran.....[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, cukuplah Yang Berhormat. Itu keputusan saya.

Tuan Kerk Kim Hock: Semua perkara pun memadai.

Tuan Yang di-Pertua: Itu keputusan yang saya buat.

Tuan Kerk Kim Hock: Bagi saya tahu Tuan Yang di-Pertua. Saya buat cadangan supaya Tuan Yang di-Pertua mengarahkan Yang Berhormat bagi Jelebu meminta maaf, oleh kerana telah secara terbuka sangkal kenyataan Tuan Yang di-Pertua. Adakah dia sudah buat? [Dewan gamat seketika]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia sendiri bawa satu usul untuk menghukum sendiri.

Puan Fong Po Kuan: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Rang Undang-undang Penapisan Filem. Jadi, Setiausaha sila.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENAPISAN FILEM 2001

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [6 Disember 2001]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading menyambung ucapan.

11.13 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, pagi ini saya ingin menyambung semula perbahasan saya berkaitan dengan Rang undang-undang Penapisan Filem 2001 yang telah saya mulakan perbahasan ini pada

hari Khamis yang lalu. Saya telah pun menyentuh beberapa perkara dan pagi ini, saya sedikit sebanyak ingin menyambung.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengulang sedikit apa yang saya perkatakan pada minggu yang lalu, Bahagian II berhubung dengan penubuhan lembaga seksyen 4 di mana menteri berkuasa untuk melantik Ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem. Menteri berkuasa melantik Ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem. Saya mencadangkan supaya orang-orang yang dilantik ini benar-benar mempunyai minat, kesungguhan dan juga kebolehan dalam menapis filem yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Kalau boleh, orang-orang yang agak segar bugarlah, jangan orang yang terlampau tua. [Ketawa]. Ini kerana bagi orang-orang yang berumur - minta maaf, bukan saya hendak mengata - ataupun orang yang tidak berapa sihat masuk dalam bilik penapisan ini, dia akan menonton filem yang pelbagai bentuk, cara dan pelbagai jalan cerita dalam bilik yang sejuk, berjam-jam, akhirnya dia tertidur, bimbang dia tertidur.

Kalau kita ambil misalan orang-orang yang, kadang-kadang Yang Berhormat Menteri berminat melantik bekas-bekas kakitangan kerajaan yang bersara, minta maaf, bukan saya mempertidurkan mereka yang bersara. Sebenarnya mereka yang bersara pun kadang-kadang lebih kuat daripada orang yang belum bersara, itu perkara yang lainlah - benda subjektif ini. Tetapi lazimnya kadang-kadang orang yang sudah berumur ini dia sudah tidak berapa sangat dunia ini, jadi kadang-kadang dia boleh terlena dan tertidur. Waktu dia terlena dan tertidur, adegan-adegan yang tertentu lalu tanpa ada tapisan. Itu yang kita bimbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Takkan semua tidur, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Takkan dia tertidur kesemua. Takkan tidur kesemuanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya akui itu, Tuan Yang di-Pertua. Betul itu Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua memang betul. Lebih-lebih lagi saya hendak bercakap panjang ini jadi memang betul Tuan Yang di-Pertua. Bukan tidur semua itu, betul. Jadi kalau boleh, tetapi kalau boleh jadi tidur semua? Saya kata tadi berbagai-bagai lapisan seperti berbagai-bagai..

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jemput.

Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Seri Gading. Saya bersetuju juga dengan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Seri Gading. Jadi bagaimana kalau kita cadangkan supaya Lembaga Penapisan ini terdiri daripada orang yang muda setengahnya dan yang tua setengahnya supaya kita melihat juga pandangan orang tua. Mungkin dia tertidur, sekurang-kurangnya yang setengah lagi itu yang muda tidak terlena, tertidur - boleh melihat, jadi boleh memberi pandangan-pandangannya kepada yang telah tertidur.

Jadi persoalan satu lagi, Yang Berhormat, itu yang pertama. Yang kedua, semalam, minggu yang lepas, Yang Berhormat Datuk menyebutkan yang saya soal tetapi sudah melepasi jam 5.30 petang, tidak boleh menyoal. Ada soalan Yang Berhormat Datuk kata pada seseorang itu yang benda ini lucu, kepada seseorang ini pula benda ini tidak lucu. Sebagai misalan, Yang Berhormat Datuk sendiri beritahu yang bapa mertua Yang Berhormat Datuk mengatakan ini lucu, yang satu Yang Berhormat Datuk sendiri anggap boleh tahan juga nampaknya, cantik.

Jadi saya hendak bertanya satu persoalan yang serius Yang Berhormat Datuk. Persoalan berkucupan di antara suami-isteri - dikatakan suami isteri dalam filem umpamanya. Dalam filem itu sebagai hakikat karakter itu menunjukkan berkucupan dan kasih sayang di antara suami isteri walaupun yang berlakon itu bukan suami-isteri.

Jadi macam mana penilaian. Kita hendak menunjukkan kepada masyarakat yang kasih sayang, menunjukkan suami-isteri berkasih-kasih, berkucup-kucupan bila berjumpa. Tetapi macam mana pula pandangan. Gambaran ini adalah gambaran suami isteri tetapi yang berlakon itu bukan suami isteri. Adakah kita boleh membolehkan perkara ini atau tidak membolehkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Hebat ini, Yang Berhormat bagi Batang Lupar ini hebat orangnya. Soalan dia ini bukan calang-calang hendak jawab. Saya memang tidak mampu hendak jawab soalan yang kedua itu. Biarlah Yang Berhormat Menteri yang menjawabnya. Fasal betul juga apa yang beliau katakan tadi. Kerana hendak menunjukkan kasih sayang seorang suami kepada isteri maka dikucuplah oleh suami akan isteri; maka dibalastlah kucupan itu oleh isteri dengan penuh ghairah. *[Ketawa]*

Memang berlaku dalam filem-filem Barat fasal hendak menunjukkan kepada penonton betapa kasih-sayang suami dan isteri walaupun dalam filem ini yang berlakon itu sebenarnya bukan suam-isteri. Itu yang saya sudah hendak jawab ini. Tetapi saya pun, ialah sebenarnya saya hendak jawab, apa hendak jawab ya? Itu di filem-filem Baratlah. Tetapi, oh bulan puasa. Inilah Tuan Yang di-Pertua, bulan puasa cerita ini, kalau bulan tiga bagus perkara penapisan filem ini dibawa tetapi agaknya hendak lekas.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan berdiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jemput.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Ini soal filemlah. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Seri Gading, apakah adegan sedemikian juga Yang Berhormat akan cadangkan kepada kementerian untuk di *screen* ataupun dipotong. Dan apa yang dapat kita tahu bahawa kementerian tidak ada *guideline* ataupun panduan sejauh mana, berapa peratus filem-filem ini harus dipotong sehingga mungkin orang-ramai sudah tidak tahu membeza sama ada filem ini dibuat oleh mereka ini tiada hujung, tiada pokok pangkalnya. Jadi ini pun satu persoalan juga kerana kalau terlalu di *screen* ianya mendorong orang ramai tidak akan meminati filem-filem tersebut. Jadi yang rugi pengusaha filem juga. Jadi bagaimanakah ini, tidakkah ini menjejaskan industri perfileman masa hadapan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang apa yang telah disuarakan. Memang kadang-kadang adegan itu diperlukan dalam filem itu tetapi sebab ada pantang-larang, kalau adegan itu telah dipotong maka akan rosaklah cerita itu. Saya tidak tahu bagaimana sebenarnya. Ini yang saya hendak tanya kepada pihak kementerian kayu ukur penapis filem tentang hendak menggunting filem-filem atau adegan-adegan, babak-babak yang tertentu - babak-babak yang tertentu supaya ia tidak lari daripada cerita asal.

Macam filem Barat, kita nampak jelas dia bercium betul antara lelaki perempuan sama ada antara suami isteri atau kekasih, dia bercium betul, bercium-cium betul, bukan olok-olok. Tetapi di dalam filem Hindustan saya tengok dia buat *trick* – *camera trick* – kepala lelaki dengan kepala perempuan itu dekat, tetapi dia ambil dari sudut belakang, seolah-olah macam berciumlah lelaki perempuan tetapi sebenarnya dia tidak kerana agaknya ada pantang-larang di pihak Hindustan ataupun, filem Cina pun begitu. Ada saya tengok filem Hong Kong, begitu juga *trick* nya. Tetapi ada juga filem China Hong Kong saya tengok, Taiwan yang sudah berani, sudah lepas daripada...

Jadi pada kita pula orang Timur melihat adegan orang-orang Timur berlakon seperti orang Barat kita rasa tersentak walaupun filem-filem itu filem Hindustan, ataupun filem itu filem Hong Kong kerana Hindustan dan Hong Kong ini orang Timur, kita yang menontonnya daripada orang Timur, kita pun tersentak. Berbeza kita melihat filem-filem Barat – kita tidak tahu bagaimana. Agaknya apabila filem-filem Barat, sama ada ianya daripada Sepanyol, Perancis, Jerman atau daripada mana, kalau dia melakukan adegan seperti itu bagi kita dia sudah menjadi biasa dan agaknya itu tidak dipandang lucah, wallahualam. Adegan yang sama oleh filem yang berlainan, kita anggap ada perbezaan, itu tidak tahu macam mana.

Jadi berbalik kepada Bahagian II – Penubuhan Lembaga, Seksyen 4, tokoh-tokoh agama, itu kena masuk – tokoh-tokoh agama, supaya tokoh-tokoh agama ini dia mampu mengimbangi unsur-unsur agama yang menyeleweng, akidah yang menyeleweng, perkara-perkara khurafat, bidaah ataupun perkara-perkara tahayul yang agaknya diselit dalam filem-filem tertentu, ini khusus filem-filem tempatan atau filem yang diimport daripada Indonesia umpamanya atau filem-filem

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seri Gading. Saya ingin dalam unsur agama ini, penapisan filem dari segi agama ini, Yang Berhormat sedarkah atau tidak filem-filem daripada Hollywood atau filem Hindustan, di mana pelakon-pelakonnya kalau kita lihat, umpamanya tokoh yang menjadi idola kepada anak-anak muda kita sekarang ini, umpamanya Salman Khan atau Shah Rukh Khan itu, adalah artis atau bintang yang daripada agama Islam. Tetapi di dalam filem Hindustan, unsur-unsur agama Islam atau tidak agama Islam ini telah dicampur-adukkan dan kadang-kadang kita lihat pelakon-pelakon ini yang merupakan sanjungan kepada anak-anak muda kita sekarang ini telah melakukan perkara-perkara yang di luar batasan agama Islam kita, kalau kita melihat dari segi sudut kita ini rakyat Malaysia.

Tetapi bagaimanakah pihak penapisan filem di negara dapat mengawal perkara-perkara tersebut kerana kita tahu, anak-anak muda kita tahu bahawa pelakon itu adalah beragama Islam tetapi tindak-tanduknya di dalam filem itu lebih daripada ataupun melampaui batas-batas agama. Saya minta pandangan sedikit Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat itu, dan pandangan Yang Berhormat itu jugalah yang menjadi sebahagian daripada apa yang saya ingin tanya kepada pihak Kementerian, bagaimana sebenarnya? Jadi, biar saya serahkan apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi kepada pihak kementerian untuk sama-sama menjawab kemusykilan ini kerana kemusykilan beliau atau Yang Berhormat tadi itu pun juga menjadi sebahagian daripada ucapan dalam ucapan saya, kemusykilan saya. Jadi cuba agaknya diberikan penerangan supaya jelas kepada kita.

Jadi berkaitan dengan tokoh agama ini supaya dia dapat memberikan nasihat, tunjuk-ajar dan juga agaknya melakukan sesuatu tindakan kalau bertentangan – bertentangan dengan akidah kalau filem itu filem Melayu yang berkaitan dengan orang Islam, yang dibimbangi kalau tidak ada tokoh-tokoh agama yang faham tentang selok-belok agama, dikhuatiri adegan itu terkeluar maka agaknya berlakulah nanti kesalahfahaman di tengah-tengah masyarakat. Ini yang kita hendak.

Kemudian antara lain ialah tokoh budayawan, salah-salah sebut 'buayawan'. Budayawan, Allah hai, kadang-kadang bahasa Melayu ini tinggillah dia punya.... Budayawan, bukan itu ya... Ini juga perlu kerana budayawan ini dia agaknya lebih halus jiwanya; dia akan dapat memberikan nasihat dan juga tunjuk-ajar dan di mana filem-filem ini yang patut ditontonkan kepada orang ramai. Antara lain tokoh-tokoh ini adalah tokoh-tokoh akademik, tokoh-tokoh badan beruniform – polis, tentera, bomba dan juga tokoh-tokoh daripada badan-badan NGO supaya dia dapat memberikan input-input berkaitan dengan pengalaman-pengalaman yang ada kepada mereka untuk menentukan filem-filem yang diperbuat atau dipertontonkan di dalam negara ini akan selesai dipertontonkan kepada orang ramai.

Kemudian saya ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III, Seksyen 8 Perkara 3(b) - "Lembaga berpuas-hati bagi maksud kegunaan peribadi". Ini bagi maksud Seksyen 7 berkenaan apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang diimport ke dalam Malaysia. Jadi saya ingin hendak mendapat kepastian – siapa yang dimaksudkan dengan "kegunaan peribadi" dan apa sebabnya? Kegunaan peribadi ini bagaimana sebenarnya – peribadi perseorangan atau peribadi keluarga, peribadi yang ada kaitan dengan rakan-taulan saya, saya bawa ke rumah saya misalan, umpamanya.

Apa dan kenapa dan apa sebabnya pengecualian ini diberi? Kalau tidak diberikan, kenapa? Apakah merugikan ataupun ada sesuatu halangan-halangan yang

tidak agaknya bersesuaian dengan Perlembagaan negara kita dari segi kebebasan individu yang berkaitan dengan fasal-fasal tertentu dalam Perlembagaan negara itu. Itu saya tidak berapa jelas. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak Kementerian berkaitan dengan Seksyen 8 Perkara 3(b) berkaitan dengan kegunaan peribadi ini.

Kemudian Seksyen 9, 10 berkaitan dengan Penapis Filem dan keputusan Lembaga Filem. Bagi saya, Lembaga Penapis Filem ini bukan sahaja berperanan sebagai badan yang menapis filem tetapi bagi filem-filem terbitan tempatan, badan ini mampu memberikan pandangan-pandangan mereka. Ia bukan hanya memegang gunting untuk digunting tapi mampu badan ini berfungsi, berperanan, mampu memberikan pandangan-pandangan, nasihat-nasihat dan teguran-teguran kepada karyawan-karyawan filem tempatan supaya *[Disampuk]*. Betul ya? Karyawan, bukan kera *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ikut asal bunyilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Disampuk]* Karyawan. Supaya mereka tidak berdepan dengan kerugian. Kalau tidak diberikan panduan-panduan, apabila dia buat filem tiba-tiba filemnya diharamkan ataupun digunting, ataupun di censor dengan begitu hebat sehingga jalan ceritanya lari menyebabkan filem itu menjadi lemah, kendur dan juga tidak bermaya yang tidak ada nilai untuk ditonton, maka ianya tidak dapat bersaing dengan filem-filem tempatan yang lain merebut takhta hati penonton untuk menonton.

Jadi, peranan ini harus benar-benar dimainkan oleh lembaga ini supaya pengusaha filem ini tidak rugi atas sebab filem tidak dapat ditayangkan. Macam saya punya contohlah pada minggu lepas iaitu, filem "Kaki Bakar". Filem "Kaki Bakar" lebih 5 tahun dahulu saya difahamkan tidak dibenarkan untuk ditayangkan dan tentulah pengusaha ataupun karyawan filem ini menanggung kerugian. Dia mungkin meranalah, dia merintihlah kerana filemnya tidak dapat ditayangkan tetapi hari ini filem itu sudah boleh ditayangkan.

Jadi, persoalan kita, apa rasionalnya maka filem ini boleh pula ditayangkan hari ini, sekarang ini, tetapi 5 tahun yang dahulu tidak boleh? Jadi, bagaimana?

[Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil memasuki Dewan]

Selamat datang, Yang Berhormat Dato'.

Bagaimana? Pasal Yang Berhormat Dato' kata orang macam Bollywood, macam bintang filemlah, jadi, saya pula sedang cakap pasal Bollywood ini, ya. Tahniahlah, syabas! *[Ketawa]* Jadi, apa rasionalnya sekarang boleh ditayangkan? Jadi, itu yang kita tidak faham, macam mana agaknya kayu ukur bagi Lembaga Penapis Filem ini menapis filem-filem ini?

Kayu ukur ini, macam saya cerita minggu lepas dan saya sambung hari ini, macam apa yang ditanya oleh Batang Lupar, kelucahan yang melampau, seks yang melampau, bagaimana sebenarnya seks yang melampau, kelucahan yang melampau? Apa yang sebenarnya yang dikatakan kelucahan yang melampau? Kita tidak tahulah, mungkin macam setengah-setengah bangsa, kalau perempuan buka, itu sudah dikatakan lucah sudah. Macam Taliban, kalau buka sahaja perempuan, pakai macam kita biasa ini, sudah kata perempuan itu lucahlah. Ada setengah orang, macam biasa ini tidak ada lucah apa-apa. Habis, kelucahan itu macamana?

Kemudian, apa beza kelucahan filem tempatan dengan kelucahan filem yang diimport? Ini yang dinyatakan tadi. Kalau agaknya filem Melayu ada babak berciumlah umpamanya, agaknya itu sudah dipanggil kelucahan, tetapi bagi filem yang diimport, filem dari Barat, ada babak yang bercium tidak pula dianggap lucah. Ini yang saya hendak maksudkan ini. Bagaimana ukuran "lucah" ini?

Kemudian satu lagi, soal ganas dan seram ini. Bagaimana yang dikatakan ganas? Bagaimana yang dikatakan seram? Ada setengah filem, waktu babak hendak pancung itu, babak itu dipotong - konon ganas - walhal filem itu, itulah orang hendak tengok. Maksudnya apabila dipancung itu sudah dipotong, tidak ada apa-apa. Jadi, ini melemahkan kekuatan filem itu. Kadang-kadang pengarah filem itu, itulah adegan yang hendak ditunjukkan. Tetapi apabila saya tonton ataupun kita tonton beramai-ramai, seluruh dunia tonton 11 September, berlaku kapal terbang rempoh bangunan itu, itu

ditunjukkan pula semua, tidak ada apa-apa, berkec ai itu. Boleh pula. Jadi, kita tidak fahamlah. Jadi, di mana sebenarnya?

Filem-filem ini kadang-kadang, saya tidak tahu macam mana Penapis Filem punya pendapat. Dalam filem Barat ditunjukkan seorang lelaki dan seorang perempuan berjumpa di mana-mana tempat minuman dan sebagainya. Lepas itu scene yang kedua tunjuk sudah tidak berbaju masing-masing atas katil terus. Eh, jadi filem-filem macam ini ia akan memberi gambaran kepada anak muda bahawa rupa-rupanya hubungan antara lelaki perempuan iri di Barat begitu mudah, jumpa di tengah jalan, lepas itu boleh bawa ke rumah, terus atas katil. Ini gambaran yang diterima oleh anak-anak muda.

Jadi, kalau adegan macam itu, apakah ini tidak menyebabkan ada tarikan-tarikan tertentu nafsu syahwat anak-anak muda untuk pergi kepada adegan-adegan yang dikatakan hari ini sebagai keruntuhan moral di kalangan anak-anak muda. *[Disampuk]* Anak tua pun mungkin juga. *[Ketawa]* Anak tua punya runtuh lagi dahsyat daripada anak muda. Betul, Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak komen, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu lagi yang saya hendak tanya ini, bahagian 6 berhubung dengan penguatkuasaan penyitaan dan penangkapan. Ada pawagam – ini saya hendak pihak penguat kuasa – ada pawagam yang mengiklankan lain tetapi dalam pawagam ditunjukkan filem lucah yang lain. Ini ada penipuan setengah-setengah pawagam. Saya dengar kata benda ini banyak berlaku di Sabah, wallahua'lam. Orang Sabah boleh benarkanlah cerita ini, tetapi saya dapat khabar daripada rakan-rakan daripada Sabah.

Luar dia iklan lain, tetapi dalam panggung cerita lucah, kadang-kadang bagi menarik golongan-golongan remaja, golongan-golongan muda untuk menonton filem ini. Ini pun saya harap dapat dikuatkuasakan. Begitu juga berkaitan dengan ada pusat-pusat snooker, saloon dan juga Karaoke, mempunyai bilik-bilik tayangan haram. Jadi, ini juga akan menjadi - sepatutnya - sasaran kepada pihak-pihak tertentu dan di kementerian berkaitan dengan filem ini supaya ianya benar-benar dapat memberikan kesan bagi menjaga kepentingan orang ramai berkaitan dengan pengaruh-pengaruh filem yang boleh mendatangkan sifat-sifat ataupun perkara-perkara negatif.

Selain daripada itu, saya berharap juga Lembaga Penapis Filem supaya dapat memberi bimbingan dan juga pihak-pihak yang tertentu dalam perfileman dalam negara kita ini memberikan didikan, bantuan dan sebagainya. Saya lihat pelakon-pelakon kita apabila diperkatakan tentang kemajuan filem-filem tempatan khususnya filem-filem Melayu, drama-drama Melayu yang hari ini diperkatakan bahawa tidak ada tarikan peminat-peminat untuk menontonnya kerana konon cerita-cerita yang dipaparkan oleh filem-filem tempatan atau drama ataupun filem-filem yang ditayangkan di TV ianya tidak bermutu kerana pelbagai sebab.

Antara sebab-sebab yang tertentu ialah kerana kekuatan penulis-penulis skrip yang lemah. Kadang-kadang balik-balik filem-filem antara satu dengan yang lain dialognya sama. Walaupun agaknya dilakonkan dalam cerita-cerita yang berbeza tetapi dialog-dialog yang sama, suasana-suasana yang sama, yang tidak ada perbezaan yang ketara dan jalan-jalan cerita yang sama. Itu yang menyebabkan filem-filem tempatan bukan sahaja tidak ditonton oleh orang-orang tempatan malahan jauh sekali untuk bertanding dengan filem-filem yang diimport.

Kita amat dukacita perkara ini berlaku. Kita memang suka hendak menonton filem-filem kita kerana seperti mana yang saya kata motto atau slogan filem kita ialah "Filem Kita Wajah Kita". Maknanya kita ingin menonton wajah kita, di filem-filem kita bagi membantu industri perfileman kita, maju dan dapat bersaing di peringkat dalam negeri mahupun di peringkat antarabangsa. Jadi, kalau Lembaga Perfileman ini dapat memberikan bantuan kepada karyawan kita ataupun pengusaha-pengusaha filem kita, macam saya katakan tadi bahawa bukan kerana kegagalan pelakon-pelakon.

Pelakon-pelakon kita, saya tengok, alhamdulillah, nampaknya ramai antara pelakon-pelakon tempatan kita yang mempunyai watak, yang mempunyai peranan dan juga boleh memainkan peranan-peranan yang tertentu dengan berkesan, tetapi dengan syarat pengarahan yang baik, skrip yang baik, jalan cerita yang baik. Mereka mampu. Jadi, kalau kita hendak memperkatakan tentang kemajuan dan kelemahan

perfileman kita, bukan berkaitan dengan pelakon. Pelakon saya rasa, itu sudah tidak ada masalah.

Sebagai contoh, saya kata tadi macam filem "Kaki Bakar", ataupun macam saya tengok satu drama di TV1, "Pucuk Pegaga Ulam Raja" [Disampuk]. Pokok Sena kaki bakar [Ketawa] tetapi bukan pelakon "Kaki Bakar". Saya ambil contoh drama filem TV1, "Pucuk Pegaga Ulam Raja", bagus ada tarikan. Maknanya pelakon-pelakon mampu, asalkan penulis skrip – dia hendak menghasilkan sesebuah filem ini kadang-kadang penulis skripnya pengarahnya, penyuntingnya, juru gambarnya - dan pelbagai unit yang menghasilkan filem itu bermutu.

Sebab itu saya lihat filem-filem Barat, filem-filem Hindustan, filem-filem daripada Hong Kong, dia mendapat gabungan daripada pelbagai unit yang menghasilkan filem itu, semuanya mencerminkan kecemerlangan dan mutu yang tinggi dalam kerjaya masing-masing. Kalau bagi penulis skrip, dia menulis skrip dengan betul, dengan baik, dengan cantik, dengan bernas, dengan ada falsafahnya, yang ada memberikan nasihat dan juga bimbingan kepada pendengar. Walaupun ia menghidupkan dalam cerita itu tetapi dia dapat memberikan daya tarikan kepada kita sebagai penonton merangkap pendengar ini dapat menimba sesuatu daripada filem yang kita tonton.

Ini kekuatan filem-filem itu yang saya rasa hari ini filem-filem tempatan masih kurang mampu hendak mempertingkatkan mutu dari segi skrip dan juga jalan cerita, pengarahannya, penggambaran, sudut gambaran dan pelbagai lagi perkara yang berkaitan dengan melengkapkan untuk sesebuah filem itu menjadi tontonan filem yang bermutu. Jadi, perkara-perkara seperti ini saya harap kerajaan kita akan dapat memberikan bantuan yang seluas-luasnya kepada pengusaha-pengusaha filem dan karyawan-karyawan kita.

Saya ingin sangat filem-filem Malaysia ini baik filem-filem yang berbahasa Melayu, bahasa Cina ataupun bahasa Tamil yang berteraskan kepada pelakon tempatan, yang berteraskan kepada negara ini akan benar-benar dapat kita tonjolkan menjadi pesaing kepada filem-filem luar kerana kalau kita dapat mengalih minat penonton di seluruh negara kepada filem-filem keluaran tanah air kita sendiri, baik berbahasa Melayu, bahasa Cina ataupun berbahasa Tamil ataupun bahasa Inggeris sendiri supaya dapat kita mengurangkan penggantungan kita kepada filem-filem import yang hari ini tidak dapat hendak kita sekat kerana sebab-sebab yang saya nyatakan tadi. Jad, kalau boleh bantuan-bantuan yang tertentu harus diberi dari segi kepakaran dan sebagainya.

Jadi, inilah Tuan Pengerusi, sedikit sebanyak perbahasan saya dalam Akta Rang Undang-undang Penapisan Filem untuk panduan dan pandangan serta cadangan-cadangan kepada pihak kerajaan.

Terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini saya bagi Serdang.

11.45 pagi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengambil bahagian dalam perbahasan sedikit sebanyak berkaitan dengan Rang Undang-undang Penapisan Filem Yang dibentangkan untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dan memberi sokongan ke atas Rang Undang-undang Penapisan Filem yang dibentangkan kerana pada ketika ini memang masyarakat kita sedang menghadapi masalah sosial yang salah satu puncanya ialah daripada filem lucah yang begitu berleluasa di dalam negara kita. Tetapi perkara yang saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat iaitu Penubuhan Lembaga dalam bahagian II Rang Undang-undang Penapisan Filem ini. Apa yang ada dalam akta ini penubuhan lembaga itu yang dilantik oleh Menteri ialah seorang Pengerusi, seorang Naib Pengerusi dan tidak kurang daripada dua orang lain menjadi lembaga penapis.

Apa yang dikatakan oleh pihak kementerian pada tahun lalu sebanyak 30,000 filem telah dihantar untuk ditapis. Di antaranya 10,000 lebih telah diluluskan, 10,000 lagi telah ditapis dan diubah (tidak diluluskan). Lagi 1,000 atau hampir 2,000 itu

dilarang, ertinya ditahan, dan 1,700 telah ditolak. Dan sehingga bulan Ogos ini Lembaga Penapis Filem ini telah terima sebanyak 23,000 filem dan di antaranya 16,000 telah diluluskan, 5,000 lebih telah ditapis dan diubah dan diluluskan. Sebanyak 570 filem ditolak. Dengan adanya ahli-ahli lembaga penapis yang hanya beberapa orang sahaja, cara mana untuk menjalankan penapisan begitu banyak filem dihantar untuk ditapis kan. Hanya kalau ikut bilangan ahli lembaga, seorang Pengerusi dan seorang Naib Pengerusi dan tidak kurang daripada dua orang lain itu, ertinya tidak lebih empat orang. Empat orang itu untuk menapis dengan sebanyak itu filem yang dihantar untuk ditapis. Ini satu masalah.

Saya tidak tahu garis panduan untuk menapis satu-satu filem itu. Sekiranya satu filem itu mungkin satu jam atau dua jam untuk ditayangkan, adakah lembaga penapis untuk disaksikan dan dilihat semua filem ditayangkan untuk ditentukan sama ada filem itu dilulus atau ditolak atau berunsur lucah atau unsur yang lain itu supaya dapat ditolakkan, ini penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana filem yang diterima untuk ditapis bukan sahaja bahasa Inggeris tetapi bahasa Tamil, bahasa Mandarin dan juga ada bahasa Kantonis. Adakah ahli-ahli lembaga penapis yang dilantik fasih, faham kebudayaan daripada bahasa Inggeris, mungkin saya tidak nafikan tetapi dalam bahasa Mandarin, bahasa Kantonis, adakah ahli-ahli lembaga penapis itu fasih atau faham apa yang ditunjuk dalam bahasa Mandarin atau bahasa Kantonis itu supaya daripada dalam filem itu boleh membayangkan sama ada perkataan itu berunsur lucah atau tidak. Macam mana untuk tentukan. Sama ada ahli-ahli lembaga penapis yang dilantik itu fasih dalam bahasa Mandarin atau bahasa-bahasa Kantonis itu. Bukan sahaja itu, adakah ilmu atau pengetahuan dalam kebudayaan bahasa Mandarin atau kebudayaan tradisi orang-orang Cina.

Selain itu, saya pun minta penjelasan seperti filem yang berunsur keagamaan. Sebab sensitiviti keagamaan memang penting. Seperti salah seorang lembaga penapis mereka adakah daripada kefahaman keagamaan seperti Budha. Sama ada perkara itu melanggar atau menjadikan satu sensitif kepada *Buddhism* itu. Ini satu perkara penting. Apa yang dikatakan dalam kenyataan itu begitu banyak, satu tahun 30,000 filem masuk untuk ditapis. Itu sebab saya ingat cukup masa untuk lembaga penapis untuk dapat peluang untuk betul-betul menapiskan.

Waktu ini saya nampak Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi bantahan-bantahan daripada orang ramai terhadap sesuatu filem itu yang ditayangkan dalam TV atau lain-lain seperti mana dikatakan berunsur keganasan. Ada juga berunsur sensitif keagamaan. Ada juga berunsur daripada lucah, tidak sesuai untuk ditayangkan. Ini semuanya berkaitan dengan pentingnya untuk menjadi satu garis panduan yang penting. Yang penting sekali lembaga penapis yang dilantik itu. Saya tengok bilangan begitu kecil untuk menapis begitu banyak filem yang masuk untuk ditapis. Ini satu masalah penting untuk supaya dapatlah penjelasan daripada pihak kementerian termasuk juga dalam filem tempatan.

Saya juga harap berilah banyak lagi supaya filem-filem tempatan yang dikeluarkan untuk tayangan di negara kita ini perlu digalakkan dan beri keutamaan untuk ditapis sebab ini penting untuk menggalakkan perfileman negara. Kalau negara kita banyakk filem-filem daripada negara asing dan kalau negara kita ada keluaran filem-filem itu dapatlah beri keutamaan supayatapis lebih dahulu. Ini satu pandangan saya semasa saya membentangkan ulasan terhadap lembaga penapis yang begitu penting.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penguat kuasa saya ucapkan tahniah dan penghargaan kepada jawatankuasa pasukan penguat kuasa yang telah menjalankan tugasnya sepanjang masa tahun lalu dan tahun ini. Tetapi mungkin belum memuaskan lagi, mungkin banyak lagi terdapat filem-filem atau lain-lain ada VCD itu yang memang mempunyai unsur lucah lagi masih diteruskan di dalam tempat-tempat yang tertentu. Penguatkuasaan itu pun telah menjalankan tugas yang lebih kemas lagi demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian saya hanya memberi sedikit pandangan. Mintalah dapat beri penjelasan daripada pihak kementerian sebab ini penting untuk masa akan datang. Dengan demikian saya memberi sokongan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena. Pokok Sena dulu.

11.54 pagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001. Dalam kita membahaskan penapisan filem ini, satu perkara yang harus hendak diberikan penekanan ialah bagaimana dalam penapisan filem ini soal penyelarasan dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu dapat dirumuskan supaya ia mencapai satu matlamat seperti mana yang digariskan dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kerana seperti mana yang disebut oleh Timbalan Menteri dalam pembentangan rang undang-undang ini bahawa filem memainkan peranan yang sangat besar dalam pembentukan budaya dan ia juga menjadi penyumbang kepada wujudnya faktor-faktor yang berkaitan dengan gejala sosial yang berlaku dalam negara kita seperti mana yang telah disebut tadi.

Jadi, oleh sebab itu bagi saya bahawa perlu kepada pihak kerajaan hari ini ialah untuk menilai semula kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang ada dalam negara kita kerana itu merupakan perkara asas. Kalau Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini tidak dinilai dan kemudiannya dari sudut pelaksanaannya tidak dapat hendak diselaraskan dalam unsur-unsur yang lain termasuk dalam penapisan filem, ini bermakna rang undang-undang ini tidak bermakna dalam hal untuk memberikan penapisan filem, mungkin kita hanya menapis filem-filem dari sudut perkara-perkara yang berkaitan seperti mana yang digariskan iaitu 18SG maknanya yang ada unsur ganas, seram dan sebagainya yang tidak boleh ditayang ada masalah lucah dan sebagainya ada waktu-waktu yang ditayang. Tetapi kita tidak memberikan penumpuan bahawa filem memainkan peranan yang sangat besar dalam penyerapan budaya asing kepada masyarakat Malaysia yang sudah tentu akan meruntuh kebudayaan kebangsaan itu sendiri.

Sebab itu dalam pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini kita lihat bahawa kita lebih mementingkan kepada budaya-budaya yang bernilai rendah tidak menumpukan kepada budaya bernilai tinggi. Kita lebih menumpukan kebudayaan itu kepada kebudayaan nilai-nilai lain tetapi tidak kepada kebudayaan nilai tinggi, bermaksud seperti kebudayaan yang berunsur kebudayaan tinggi ini ialah seperti falsafah, soal nilai. Kita tidak memberikan penekanan kepada itu semua dan akhirnya kita tidak boleh hendak menentukan soal-soal yang berkaitan dengan penyaluran filem-filem yang terdapat dalam negara kita sama ada daripada luar ataupun dalam negara kita yang benar-benar dapat sesuai dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Walaupun Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini telah pun menggariskan berasaskan kepada tiga prinsip iaitu yang berkaitan dengan pertama kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal di rantau ini. Kedua, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar bolehlah diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan, dan ketiga, Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Ini merupakan tiga prinsip yang menggagaskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang saya kira bahawa Kementerian Dalam Negeri dalam hal berkaitan dengan soal penapisan filem ini juga dan juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan soal media umpamanya harus menyerapkan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sendiri. Sebab kalau tidak nanti kita akan menghadapi permasalahan sosial yang lebih teruk pada masa yang akan datang. Sebab kita lihat bahawa filem-filem yang ditayangkan sama ada di pawagam ataupun di TV atau sebagainya tidak mencerminkan penerapan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sendiri dan tidak mencerminkan pembinaan dan pembentukan kebudayaan yang berunsur falsafah tinggi dalam hendak membentuk daya hidup masyarakat yang berasaskan kepada falsafah tinggi, bukan berbentuk gaya hidup berasaskan kepada budaya popular seperti mana yang berlaku dalam masyarakat kita.

Sebab itu kita lihat bahawa filem-filem khususnya filem tempatan hari ini lebih berorientasikan kepada nilai komersial bukan berasaskan kepada nilai seni ataupun tidak berasaskan kepada nilai sosial, tetapi ia lebih berasaskan kepada nilai komersial dan nilai populariti seseorang pelakon yang baik, yang cantik, yang lawa itu sahaja. Tetapi kalau kita lihat bahawa filem-filem yang terdapat dalam negara kita ini tidak banyaklah bagi saya mempunyai unsur-unsur yang dari sudut membudayakan perkara-perkara yang berkaitan dengan soal nilai seni, nilai sosial dan sebagainya. Sebab itu

kita lihat bahawa daya tarikan kepada filem yang terdapat dalam negara kita yang dikeluarkan oleh industri filem dalam negara kita ini tidak banyak menarik minat di kalangan masyarakat dalam negara kita. Ia hanya sekadar untuk orang tonton sebab sudah tidak ada filem lain, tidak ada gambar lain jadi orang tonton. Jadi, itulah yang harus diberikan perhatian.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Tampin.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Pokok Sena. Saya amat terpegun dan terpengaruh dengan cara Pokok Sena menyampaikan hujahnya. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pokok Sena kerana Pokok Sena kata tadi lakonan dan filem boleh memainkan peranan yang begitu besar dalam mempengaruhi sesuatu masyarakat ataupun individu. Rasa-rasanya antara seorang pelakon dengan seorang ahli politik, mana yang lebih tinggi pengaruhnya. Tadi Pokok Sena kata budaya kebangsaan. Kalau ahli politik itu pengaruhnya lebih banyak, budaya macam mana ahli politik kena bawa. Adakah sebagaimana sesuatu hujah itu atau berceramah itu kita bercakap dengan kasar, ganas dan sebagainya ataupun ini berlakon sahaja Pokok Sena cakap ini. Lembut hari ini, saya pun terpengaruh dan terpegun dengan cara Pokok Sena bercakap ini. Lembut, lembut. Lembut lidahlah hari ini. Saya minta pandangan. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Antara budaya tinggi yang harus dimiliki oleh seorang ahli politik, dia tidak *challenge* orang lain tumbuk dalam Dewan yang mulia ini [Ketawa] seperti Yang Berhormat sendiri pernah buat dekat saya dulu [Ketawa] ha itu nilai dan budaya tinggi yang harus ada kepada seorang ahli politik dan juga seorang ahli politik yang harus mendokong satu idealisme bahawa dia harus memperjuangkan yang berasaskan kepada prinsip kebenaran dan kebebasan, kebenaran untuk menegakkan kebenaran mesti menentang sesuatu yang tidak benar, yang zalim, yang merupakan penyalahgunaan kuasa, rasuah dan sebagainya. Itu idealisme perjuangan yang harus dimiliki oleh seorang ahli politik, jadi saya hendak tinggal bab politik, saya hendak masuk bab filem dulu ya. Kejap, kejap, kejap bagi saya habis dahulu [ketawa]

Sebab itu saya hendak balik kepada soal filem tadi, sebab filem-filem yang terdapat yang dihasilkan oleh industri filem dalam negara kita ini tidak banyak untuk menarik minat, sebab dia tidak mempunyai nilai-nilai seni, nilai-nilai sosial yang nilai sosial dalam sudut jalan cerita yang boleh menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat kita. Sebab itu balik-balik hari ini saya lihat bahawa rancangan-rancangan, siaran-siaran televisyen yang ada sekarang ni, balik kepada filem-filem lama, filem-filem Allahyarham P. Ramlee umpamanya yang kita akui bahawa mempunyai nilai-nilai yang sangat tinggi dari sudut realiti jalan ceritanya, walaupun kadang-kadang kita lihat bahawa dalam berseloroh dalam berjenaka dalam berlucu tetapi mempunyai satu mesej yang sangat jauh ke hadapan berbanding dengan filem-filem yang ada pada hari ini.

Hari ini orang banyak tidak minat kepada filem-filem yang ada tetapi orang lebih minat kepada filem-filem daripada luar, umpamanya baru ini satu filem yang sangat popular daripada orang tua sampai budak-budak, filem Mexico yang disiarkan di ntv7, apa filem apa?...Ha...apa?...Bukan?...dora, dora...le usurpadora!...Dia mempunyai nilai, sehingga orang melihat filem tersebut bukan sangat kerana mungkin pakaian wanita itu agak menjolok mata tetapi mereka melihat filem itu bukanlah kerana anak-anak kecil kerana, bukanlah kerana pakaian menjolokkan mata tetapi nilai cerita, jalan cerita, krisis keluarga yang terdapat dalam filem La Usurpadora itu.

Jadi ini, tetapi kalau kita lihat filem-filem yang dilahirkan oleh industri perfileman dalam negara kita tidak mempunyai nilai cerita, kita tahulah kalau kita tengok filem yang dilahirkan oleh industri filem ini, kita tahu selepas ini apa hendak jadi. Kita jadi seolah-olah kita boleh jadi pengarah kita tahu apa hendak jadi, tetapi kalau kita lihat filem-filem seperti La Usurpadora kita pun suspend bila dia berhenti sekerat jalan, besok dia hendak tayangkan, duduk fikir besok apa akan jadi? Kita tidak tahu.

Jadi itu menunjukkan bahawa mempunyai nilai seni dan juga nilai sosial yang tinggi, sebab itu filem-filem Melayu hari ini tidak mendapat tempat, akhirnya maka balik

kepada menayangkan filem-filem lama yang dihasilkan oleh Allahyarham P. Ramlee seperti mana yang saya katakan bahawa mempunyai nilai yang sangat tinggi.

Umpamanya macam cerita penyamun, P.Ramlee masuk dalam gua. Masuk dalam gua, dia menggambarkan pada waktu itu, saya tidak ingat gambar apa, tetapi dia kayuh basikal dia keluar daripada gua dia pakai *neck tie*. Penyamun, padahal penyamun pada waktu itu takkan penyamun itu nak pakai neck tie, lanun takkan lanun nak pakai *neck tie* tetapi dia mempunyai satu mesej yang jauh ke hadapan bahawa satu hari nanti, dalam tahun 80-an, 90-an, 2000 ini penyamun pada waktu itu semua pakai kot, semua pakai *tie*. Semua pakai sistem komputer teknologi maklumat, ini satu pemikiran yang *advance* yang ada kepada Allahyarham P. Ramlee.

Dan begitu juga satu filem Allahyarham P.Ramlee, Pendekar Bujang Lapok, Pendekar Bujang Lapok, bila dia hendak pergi belajar silat kepada Wak Mustarjo, Pendekar Wak Mustarjo ini, dia mempunyai satu nilai politik yang sangat jauh ke hadapan untuk melihat apa akan jadi kepada politik Malaysia pada masa akan datang, ini Allahyarham P.Ramlee. Bila mereka sampai ke rumah Wak Mustarjo ini, Dato' ada satu kelas mengajar orang-orang dewasa, yang diajar oleh pelakon pada waktu Allahyarham Ros Yatimah. Jadi mereka pun tidak tahu apa benda ni, orang duduk mengajar ke, apa benda, orang sedang buat apa dalam tu? Mereka tidak tahu, sebab mereka ini buta huruf. Lalu si Allahyarham P.Ramlee minta Sudin untuk membaca apa yang ditulis di *signboard* yang ada di kelas tersebut. *Signboard* tersebut menulis dalam bahasa rumi, tulisan-tulisan rumi tetapi Sudin membaca dia kata, "sekejap Ramlee aku sedang mahu mengeja. Alif, mim, nun, wau." Bunyi apa alif, mim, nun, wau? Kalau kita baca, apa bunyinya? Bunyinya itu UMNO. Ramlee tanya, "apa Sudin", "nantilah aku mahu baca lagi, Alif tendang mim, nun tolak wau", "apa Sudin?" "Sarkaslah", dia menggambarkan bahawa suatu hari UMNO jadi sarkas.....[ketawa]...

Ini satu pemikiran P.Ramlee yang sangat *advance*, yang sangat jauh ke hadapan bahawa satu hari bahawa porak-peranda berlaku dalam UMNO tidak ubah seperti mana apa yang berlaku dalam sarkas. Jadi ini yang saya kira bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya kadang tengok Yang Berhormat berucap ni pun macam dalam filem juga, cara Yang Berhormat berucap pun tidak usahlah bulan baik ini menyentuh UMNO macam sarkas, saya filem-filem dulu sebagai hiburan saja, kadang tengah hari selalu risau tengok gambar P. Ramlee tu rilek sikit tidak kiralah, saya tidak ada cerita pasal ada nilai, saya cakap terus-teranglah memang saya suka tengok cerita dia tu dia boleh menghiburkan kita dalam kita susah-susah. Jadi saya ingat Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam penyelesaian Yang Berhormat menyatakan UMNO macam sarkas ini, tidak kena, saya pun boleh juga menyentuh PAS kalau hendak jadikan filem lepas tu saya menyentuh PAS, tidak baik. Sebab itulah saya ingat Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menyentuh cakap budaya yang boleh dinilai tetapi Yang Berhormat cakap sudah habis menyentuh orang lain, budaya apa ni? Saya pun berucap tidak mahu menyentuh juga boleh dikaitkan dengan filem. Itu saja macam mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Tebrau, memang saya pun bersetuju bahawa kita harus banyak melihat filem-filem P. Ramlee ini yang banyak memberikan pengajaran kepada kita tentang soal realiti semasa, banyak lagi filem-filem P. Ramlee ini yang saya boleh mengurai tentang bagaimana mempunyai pemikiran yang sangat *advance* yang sangat jauh ke hadapan untuk melihat tentang kehidupan masyarakat dan rakyat kita pada waktu itu dan juga pada masa yang akan datang, sebab itu saya hendak balik kepada bahawa soal filem ini perlu diasaskan kepada dasar kebudayaan kebangsaan itu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, maaf saya ganggu sikit, berapa lama Yang Berhormat perlu

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya rasa tidak sangat, tidak, tidak banyak sangat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya kena *adjust*kan untuk supaya Timbalan Menteri boleh siap sedia untuk jawapan jadi berapa lama, berapa lama?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya rasa tidak banyak, sebelum 12.30 saya boleh habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Insya-Allah, Insya-Allah. Terima kasih. Sebab itu kita harus balik kepada asasnya dan dasar kebudayaan kebangsaan dan kemudian melahirkan dasar perfileman itu sendiri. Apa yang kita hendak daripada filem. Filem yang seharusnya membantu kepada menyerapkan budaya tinggi di kalangan masyarakat kita untuk membentuk pemikiran kita, membentuk akhlak, membentuk masyarakat kita, sosial kita supaya menjadi masyarakat yang lebih baik pada masa yang akan datang ini.

Sebab itu kita harus melihat bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan filem ini satu penyesuaian dengan dasar kebudayaan kebangsaan seperti mana yang saya katakan tadi bahawa perlu dibuat kerana undang-undang sahaja tidak cukup, kerana bagi saya undang-undang sahaja untuk mendenda orang dan sebagainya tidak cukup kalau kita sendiri tidak boleh hendak menentukan apa yang kita hendak sebab saya bimbang seperti mana yang disebut oleh rakan saya kalau tidak silap saya daripada Serdang tadi, apakah Lembaga Penapisan Filem ini boleh memahami kebudayaan-kebudayaan daripada kebudayaan-kebudayaan luar dan sebagainya.

Sama ada ianya boleh menyentuh ataupun tidak perkara-perkara yang berkaitan dengan kebudayaan kita, sebab itu yang pentingnya ialah Lembaga Penapisan ini harus memahami dasar kebudayaan kebangsaan ini supaya setiap filem yang hendak ditapis mesti tidak lari daripada asas dan matlamat hala tuju dasar-dasar kebudayaan dan kebangsaan itu sendiri sebab kalau Lembaga Penapisan Filem sendiri tidak boleh memahami ini maka sudah tentulah ianya akan menyebabkan berlaku seperti mana yang berlaku dalam negara kita.

Dan juga bukan sekadar Lembaga Penapisan Filem itu sahaja yang mesti memahami dasar kebudayaan kebangsaan tetapi garis-garis panduan dalam hendak mengukur filem-filem itu boleh ataupun tidak diluluskan untuk ditayangkan di negara kita juga harus ada garis panduan itu secara yang jelas. Sebab garis panduan itu mestilah berasaskan kepada dasar kebudayaan kebangsaan itu sendiri supaya ianya tidak menimbulkan perkaraperkara yang boleh berlaku perkara-perkara yang tidak baik dalam negara kita.

Umpamanya baru-baru ini, mufti Wilayah sendiri pernah menegur pihak rancangan-rancangan televisyen dalam negara kita yang menyiarkan umpamanya seperti mana filem katanya filem di sini yang berkaitan dengan filem *Angel* yang disiarkan di TV2, *The Warrior of Princess Xena* dalam NTV7, *Mortal Combat* dalam TV3 katanya bahawa filem-filem ini satu filem-filem yang umpamanya *Angel* yang disiarkan setiap Jumaat pada jam 10.00 malam mengisahkan pontianak baik dikenali sebagai *Angel* yang ingin membebaskan dirinya daripada kuasa jahat dengan menyelamatkan nyawa manusia. Ini merupakan perkara-perkara yang ada unsur-unsur bersifat tahayul dan sebagainya, begitu juga dengan *Mortal Combat* yang mengisahkan pertembungan antara kuasa jahat dan kuasa baik, yang mempunyai banyak unsur-unsur tahayul dan sebagainya.

Ini teguran yang dilakukan oleh mufti Wilayah sendiri terhadap filem-filem yang ditayangkan dan juga mempunyai unsur-unsur khurafat. Masalah yang ada sekarang ini ialah filem-filem ini telah pun ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem di bawah akta filem yang ada. Tapi bagaimana filem itu boleh ditapis, boleh dibenarkan, boleh diluluskan? Ini bermakna bahawa Lembaga Penapisan Filem sendiri tidak jelas, tidak ada satu garis panduan yang jelas tentang bagaimana bentuk filem yang boleh diluluskan untuk ditayangkan. Walaupun kadang-kadang ada juga satu perkara lagi yang berkaitan dengan kita katakan bahawa 18SG, waktu siarannya begini, begini dan sebagainya, 18SX, 18PA, 18PL dan sebagainya, ada filem di waktu siaran perdana ini filem untuk tontonan umum, filem yang ada U. Kemudian pukul 10.00 ke atas itu filem, filem yang hanya boleh ditonton oleh orang yang berumur 18 atau 21 tahun ke atas. Jadi seolah-olahnya kita katakan bahawa pada pukul 10.00 ke atas orang tua punya filem, orang tua boleh buat apa sahaja, boleh tengok filem apa sahaja sedangkan orang tua lah seharusnya menjadi contoh kepada anak-anak muda, khususnya kepada anak-anak itu sendiri, kalau orang tua sendiri telah terpengaruh dengan penyerapan budaya asing yang masuk melalui filem-filem selepas pada pukul 10.00 itu, itu akan

menyebabkan berlaku kerosakan pada orang tua itu dan akan berlaku kerosakan kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Jadi sebab itu bagi saya Dato' Yang di-Pertua bahawa soal yang berkaitan dengan dasar kebudayaan kebangsaan ini perlu diperjelaskan dalam penapisan filem ini khususnya kepada Lembaga dan garis panduan harus jelas dalam memastikan rang undang-undang ini akan benar-benar bermakna kepada kita semua.

Saya hendak tunjuk bagaimana Kementerian Dalam Negeri gagal dalam garis panduannya saya hendak tunjuk contoh di sini kepada Yang Berhormat Dato', sebab saya katakan bahawa garis panduan dalam penapisan filem mungkin ada mungkin tidak kalau ada, tidak diikuti, dan garis panduan-garis panduan yang lain ada tapi tidak diikuti dalam hal berkaitan dengan penerbitan. Saya hendak tunjuk contoh bagaimana satu akhbar tabloid, dwi mingguan yang dikeluarkan saya tidak pasti oleh siapa dari Kencana, diterbitkan oleh Sutek Cooperation Sdn Bhd dicetak oleh KKL Press Sdn Bhd. Bandar Kinrara, Puchong, Selangor. Ini ada gambar, saya tidak tahulah, ini adalah unsur-unsur macam hantu, tahayul dan sebagainya. Dia diberikan permit KDN sedangkan saya percaya bahawa ada garis-garis panduan yang tertentu yang boleh dan tidak boleh dibenarkan oleh KDN.

Satu lagi saya hendak tunjuk di sini, skop yang juga diberikan oleh KDN, permit dia menggambarkan – walaupun ini digambarkan ini satu majalah sukan, skop sukan iaitu skop kepada *wrestling*. Tetapi ia ada unsur-unsur lucu, yang banyak dipamerkan ialah wanita-wanita, pengusti-pengusti daripada wanita dengan pakaiannya sangat teruk menonjolkan tempat-tempat yang sulit sedangkan dalam garis panduan penerbitan bahawa tidak boleh menampakkan sebahagian daripada dadanya. Ini bukan sebahagian daripada dada, semua dada boleh nampak. Itu garis panduan saya percaya, saya tidak bawa garis panduan yang diterbitkan oleh Kementerian Dalam Negeri sewaktu saya menyerahkan kepada bekas Timbalan Menteri Dato' Megat Junid dulu, sewaktu saya menyerahkan bagaimana penerbitan-penerbitan dalam negara kita yang diberikan Kementerian Dalam Negeri telah tidak ikut peraturan tanpa ada penguatkuasaan tindakan yang dilakukan oleh KDN.

Satu lagi, Warta Seni ada KDN, seks Cindy dengan Negro. Ini menceritakan tentang seks, sama ada seks di antara lelaki dan wanita, ataupun wanita dengan wanita, lesbiannya, ataupun lelaki dengan lakinya, ini akhbar-akhbar yang mengandungi unsur-unsur seks yang sangat, sangat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak Yang Berhormat beli ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana Yang Berhormat beli ha?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya saya meminta pegawai-pegawai saya untuk membuat *search* untuk membeli. Saya pernah melonggokkan di pejabat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada waktu itu Dato' Megat Junid, 20 hingga 30 majalah-majalah hiburan dalam negara kita yang bertentangan dengan garis panduan. Bila saya bangkitkan di Parlimen ini, pada tahun yang lalu Timbalan Perdana Menteri juga Menteri Dalam Negeri kata Yang Berhormat tolong bawa majalah, pergi pungut kutip bawa mari dekat saya. Saya kata baik saya jadi menteri dalam negeri. Jadi saya tolong buat kerja untuk memberitahu kepada pihak Kementerian Dalam Negeri bagaimana pihak Kementerian Dalam Negeri boleh mengeluarkan permit KDN kepada majalah-majalah yang seumpama ini.

Umpamanya dalam majalah ini ada satu gambar yang saya kirakan bahawa adalah tidak wajar dengan umpamanya, seorang wanita duduk di bawah ekzos kereta, kemudian gambarnya di dadanya tinggi: "Mak ai besarnya!". Ini satu ungkapan: "Mak ai besarnya!". Majalah-majalah seperti ini begitu diminati oleh anak-anak muda yang terdapat dalam negara kita. Kita telah menyuntik dalam pemikiran mereka unsur-unsur yang boleh merosakkan akal budi masyarakat yang terdapat dalam negara kita, sedangkan kita katakan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita hendak tumpukan kepada perkara-perkara yang boleh meningkatkan akal budi di kalangan masyarakat kita. Jadi ini yang saya kira bahawa merupakan perkara yang harus diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Dalam Negeri sebab bagi saya bahawa saya sangat mempersoalkan soal penguatkuasaan. Lebih banyak penguatkuasaan

dalam penerbitan ini dibuat kepada akhbar-akhbar yang ada unsur-unsur politik yang boleh menjejaskan kepentingan politik UMNO dan Barisan Nasional. Inilah akhbar-akhbar yang diambil tindakan, tetapi akhbar-akhbar yang boleh meruntuhkan akal budi masyarakat dan anak-anak muda kita diberikan Kementerian Dalam Negeri dan dibiarkan secara berleluasa walaupun bertentangan dengan garis panduan yang ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri itu sendiri.

Jadi oleh sebab itu bagi saya bahawa dalam memastikan keberkesanan rang undang-undang yang akan kita luluskan pada hari ini mestilah dari sudut garis panduannya yang jelas dan tindakan penguatkuasaannya perlu diambil dan tidak boleh Kementerian Dalam Negeri dari segi penguatkuasaannya hangat-hangat tahi ayam. Baru-baru ini apabila sudah timbul kekecohan pasal filem lucah, maka segeralah buat serbuan, buat rondaan dan sebagainya tetapi selepas itu senyap, tidak ada penguatkuasaan yang serius yang dilakukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri itu sendiri.

Begitu juga saya mempersoalkan juga bahawa bagaimana penguatkuasaan ini boleh berlaku sebab siapa hendak pergi *check* di hotel? Dalam Vision 4, umpamanya filem-filem yang ditayangkan di hotel, apakah filem-filem yang ditayangkan di hotel itu filem-filem yang diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem ataupun filem yang diambil sendiri di luar daripada pengetahuan Lembaga Penapisan Filem?. Siapa yang hendak pergi *check*? Sebab itu saya katakan bahawa perlu ada satu mekanisme yang lebih jelas dan penambahan kepada pegawai penguat kuasa perlu ada untuk memastikan keberkesanan undang-undang yang ada ini untuk hendak *check* di hotel dan sebagainya.

Begitu juga yang saya hendak persoalkan tentang ASTRO, umpamanya. Saya tidak pasti dalam rang undang-undang ini walaupun disebut bahawa filem itu termasuklah CD, VCD, Disk dan sebagainya. Tetapi bagaimana filem-filem yang dipancar melalui satelit daripada luar kemudian masuk ke satelit yang ada di ASTRO kemudian akan sampai kepada pengguna? Bagaimana proses penapisan tersebut? Sebab dia bukan datang dalam bentuk seketul video ataupun satu lakaran filem. Dia bukan datang seketul maknanya kalau datang seketul boleh kita pergi ke Lembaga Penapisan Filem, Lembaga Penapisan Filem ambil masa beberapa lama untuk membuat penapisan.

Bagaimana kalau filem-filem yang dipancar terus daripada satelit asing umpamanya daripada negara asal umpamanya dalam ASTRO ini dia ada bahagian variety umpamanya iaitu berkaitan dengan "Star World TV". Maknanya ini filem-filem yang dibeli oleh ASTRO yang dipancar terus daripada sana kemudian masuk ke ASTRO di sini, kemudian barulah pergi kepada pengguna walaupun ianya mengambil masa untuk mendapat live itu - sekurang-kurangnya 10 ke 15 minit - sudah tentulah mana berkesempatan untuk mereka menyerahkan perkara tersebut kepada Lembaga Penapisan Filem untuk membuat tapisan-tapisan. Maka sudah tentu bahawa ini akan mendedahkan juga kepada kewujudan filem-filem yang di luar daripada kawalan pihak Lembaga Penapisan Filem itu sendiri dan sudah tentu bagi saya bahawa kalau ini terus berlaku maka tidak ada makna kepada peruntukan undang-undang yang ada dalam negara kita ini.

Satu lagi yang saya hendak sentuh juga, perlu Lembaga Penapisan Filem mengambil kira filem-filem iklan yang juga mempunyai unsur-unsur penyerapan budaya popular yang tidak banyak menguntungkan masyarakat khususnya anak-anak muda. Umpamanya saya hendak tunjuk contoh filem iklan - kalau tidak silap saya - hendak makan Mc Donald. Dia hendak makan dan sudah hendak masuk mulut, dia letak balik. Gambar itu tunjuk dia buka tali pinggang. Ini satu benda yang cukup suspense. Apa kaitan dan kena mengena hendak makan burger Mc Donald kena buka tali pinggang? Jadi tidak ada kaitannya hendak makan burger kena buka tali pinggang. Apa pasal hendak buka tali pinggang? Kecuali kalau hendak balun tengah belakang Larut, bolehlah buka tali pinggang [*Ketawa*]. Ini hendak makan burger, buka tali pinggang. Apa perlu?

Jadi ini yang saya katakan tadi bahawa filem-filem iklan juga harus diberikan tumpuan supaya dia tidak lari daripada Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita yang boleh membentuk satu budaya tinggi di kalangan masyarakat kita untuk melahirkan masyarakat dan rakyat yang mempunyai akal budi yang tinggi dalam negara kita.

Jadi sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua hendak berucap.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Pendek ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 15 mini setiap ahli hendak berucap. Jadi Gelang Patah dan Tebrau, selepas itu Timbalan Menteri boleh jawab.

12.22 tgh.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyokong usaha pihak kerajaan terutama Kementerian Dalam Negeri dalam usaha untuk menggubal undang-undang baru bagi mengemas kini serta melengkapkan sistem penapisan filem di negara ini. Mekanisme penapisan filem merupakan salah satu cara pihak pemerintah memantau pertumbuhan budaya, ideologi serta sistem nilai yang mungkin tidak sesuai untuk masyarakat kita. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa pengaruh-pengaruh dari luar sama ada pengaruh yang positif mahupun pengaruh yang negatif boleh meresap ke dalam kehidupan rakyat Malaysia melalui pelbagai saluran. Dalam kata lain, dengan memperketatkan sistem penapisan filem semata-mata tidak akan menjamin rakyat Malaysia bebas daripada pengaruh yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, dengan semakin popularnya Internet sebagai alat komunikasi dalam zaman ledakan maklumat ini, rakyat Malaysia sebenarnya lebih terdedah kepada pengaruh luar melalui Internet berbanding dengan filem. Dalam soal ini, Fasal 2 (3) Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001 memperuntukkan bahawa akta ini tidak boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang disiarkan, dipamerkan, disebarkan, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan melalui Internet atau melalui Intranet. Ini bermakna rakyat Malaysia sebenarnya mempunyai peluang yang tidak tersekat untuk menonton filem-filem yang tidak diluluskan oleh Lembaga Penapisan sekiranya filem tersebut ditayangkan melalui Internet atau Intranet.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mencadangkan supaya filem-filem yang ditayangkan melalui Internet terus ditapis. Sebaliknya pada pendapat saya, apa yang lebih penting ialah menekankan pendidikan agama dan moral di kalangan rakyat supaya mereka mampu menapis sendiri apa yang baik dan apa yang tidak baik untuk mereka. Yang baik kita jadikan teladan dan yang buruk kita jadikan sempadan. Pendidikan agama dan moral yang sempurna bukan sahaja membantu kita membezakan antara perkara yang baik dan perkara yang tidak baik dan disajikan melalui Internet. Malah pendidikan ini turut memperkuatkan ketahanan mental kita, ketahanan diri kita untuk menolak segala bentuk pengaruh negatif yang wujud dalam kehidupan harian kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman globalisasi ini, peluang rakyat Malaysia untuk melawat ke luar negara telah bertambah banyak. Rakyat kita mungkin ke luar negara untuk belajar, menghadiri seminar atau persidangan. Untuk urusan perdagangan atau untuk makan angin, undang-undang yang seketat manapun tidak dapat menghalang rakyat Malaysia daripada mengetahui perkembangan isu tertentu atau menerima pengaruh tertentu apabila mereka berada di luar Malaysia. Yang dapat mengikut rakyat Malaysia ke mana sahaja mereka pergi ialah sistem nilai mereka yang dibentuk melalui proses pendidikan semasa mereka berada di Malaysia. Justeru itu tidak kira secanggih pun dunia telah menjadi kerajaan serta para ibu bapa tidak boleh memandang ringan pendidikan agama serta moral generasi akan datang. Kekebalan rakyat Malaysia terhadap pengaruh yang negatif cuma dapat dibentuk melalui proses pendidikan agama serta moral yang sempurna dan berterusan. Kemampuan mereka membezakan dan menapis dengan sendiri yang baik dari yang buruk yang akan mengikut mereka di mana jua mereka berada.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu ingat bahawa individu yang berlainan mungkin mempunyai persepsi yang berlainan terhadap apa yang dikatakan baik dan apa yang dikatakan buruk. Oleh yang demikian, kerajaan perlu sentiasa mengamalkan sikap yang terbuka dan peka terhadap kehendak rakyat. Dasar-dasar atau tindakan kerajaan perlu sentiasa di sokong dengan alasan atau penerangan yang wajar. Saya yakin kerajaan Barisan Nasional yang berjanji untuk sentiasa membela nasib rakyat

akan terus mengutamakan kepentingan dan kehendak rakyat dalam penggubalan semua dasar dan polisi.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001 ini jauh lebih sempurna berbanding dengan Akta Penapisan Filem 1952. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya masih terdapat kekurangan pada Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001. Salah satu daripadanya ialah rang undang-undang ini tidak mengandungi sebarang garis panduan atau faktor s yang perlu dipertimbangkan sebelum Lembaga Penapis memutuskan sama ada untuk meluluskan atau tidak meluluskan penayangan sesuatu filem. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat memberi perhatian terhadap kekurangan ini kerana ia nampaknya tidak begitu serasi dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan tahap ketulusan dalam pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Fasal 48 rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa keputusan menteri, lembaga atau jawatankuasa rayuan tidak tertakluk kepada rayuan atau kajian semula oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan. Saya tidak nampak sebarang sebab untuk mengetepikan penglibatan pihak kehakiman dalam menentukan apakah yang memanfaatkan rakyat Malaysia. Pihak pentadbir mesti bersikap terbuka dalam pemerintahan. Apakah salahnya membenarkan para hakim kita yang arif menjadi pemutus terakhir dalam soal penapisan filem. Apa yang patut diberi keutamaan yang lebih ialah kepentingan rakyat.

Dengan persoalan tersebut dan cadangan saya, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tebrau.

12.31 tgh.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan Rang Undang-Undang Penapisan Filem pada pagi yang berbahagia ini.

Pertama saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah pun dapat membentangkan rang undang-undang ini dengan bertujuan untuk menjaga keselamatan negara terutama dari segi akhlak rakyat di negara ini. Memang rang undang-undang ini rasa saya ditunggu-tunggu supaya satu tindakan tegas mesti diambil dalam perkara ini .

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masalah utama dalam kehidupan hari ini ialah akhlak dan budi pekerti kita termasuk kelakuan kita. Kalau kita tidak jaga betul-betul dari sekarang, yang kita kawatiri Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah kepada generasi muda termasuk murid-murid sekolah, termasuk mahasiswa-mahasiswi dan sebagainya yang masih remaja, maka kalau tidak ada satu meluluskan rang undang-undang berhubung dengan penapisan filem dibuat dan dikuatkan dan dilaksanakan dengan hukuman yang lebih berat maka kita kawatiri ia akan menjadi satu masalah yang besar kepada satu negara.

Banyak contoh negara-negara yang jatuh, yang hancur disebabkan masalah sosial yang tidak dapat dikawal di negara tersebut. Jadi sebelum perkara itu merebak di negara Malaysia saya haraplah kerajaan apabila sahaja rang undang-undang ini diluluskan hendaklah diambil tindakan yang tegas dan diambil tindakan yang kuat supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Kita tahulah, Tuan Yang di-Pertua, filem-filem adalah menjadi satu bahan kesukaan orang ramai termasuklah saya juga, memang suka menengok filem. Tetapi filem yang kita hendak tengok hendaklah berunsurkan keagamaan, unsur-unsur pendidikan dan juga sebahagiannya sebagai hiburan yang tidak melampaui. Tetapi ada filem-filem yang boleh merosakkan manusia termasuklah filem-filem lucu dan juga termasuk filem-filem yang ditayangkan yang melanggar tata susila hukum dan di samping itu penjualan filem-filem dan juga video-video lucu yang mana begitu kuat penjualannya walaupun ada tindakan diambil oleh kerajaan tetapi ada juga yang masih menjalankan tugas ini.

Jadi dalam rang undang-undang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit Akta 35, fasal mendenda, saya ucap tahniahlah dulu denda tak banyak RM10,000; tak lebih RM10,000 tapi sekarang tidak kurang RM10,000 dan

tidak lebih RM50,000. Pada saya bukan RM10,000; sepatutnya RM50,000 dan RM100,000. Saya sudah kata Yang Berhormat, perkara ini serius. Dalam perkara yang serius kita tidak boleh denda yang agak orang boleh bayar, RM10,000 orang yang mempunyai modal besar dia tak ada masalah, RM50,000 pun dia boleh bayar kerana lepas itu dia dapat untung.

Sebab itulah saya ingat denda ini, sebab perkara macam ini dihukum lebih berat rakyat tak marah, rakyat suka, sekiranya denda itu lebih tinggi sampai RM100,000 ataupun kalau boleh yang degil sangat, yang sudah dua tiga kali dihukum sebat.

Hukum ini kalau tidak dilaksanakan, tidak diambil tindakan begitu berat, orang tak takut sebab kalau berlaku sesuatu kepada generasi muda dengan masalah filem-filem yang tidak dikawal ataupun penapis-penapis filem yang degil, dah kita suruh lulus atau potong dia langgar juga syarat walaupun ada juga enakmen hukuman yang dikenakan tetapi dia tak takut. Adakah kita lebihutamakan menjaga keselamatan anak-anak kita generasi muda dari terjebak kepada satu perkara yang tidak diingini atau pun kita hanya mendenda dengan hanya RM10,000 dan jel sekali.

Jadi, saya haraplah perkara ini diambil perhatian serius. Saya tahulah Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak berlaku perkara, saya tak payahlah sebutlah, melalui akhbar banyak berlaku cerita-cerita pencabulan rogol. Macam-macam cerita artis pun ada berlaku, rogol anak sendiri, rogol anak jiran. Ini semua berpunca daripada mungkin sebahagiannya ialah kerana menengok filem-filem ataupun melihat perkara-perkara yang dilarang. Jadi bila perkara ini dapat dilihat jadi nafsu tidak dikawal, itu timbul akhirnya tidak kenal anak, tidak kenal siapa. Jadi dalam perkara ini kita kena strict tidak peduli, kalau boleh denda RM100,000, RM100,000 biar sampai orang tak berani buatsiapa? ... Tak boleh tengok orang senang...[Ketawa]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita sedar bahawa industri filem ini bergantung kepada ramai bilangan penonton dan saya tidak menolak bahawa mereka yang ada, tokoh agama dan budaya untuk turut sama dalam Lembaga Penapisan Filem tapi saya rasa kita juga mesti memikirkan kualiti, mutu sesebuah filem itu jangan sampai di ketepikan oleh Lembaga Perfileman. Oleh itu saya berharap supaya Lembaga Penapisan Filem ini mesti terdiri dari orang-orang yang tahu berhubung dengan filem dan mestilah *consistent* dalam membuat keputusan mereka kerana kita lihat kalau kurangnya penonton menonton filem yang terlalu ditapis, ia boleh menjatuhkan industri perfileman negara dan ini menyebabkan kita terpaksa bergantung kepada mengimport filem-filem daripada luar negara sedangkan waktu yang sama kita ingin menggalakkan supaya penerbitan filem-filem tempatan lebih diutamakan, itu satu.

Kedua, adakah disebabkan unsur-unsur seks dan keganasan ini menyebabkan punca utama berlakunya budaya sosial di dalam negara kita ini sedangkan kita tahu bahawa masalah pendidikan itu perlu diutamakan. Jadi saya minta sedikit pandangan penjelasan Yang Berhormat supaya Lembaga Penapisan Filem mestilah *consistent* dalam membuat keputusan mereka supaya tidak luntur semangat orang hendak menonton filem yang ditayangkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Saya setuju pandangan Yang Berhormat dari Larut berhubung yang pertama dia menyentuh dari segi pelantikan jawatankuasa ini memanglah mesti terdiri dari pakar yang tahu dalam bidang-bidang yang tersebut. Jadi sahabat saya daripada Sri Gading telah menyentuh ada filem tak banyak dimasukkan ahli agama. Dalam itu ada Ketua Setiausaha itu, Ketua Setiausaha ini, yang berkaitan, mengapa tidak masuk Ketua Pengarah JAKIM yang bertanggungjawab dalam hal agama, letak sekali Ketua Pengarah JAKIM. Walaupun ada 13, yang 13 itu lantiklah yang lain-lain, jadi saya setuju.

Kedua, memang dalam masalah filem adalah pendidikan, saya kata bahagian pendidikan itu baik, itu sebab kita mesti banyakkkan dalam filem-filem yang ada pendidikan sedikit dan juga sebagai hiburan. Cuma yang ganas sangat, yang melampau cara dia dan juga filem-filem seks yang melampau, ini memang sebahagian punca daripada berlaku kejatuhan moral dan sosial kita pada hari ini.

Kita hendak bincangkan setiap hari, ada berlaku di dalam akhbar, itu yang dilaporkan, Tuan Yang di-Pertua. Yang langsung tak dapat dilaporkan dan yang diputuskan luar, dirunding dan keputusan yang tidak diketahui oleh masyarakat saya

ingat banyak tapi bila sudah tidak boleh jadi, dah tertangkap jadi cerita dan bawa ke mahkamah. Ini mungkin berpunca dari yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya Fasal menyimpan filem, Fasal 12 dan 13 lagi ganggu....ya lah..

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tebrau yang baik hati ini, di bulan-bulan raya ini beraya kena selalu murah, nanti dapat rezeki yang lebih murah. Dalam soal filem ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan bahawa kadang-kadang produser filem ini ada konflik, hendak buat filem berasaskan ciri-ciri, nilai-nilai serta perkara-perkara yang boleh diketengahkan dan juga kadang kala berada dalam persimpangan untuk menentukan satu filem itu boleh memenuhi pasaran yang ada. Maknanya ada dia punya *commercial value*. Tapi selalunya filem yang berasaskan kepada skrip yang pengajaran yang tinggi, dengan izin, *value added* daripada segi dia kurang sambutan daripada penonton dan ini menyebabkan permintaan tak ada. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kerajaan memberikan subsidi yang berpatutan kepada produser filem supaya filem itu boleh menepati ciri-ciri yang dikehendaki oleh negara dan boleh memenuhi *commercial value* supaya ia boleh berdaya maju dan berdaya saing. Faham? ... Tak faham nasiblah!

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Wah... Tuan Yang di-Pertua dia suruh beri subsidi kepada pengusaha-pengusaha filem untuk menilai. Kerajaan telah banyak beri subsidi ini. Subsidi beras, subsidi itu akhirnya subsidi filem. Ini kalau saya jadi Menteri, saya hendak jawab tepat tapi oleh sebab saya ini bukan Menteri, saya serah kepada Timbalan Menteri nanti tolong jawab, apa yang dibangkitkan oleh Shah Alam. Saya kurma pun tak dapat daripada dia. Dekat mana saya tadi, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Oh ya...Fasal 12 dan 13, Saya ini bila diganggu Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan puasa ini maklum sajalah. Berhubung dengan penyimpanan filem tidak diluluskan seterusnya dilupuskan dalam masa tiga bulan. Ini filem-filem yang tidak diluluskan, bila kata dah tak lulus, itu memang filem tak baiklah. Ceritanya bila filem tak lulus, makna filem itu bermasalah. Ada cerita, buat apa lama sangat sampai tiga bulan sekali, beri tempoh dua minggu sahaja, habis 14 hari kalau dia setuju nak rayu, rayu, kita ada tarikh rayuan itu dalam tempoh. Kalau kita simpan banyak, kalau besok banyak yang tak lulus kita simpan sampai tiga bulan, tiga bulan, tak muat stor kementerian untuk mengisi filem ini. Filem hari-hari banyak datang yang sayatahu, luar negeri dan dalam negeri

Ini tiga bulan kepada saya lama. Saya ingat dikurangkan tiga bulan ini, kementerian juga susah menyimpan filem-filem itu. Jadi agak dalam tiga minggu atau sebulan kalau dia tak minat, dia tak nak betulkan balik nasiblah fasal filem sentiasa datang sahaja. Saya tidak tahu berapa hari jawatankuasa penapisan filem, tengok filemlah, saya rasa kalau tengok filem Cina, filem India, filem Hindustan, sekarang dah tambah kalau dulu tak suka Hindustan sekarang dah suka Hindustan, macam-macam filem. Jadi sekarang ini kelulusan filem tak usah lamalah kerana ini tak ada benda, kalau dah tak lulus habislah cerita.

Akhir sekali, garis panduan filem. Saya tak tahulah Jawatankuasa Penapis Filem berpandu kepada filem itu dilihat pada ketika itu, babak-babak tertentu nak dipotongkan atau tidak atas pun ada panduan sebelum filem itu hendak dibikin atau diberitahu kepada produser-produser filem apa perkara yang tak boleh, apa perkara yang boleh yang mungkin sebahagian besar itu boleh diambil kira oleh pengeluar-pengeluar filem. Katakanlah kalau tak boleh dalam filem itu masalah kalau dari segi filem Melayu - aurat - tak boleh, tutup, setakat mana tak boleh...ada juga filem sampai selak kain pun diluluskan juga. Ada panduan itu macam mana?

Begitu juga dengan filem-filem Hindustan dan filem Melayu masalah peluk dari segi hukum, tetap dengan hukum tak boleh. Jadi penapis filem kena pastikan. Kadang tak kesah peluk begitu kuat tak kira, bukan muhrim pun tak ada. Saya tak tahulah ini Jawatankuasa Penapis, yang menapis ini kena tanggung ini jika diluluskan. Kemudian filem Hindustan, ialah memang kita minat, saya pun tengok, tapi kadang ada juga melampau, jadi garis panduan yang boleh dengan tak boleh, saya ingat kena jugalah, kena buat oleh Jawatankuasa Penapis ini sejauh mana yang dibenarkan, sejauh mana tidak dibenarkan sekurang-kurangnya pengusaha-pengusaha filem dapat

panduan. Jadi lepas dia dah buat, tidaklah nanti lepas itu filem dia kena potong, filemnya rugi, kita pun kesian juga kepada pengeluar-pengeluar filem. Jadi mungkin garis panduan boleh digaris pandu oleh pihak kementerian dalam perkara ini.

Seterusnya rayuan, saya ingat ini akhir, Tuan Yang di-Pertua...ialah ini penutup ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Saya hendak minta Jawatankuasa Rayuan jangan bercanggah sedikit dengan Jawatankuasa Penapis filem ini. Saya Pengerusi Penapis Filem dengan jawatankuasa saya, tidak lulus, begini, begini, begini. Bawa kepada Rayuan, Rayuan pula ada *power*. Rayuan kata "alah, ini lebih kurang halal". Rayuan kata boleh! Arah balik kepada Jawatankuasa Penapisan dan keputusan Rayuan muktamad. Pada sayalah, ini dalam Jawatankuasa Penapis filem, ini pada saya tidak kisah. Tidak mustahak Rayuan itu pada sayalah.

Kita hendak menentukan yang Jawatankuasa Penapis yang sudah ada ini pun kita sudah tegur banyak. Jadi, saya harap, Jawatankuasa Filem jangan bercanggahlah supaya kita tubuhkan dengan Jawatankuasa Rayuan ini besok, Rayuan *over ruled* macam di Mahkamah Tinggi itu lainlah, itu Mahkamah Sivil. Ini dalam penapisan filem yang menentukan masa depan rakyat. Ada penapis pula, perapis kata tidak apalah, ini boleh diluluskan – lulus. Akhirnya Jawatankuasa Penapis tidak okey, Rayuan kata okey. Ini bukan hukuman individu, ini hendak menghukumkan filem itu, boleh tidak boleh, bukan hukum manusia. Orang ini salah hukum dia, dulu dia ini teraniaya, Rayuan kata okay. Ini filem. Lembaga Penapis kata, ini tidak mustahak, tak boleh sampai sini. Rayuan kata, okay. Jadi, bila ada dua badan dalam ini saya ingat dalam penapisan tidak perlu, pada sayalah. Itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tunku Jaafar [Batang Lupar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, inilah masalah Yang Berhormat. Bila diberi peluang tidak mahu bangun. Selepas keputusan dibuat, barulah tunjukkan minat. Jadi, tiga orang, macam mana Yang Berhormat? Kalau saya bagi satu orang, tiga-tiga ... Bolehkah satu orang cakap berapa minitlah. Saya ingin hendak habiskan perbincangan ini pada pukul 1.00 tengah hari inilah. Petang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadi tolong sampaikan yang penting, satu orang lima minit. Bukit Bintang, satu orang lima minit ya.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya menyambut baik pembentangan Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001 bagi menggantikan Akta Penapisan Filem 1952 untuk disesuaikan dengan keperluan dan cabaran semasa dunia perfileman yang berdepan dengan masyarakat Malaysia. Oleh kerana pengaruh filem ke atas kehidupan cukup kuat dan berkesan, maka peranan dan tanggungjawab Lembaga Penapisan Filem Malaysia terlalu penting.

Baik atau buruk sesuatu filem yang ditayangkan memberikan kesan secara langsung ke atas rakyat, malah lebih berkesan dari buku-buku dan majalah-majalah. Sebabnya masyarakat Malaysia kini lebih suka menonton dan peratusan menonton lebih tinggi dari kegiatan membaca. Bahan-bahan perfileman seperti pita video, cakera padat, video digital misalnya, lebih banyak tersimpan dan dibeli berbanding dengan buku dan bahan-bahan bacaan lain. Malah mereka kerap pergi menonton sama ada pergi ke pawagam atau menonton di rumah dan membelanjakan banyak wang untuk tujuan tersebut berbanding minat membaca buku cerita oleh masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, pengusaha-pengusaha pawagam kini mengaku bahawa bilangan menonton filem di pawagam dan cinema tidak seramai waktu dulu. Cerita yang sama boleh dibeli dari penjaja-penjaja tepi jalan, pusat video. Soalannya, adakah salinan pita tersebut telah disahkan atau tidak? Adakah mendapat kebenaran Sijil B – Lembaga Penapisan Filem? Tangkapan-tangkapan yang dibuat sejak kebelakangan ini ke atas penjaja dan pengedar-pengedar video dilaporkan banyak yang dicetak rompak. Bukan sahaja menyalahi Akta Hakcipta malah melanggar Akta Penapisan

Filem. Saya tidak berpuas hati dengan kerja-kerja tangkapan dan serbuan ke atas pengeluar dan pengedar kerana tindakan mereka sering menemui kegagalan. Serbuan-serbuan yang dibuat sering gagal seolah-olah ada kebocoran rahsia yang dilakukan oleh orang dalam.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tangkapan dan serbuan dibuat, masih ada ruang antara penjaja dan pengedar pita video menjalankan perniagaan di kaki lima dan di pasar malam dan masih ramai yang melanggan mereka. Ini termasuk filem lucu yang diberikan tajuk baru bagi mengelirukan pegawai dan pembeli. Keberanian para penjaja ini menjual pita-pita video lucu dan pita-pita tanpa kebenaran Lembaga Penapisan Filem adalah berpunca ketidakcukupan anggota penguat kuasa yang bertindak untuk membanteras kegiatan mereka.

Sungguhpun hukuman yang dikenakan bahawa kesalahan menyimpan pita video lucu sebanyak RM10,000 tetapi kerana masalah penguatkuasaan yang tidak segagah mana, maka kegiatan tersebut sukar ditumpaskan kecuali orang ramai dan penduduk bangkit bertindak membantu kerajaan sepenuhnya dengan tidak membeli, memusnahkan pita dan mengadu kepada pihak penguat kuasa. Saya memandang tinggi dan menghargai para pegawai yang berani bertindak meskipun menerima ancaman dan ugutan oleh sindiket.

Saya ingin menyarankan bahawa selain dari memerhati harga barang jualan, para pemerhati harga sukarela yang dilantik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh melakukan tugas tambahan untuk memerhati sama ada pita yang dijual ada sijil B Lembaga atau tidak dan membuat laporan kepada kerajaan. Jika mereka dapat melakukan perkara ini, sudah barang tentu maklumat-maklumat para penjaja dan peniaga yang melanggar undang-undang dapat dikesan dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, industri perfileman Malaysia sudah melalui proses jatuh dan bangun dan banyak syarikat filem yang menggulung tikar kerana menanggung kerugian kerana hasil filem tidak menggalakkan. Tabung Galakan Industri Filem tidak dapat banyak memberi bantuan kepada pengusaha filem kerana pasaran yang terbatas. Filem cereka dan hiburan lebih menguasai pasaran dan sambutan. Dalam pawagam, filem import adalah lebih banyak ditayangkan kerana mutu filem yang tinggi. Filem Barat, Hindustan, China adalah banyak menguasai pasaran, malah kadangkala menerima sambutan luar biasa berbanding dengan filem Melayu dan Tamil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Tuan Fong Kui Lun: Apa yang ditayangkan di pawagam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Fong Kui Lun: Ada sedikit lagi, lima minit sahaja. *[Ketawa]* Apa yang ditayangkan di pawagam, selain dari pita video, cakera padat sudah pun diedarkan kepada orang ramai tanpa ada perakuan B. Sudah pasti adalah selain cetak rompak, pengusaha filem menjadi mangsa cetak rompak tanpa batasan. Menurut International Intellectual Property Alliance dengan izin, didapati Malaysia adalah sumber utama produk cetak rompak yang dieksport ke seluruh dunia. Persatuan Industri Filem dan Video Malaysia mendakwa bahawa industri filem Amerika Syarikat mengalami kehilangan hasil USD40 juta setiap tahun kerana sindiket cetak rompak di Malaysia. Kehilangan atau kerugian ini telah meletakkan Malaysia di tangga nombor dua selepas China yang menyebabkan kerugian kepada industri perfileman Amerika Syarikat sebanyak USD120 juta setahun yang diikuti oleh Hong Kong yang jatuh nombor tiga.

Tuan Yang di-Pertua, pengedaran perisian kaset dan VCD cukup pantas. Selain dari filem *'Dinosaur'* yang ditayangkan di Amerika Syarikat pada 19 Mei yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kena gulung Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Saya akan gulung -mengambil masa beberapa hari untuk sampai ke pasar malam Malaysia iaitu sebelum ditayangkan secara rasmi di pawagam-pawagam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan Lembaga Penapisan Filem (FINAS) memainkan peranannya yang lebih besar, maka peranan ini hendaklah dikembangkan dengan melibatkan FINAS menguruskan juga penggambaran filem asing yang kini terletak di bawah kuasa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan terbatas kepada filem tempatan sahaja. FINAS hendaklah lebih serius membantu membangunkan industri filem Malaysia tanpa mengira aliran bahasa asalkan ianya menaikkan imej dan identiti Malaysia bagi membolehkan filem-filem tersebut dieksport ke pasaran luar negara.

Akhirnya, perfileman kita amat jarang menerima anugerah sebagai filem terbaik di peringkat antarabangsa dan menggambarkan bahawa industri filem kita boleh dikembangkan dengan baik seperti syarikat-syarikat filem asing. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang ini. Kita semua tahu filem adalah satu sumber hiburan dan juga pengetahuan serta pembentukan masyarakat sesebuah negara. Oleh sebab itu, filem bukan sahaja dilatarbelakangkan kepada orientasi komersial tetapi juga oleh pengaruh falsafah dan propaganda yang tertentu yang membelakangi sesuatu filem. Oleh sebab itulah, dalam masa yang singkat ini saya berharap kita bukan sahaja dapat mengawal filem-filem yang diimport ataupun dikeluarkan oleh penerbit tempatan, tetapi juga kita harus mengembangkan industri ini untuk dapat menampung keperluan masyarakat kita sendiri kepada satu tingkat yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang membanggakan negara dan dapat dipasarkan mengikut selera semasa.

Oleh kerana masa adalah begitu terhad, saya cuma ingin mengambil kesempatan ini untuk membandingkan apa yang telah dibangunkan oleh industri perfileman Iran. Kita telah lihat bahawa walaupun Republik Islam Iran telah memperkenalkan satu dasar iaitu mereka membangun bersama Islam, tetapi filem Iran dapat berkembang dengan pesatnya di bawah Republik Islam Iran yang telah dibangunkan pada akhir tahun 70-an. Saya bukan ingin menubuhkan Republik Islam di sini, tetapi yang mustahak ialah bagaimana salah konsepsi sesetengah pihak bahawa Islam adalah menentang filem. Ini adalah satu salah konsepsi yang paling asas. Bahkan Islam harus ataupun dibenarkan menggunakan seluruh kesempatan untuk membangunkan minda dan *spiritual* manusia dalam arah dan acuan yang tidak merosakkan mereka sendiri.

Oleh kerana itu, dalam industri perfileman Iran, saya cuma ingin memetik satu dua contoh dan satu daripada filem yang telah disiarkan oleh RTM sendiri - 'Children of Heaven'. Bagaimana satu cerita yang ringkas, iaitu berkenaan dengan kehidupan dua orang adik beradik yang miskin yang telah bergilir-gilir kasut mereka untuk pergi ke sekolah kerana bapa mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli sepasang kasut yang telah pun hilang, telah menyentuh perasaan manusia dengan begitu berkesan. Sehingga ramai penonton yang mengalirkan air mata. Bahkan jika kita biasa menaiki kapal terbang Iran, kita akan dapat melihat filem-filem Iran, walaupun tidak ada seni kata dan terjemahannya, kita dapat menghayati ceritanya dengan begitu baik. Dan filem ini telah memenangi beberapa oskar di peringkat antarabangsa.

Di antaranya ialah Toronto International Film Festival dan New York Film Festival dan juga filem ini telah memenangi Palme de Or di Festival Filem Cannes dan ini adalah satu anugerah yang berprestij. Dengan sendirinya menunjukkan bahawa peluang untuk kita memajukan industri filem kita dalam skop nilai dan moral yang terbatas, yang baik, masih terbuka luas. Sebab itulah saya berharap kita bukan sahaja *off* tetapi kita *on*. Kita bukan sahaja tutup iaitu menapis filem-filem, tetapi kita juga ada satu hasrat yang besar untuk membangunkan industri filem kita termasuklah meluaskan lagi peranan FINAS.

Oleh kerana masa adalah terhad, saya tidak dapat turut membincangkan peranan FINAS dalam kesempatan pada hari ini. Tetapi saya berharap kementerian ini boleh memikirkan bagaimanakah industri perfileman kita boleh dimajukan. Walaupun FINAS telah ditubuhkan sejak 1981 dan telah pun memainkan peranannya yang tertentu, tetapi saya yakin bahawa banyak lagi aspek yang boleh kita majukan. Dan kita semua tahu bahawa kategori filem ada filem hiburan, ada filem dokumentari dan 'Discovery' umpamanya hanya boleh hidup di atas filem-filem bercorak dokumentari.

Dan filem ini bukan sahaja ditayangkan di seluruh dunia, bahkan salinan cakera padatnya diedarkan untuk dijual kepada peminat-peminat tertentu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Memberi isyarat agar Kubang Kerian berhenti kerana masa sudah cukup].*

Tuan Husam bin Haji Musa: Jadi, saya boleh sambung petang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Petang?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, masa sudah habis sudah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau habis duduklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Masa habis, saya belum habis lagi. Saya tidak cukup lima minit lagi, ada tiga minit lagi *[Ketawa]*. Jadi, kalau kita lihat dari perspektif pasaran, kita boleh lihat bahawa pasaran, katakan kita hendak membahagikan pasaran kepada masyarakat Islam umpamanya, adalah satu pasaran yang sangat luas dan oleh kerana itu, peluang untuk kita meneroka bidang ini untuk menghasilkan filem yang bermutu antarabangsa yang bukan sahaja dilihat, sekali lihat, bahkan sekali pandang sahaja dalam siaran TV kita, saya sendiri kalau tengok..... minta maaf, bukan saya hendak memperkecilkan. Kalau tengok dalam senarai filem yang dikeluarkan oleh FINAS ini, nama-nama, tajuk-tajuk filem sahaja sudah tidak mencetuskan selera untuk kita melihat filem-filem ini.

Jadi, kalau penempatan namanya pun sudah tidak profesional, isinya setengah-setengahnya memalukan. Saya tidak ingin menyebut filem-filem komedi umpamanya adalah merendahkan intelligent kita, menunjukkan mutunya adalah begitu terkebelakang. Jadi, kalau kita ada penumpuan yang penuh dalam perkara ini dan hasrat yang tinggi yang dapat dibantu oleh FINAS, saya yakin bahawa kita dapat menghasilkan satu industri baru seperti kata Pampas, salah seorang pengarah filem Iran – Abbas Kia Rostami, apabila ditanya oleh para wartawan pada tahun 1990-an berhubung dengan situasi dan perkembangan filem Iran, Abbas berkata, selain daripada pesta show, filem adalah satu daripada eksport Iran yang sangat penting. Dan kalau kita dapat menghayati hasrat ini, saya yakin bahawa kita akan muncul sebagai satu negara pengeluar filem yang unggul pada masa akan datang. Tetapi banyak rombakan yang harus dibuat untuk membolehkan sampai ke peringkat itu.

Adakah Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah habis? Duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi saya sudah buat keputusan berapa minit dan peluang ini patut Yang Berhormat memberikan kerjasamalah. Sudah habis hah, baik.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi petang, Batang Lupar tidak berucap, maaf. Petang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawablah.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang. ***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 tengah hari.***

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar, saya ingat cukuplah, cukuplah. Saya mintalah Timbalan Menteri menjawab.

2.30 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan

Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdiri dari kawasan Seri Gading, Serdang, Pokok Sena, Gelang Patah, Tebrau, Bukit Bintang dan Kubang Kerian. Tujuan penggubalan Rang Undang-undang Penapisan Filem adalah bagi menggantikan akta sedia ada iaitu Akta Filem Penapisan 1952 yang telah pun digubal 49 tahun yang lalu. Selain mewujudkan banyak kelemahan di dalam akta sedia ada, penggubalan rang undang-undang penapisan ini juga adalah selari dengan perkembangan teknologi terkini khususnya dalam industri perfileman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seri Gading dalam perbahasan beliau telah pun antara lain membangkitkan perkara-perkara seperti berikut:

Yang pertama mengenai Bahagian I, Ketakpakaian. Fasal 2 seolah-olah bercanggah dengan tujuan asal mewujudkan akta ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua peruntukan ini tidak bercanggah kerana fasal tersebut memberi kebenaran kepada pemilikan filem-filem tidak lucah atau mentakrifkan untuk tujuan peribadi dan tidak bagi maksud untuk penjualan, pengedaran dan tayangan umum.

Bagi filem yang diimport untuk kegunaan peribadi, satu perakuan hendaklah diperolehi dari Lembaga Penapisan Filem diperuntukkan di bawah Fasal 83. Salah satu contoh ialah yang cukup senang ialah macam filem-filem atau pun video-video yang diambil oleh kita sendiri.

Katalah kita hendak bawa keluarga pergi melancong dan pada masa yang sama juga kita juga mengambil, membuat filem termasuk dengan ahli-ahli keluarga menyertai filem-filem yang kita ambil, itu adalah untuk kegunaan peribadi dan tak payahlah kita merujuk ke Lembaga Penapisan Filem.

Yang Berhormat bagi Seri Gading juga membangkitkan tentang tujuan akta untuk membanteras filem lucah mengapa peruntukan pilihan hukuman denda ataupun penjara tidak dinyatakan denda atau penjara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini peruntukan ini memberi pilihan kepada pihak mahkamah untuk membuat penghakiman yang adil berdasarkan merit sesuatu kes.

Hukuman bagi filem lucah di Fasal 5(2) telah pun memperuntukkan bagi mengenakan denda, penjara atau kedua-duanya. Ini Tuan Yang di-Pertua, kita sekurang-kurangnya dalam akta ini kita mempunyai denda yang minimum dan jika ada juga dikenakan penjara juga tempoh yang minimum dan maksimum dan di antara ini kita bagilah kepada kebijaksanaan mahkamah untuk membuat keputusan.

Yang Berhormat juga minta penjelasan mengenai slogan oleh pihak industri perfileman berbunyi 'filem kita wajah kita'. Slogan yang dilaungkan oleh pengusaha filem tempatan berkenaan tidak tertakluk di bawah peruntukan akta ini. Tujuan penggubalan rang undang-undang ini adalah memberi tumpuan kepada penapis isi kandungan filem yang telah pun disiapkan.

Mungkin slogan ataupun cogan kata 'filem kita wajah kita' adalah juga tepat dan sesuai sebab jika terdapat filem-filem yang diterbitkan dalam negara mungkin kita juga ingin merasa bangga terhadap terbitan filem, pengeluaran kita iaitu wajah kita sendiri.

Yang Berhormat bagi Seri Gading juga bertanya mengenai perlantikan Lembaga Penapis Filem. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem adalah dilantik dari kalangan bekas pegawai kanan kerajaan dan mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang. Perlantikan mereka berdasarkan kewibawaan serta pengalaman dan disiplin tertentu seperti pendidikan, keselamatan, kebajikan, masyarakat, agama, pentadbiran dan lain-lain. Sehingga kini kerajaan berpuas hati dengan posisi lembaga yang dilantik sekarang.

Masalah dan isu-isu yang bertentangan dengan akidah dan ajaran agama, kita juga mempunyai pakar-pakar sebagai ahli dalam jawatankuasa ini dan tokoh-tokoh akademik termasuk dengan budayawan seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat juga kita mengambil kira dan mereka akan dilantik dari semasa ke semasa.

Mengenai unsur-unsur bidaah dan juga khurafat dalam filem-filem Hindustan dan Indonesia, Lembaga Penapisan Filem semasa menapis filem-filem ini berpandukan kepada garis panduan penapisan yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan yang juga ini

memberi panduan mengenai unsur-unsur macam khurafat yang akan diambil kira dan lain-lain juga.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini semua ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem mempunyai satu manual di mana segala garis panduan adalah terkandung dalam manual ini supaya mereka dengan mudah dapat menjalankan tugas mereka.

Yang Berhormat bagi Seri Gading juga menyentuh tentang Bahagian II, Seksyen 4 rang undang-undang ini, perlantikan Ahli Lembaga Penapisan Filem hendaklah dilantik daripada orang yang berumur. Mereka tidak akan tertidur semasa menapis filem yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Sebenarnya semua ahli Lembaga Penapisan Filem sebelum mereka ini dilantik mereka ini akan diketahui oleh pihak kerajaan tentang latar belakang mereka sama mereka ini mempunyai otak yang waras termasuk juga mereka ini 'alert' dengan izin atau tidak semasa mereka menjalankan tugas.

Untuk melantik hanya orang yang lebih muda itu sebenarnya tidak timbul sama sekali walaupun dalam jawatankuasa penapisan ini terdapat juga ahli-ahli yang umur tidak begitu tua, 50'an, selepas mereka bersara, mereka ini akan dilantik.

Perlantikan ahli LPS dari tokoh-tokoh agama tadi saya telah pun menerangkan, ahli-ahli LPS adalah terdiri daripada pelbagai golongan termasuk juga mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang agama, berkelulusan dalam dan luar negara dan jika ada wakil-wakil yang agak sesuai dilantik maka kerajaan akan memberi pertimbangan.

Mengenai isu atau soal potongan yang dibuat oleh Lembaga Penapisan Filem, merosakkan filem dan menjejaskan filem tempatan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dalam menonton tapis, dalam menonton dan tapis sesuatu filem, Lembaga Penapisan Filem berpandukan kepada garis panduan dan prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan dan semua ini terkandung dalam manual yang saya telah pun tunjuk.

Mana-mana adegan atau dialog yang melanggar garis panduan tersebut terpaksa dipotong. Apabila mengarahkan pemotongan, Lembaga akan memastikan supaya jalan ceritanya tidak terjejas. Sekiranya terlalu banyak potongan yang perlu dibuat, dan didapati pemotongan itu akan menjejaskan jalan cerita maka Lembaga terpaksa mengharamkan kerana ianyatidak layak untuk ditayangkan.

Andaian bahawa ini boleh menjejaskan filem tempatan adalah tidak tepat oleh kerana sehingga November 2001 iaitu tahun ini Lembaga Penapisan Filem telah pun menonton tapis sejumlah 1,003 filem tempatan. Daripada jumlah tersebut, 83.5% dilulus bersih dan 11.5% dilulus dengan potongan dan 1.7% filem yang diharamkan serta 3.3% ditolak atas sebab-sebab teknikal.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua kita dapat melihat iaitu kualiti filem yang dikeluarkan dalam negara kita mempunyai mutu dan menepati garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini adalah satu petanda yang cukup baik di mana kita suka melihat supaya perkembangan industri perfileman dalam negara kita terus sihat dan menjadi satu industri yang kita dapat banggakan.

Mengenai keputusan Lembaga Penapisan Filem terhadap filem *Kaki Bakar* tidak konsisten dan mengambil masa selama 5 tahun untuk diluluskan untuk tayangan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebagai penjelasan kepada persoalan yang dibangkitkan masalah keputusan Lembaga Penapisan Filem tidak konsisten terhadap filem *Kaki Bakar* adalah tidak benar. Mungkin maklumat yang diterima Yang Berhormat mungkin tidak begitu tepat.

Walau bagaimana saya ingin memberitahu bahawa oleh kerana pihak penerbit filem telah mengemukakan filem dalam bentuk 35 mm kepada Lembaga Penapisan Filem untuk ditapis pada 9 April 1998 dan pihak Lembaga Penapis telah pun menonton tapis dan meluluskan filem berkenaan pada 16 April 1998. Maksudnya tahun itu juga dalam masa tak sampai satu bulan, kita telah pun membuat satu keputusan.

Maka soalan mengapa filem ini terlalu lama baru ditayangkan tiada kena mengena dan Lembaga Penapisan Filem oleh kerana tugas Lembaga Penapisan Filem hanya menapis dan membuat keputusan terhadap sesuatu filem yang dikemukakan. Masalah bila dan mana ianya akan ditayangkan adalah hak penerbit filem itu sendiri.

Mengenai takrif filem lucah, Tuan Yang di-Pertua adalah sangat sukar untuk menentukan apakah seks dalam konteks perfileman. Ianya boleh digambarkan dalam berbagai cara daripada cumbu-cumbuan hingga kepada perlakuan seks sebenarnya. Dalam pemeriksaan satu-satu filem yang beradegankan seks yang sudah pasti melibatkan perkara-perkara moral dan akhlak serta sopan santun. Penapis akan mengkaji tema dan kandungan filem itu dengan menggunakan ukuran-ukuran dari segi darjah moral, kebudayaan sesuatu bangsa, akhlak dan kesopanan yang diterima oleh masyarakat keseluruhannya di waktu itu.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Sekajap, walaupun demikian tafsiran lucah ini tidak dimasukkan dalam akta bagi mengelakkan tafsiran yang rigid yang tidak bersesuaian dengan masyarakat setempat dalam sesuatu masa. Dari aspek pendakwaan mahkamah akan menggunakan kebijaksanaan untuk menentukan kelucahan sesuatu filem mengikut merit sesuatu kes.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bersetuju memang agak sukar bagi kita hendak menentukan kelucahan sesuatu filem seperti mana Yang Berhormat nyatakan. Saya bersetuju, cuma saya ingin hendak mendapat sedikit penjelasan dari segi ada negara, saya tidak hendak sebut nama negara ini, ini pengalaman saya, seluruh adegan yang dikatakan seakan-akan boleh memalukan kalau ibu bapa dan anak menonton adegan itu ditonton bersama, maknanya akan memalukan anak atau akan memalukan ibu bapa seperti contoh, bercium antara lelaki perempuan walaupun dalam filem itu digambarkan suami dan isteri.

Maka si anak dan si bapa yang menonton sama filem itu, dia merasa malu, si ibu bapa malu kepada anak, si anak malu kepada ibu bapa, di negara tersebut, dia potong adegan itu, dia tidak kira sama ada filem itu keluaran negara dia, tempatan ataupun negara-negara Barat, tetapi di Malaysia kalau filem itu daripada Hollywood, Barat, kita benarkan, kerana bagi kita itu kelakuan orang Barat walaupun ditonton oleh orang Timur – kita.

Tetapi filem-filem Timur kepada kita kalau ada adegan itu katalah filem-filem Melayu ada adegan bercium suami isteri ini, besok agaknya semua akhbar akan memaparkan "bartahan bahawa itu adalah kelucahan, kecurangan," kerana dia dilakukan oleh pelakon tempatan dan oleh filem tempatan.

Jadi, di sini kita kadang-kadang *double standard* tentang bagaimana yang boleh dan bagaimana yang tidak boleh. Jadi, kenapa negara kita tidak membuat satu standard yang menyeluruh sama ada filem itu filem Barat, filem dari luar atau filem daripada tempatan apabila ditonton bersama oleh sebuah keluarga, bapa mertua, emak mertua misalan, dia tidak mengaibkan bahawa adegan itu diluluskan.

Tetapi kalau ada rasa keaiban itu, maka adegan itu akan dipotong seperti juga macam tarian bogel, bogel yang macam mana, dalam filem Bollywood bogel ini separuh bogel juga nampaknya, tutup atas sikit, tutup bawah, pusat nampak lepas itu dia punya gelek itu 30 sesaat, 30 kali goyang dalam satu saat, maknanya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bilang ya? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini contoh Tuan Yang di-Pertua, macam itu ligat dia punya punggungnya dan itu kadang-kadang mengaibkan juga, anak dara kita ataupun jika kita ada tetamu, mengaibkan juga, jadi lucah yang macam mana.

Tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa amat sukar kita hendak menentukan sesuatu yang dikatakan lucah, tetapi walau bagaimanapun, harus difikirkan apakah satu standard yang boleh kita pakai supaya menjadi panduan kepada Lembaga Penapis Filem. Terima kasih Dato'.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat iaitu memang juga sukarlah dan sama ada sesuatu filem itu merupakan filem yang lucah ataupun tidak, adalah suatu perkara subjektif tetapi walau bagaimanapun, memang benar Lembaga Penapis Filem memang mempunyai satu piawaian untuk masyarakat keseluruhannya, *bottom line*, dengan izin, ialah jika sesuatu filem itu semasa ditapis mempunyai bab-bab

kelucahan yang akan menjejaskan akhlak ataupun keruntuhan moral, akhlak masyarakat kita, maka ianya tidak akan dibenarkan.

Kita ambil satu contoh macam cium di mana pelakon-pelakon bercium pada keseluruhannya ianya dapat diterima pada antarabangnya dan pada Malaysia juga dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum, maka setakat itu sahajalah kita boleh membenarkan.

Jika terdapat filem-filem yang diterbit dalam negara kita, maka kita juga akan sama juga tapis, tetapi hingga hari ini saya merasa amat bangga hampir semua filem-filem yang dikeluarkan dalam negara kita memang elak daripada masalah itu. Walau bagaimanapun, saya difahamkan Lembaga Penapisan Filem diberikan arahan supaya lebih mementingkan pawai-piawai yang telah ditetapkan dan setakat ini, kita masih dapat mengawal kedudukan pada keseluruhannya. Tetapi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat memang menjadi satu bahan fikiran dalam menentukan dasar yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Saya cuma ingin bertanya beberapa perkara kecil dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, soal seks memang semua orang boleh menjadi pengadilnya, tetapi perkara ini subjektif.

Yang saya hendak tumpukan adalah kepada soal filem-filem yang membawa mesej subversif ataupun yang mengandungi kandungan-kandungan yang boleh memesongkan pandangan, akidah dan sebagainya, yang boleh mempengaruhi pemikiran, gaya hidup dan sebagainya. Contohnya filem yang terdapat daripada chanel yang dipancarkan oleh ASTRO, ada filem yang mengatakan satu babak itu *Touch By An Angel*, kononnya ini terlalu banyak sekarang cerita orang putih ini yang mengkhayalkan kita kononnya ada angel, ada dewa dewi, ada bidadari, ini cerita memesongkan kita, tetapi kita tidak pula orang kata *against*, ataupun membantah perkara itu kalau ditayang untuk masyarakat dia. Tetapi macam mana filem ini boleh ditayang kepada masyarakat Malaysia, itu satu, di mana khususnya setelah Malaysia ini diiktiraf sebagai negara Islam. Ini persoalan yang harus kita fikirkan.

Yang keduanya, banyak lagi babak-babak filem yang membawa kalimat ataupun dialog-dialog, ini selalunya lepas, dialog-dialog ini kadang-kadang orang lebih tengok daripada action, tetapi setengah orang menonton filem, kita dengar dialog dia. Dialog-dialog yang *anti religion* – terlepas.

Jadi, apa piawai aian Yang Berhormat yang ada pada Yang Berhormat mengenai perkara-perkara seperti ini, macam saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, soal seks memang semua orang nampak, *obvious*, fasal dia menjolok mata, tetapi soal dialog, soal messages, ini perkara yang terlalu *subtle*, perkara yang halus, yang hanya mungkin sesetengah puak *audience* sahaja dapat merasainya. Tetapi bagaimana kalau mesej yang sebegitu diambil secara literal oleh masyarakat muda, tidakkah ini boleh merosakkan akidah masyarakat muda.

Jadi, di mana kita punya grey area, di mana kita punya kawasan putih, di mana kawasan hitam kita, where are the grey areas di dalam kita menentukan piawai ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya bagi filem-filem supaya dapat ditayangkan dalam sesebuah masyarakat yang berbilang bangsa, berbilang kaum, Lembaga Penapisan Filem juga diberikan garis panduan supaya mereka ini dapat mengadakan satu piawai di mana dapat diterima oleh semua.

Katalah komedi-komedi yang menunjukkan kewujudan *angel* mungkin dalam kepercayaan agama Kristian memang juga berbeza dari ajaran agama Islam, tetapi ia ini dapat diberikan oleh kerana sesetengah masyarakat yang boleh memahami hanya ini adalah satu filem yang ditayangkan dan saya percaya masyarakat kita telah matang, kalau katalah cium

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak mahu menyebut soal itu, memang kita sebagai orang yang sudah berumur kita tahu kita punya agama, soal keagamaan, saya yang takut Tuan Yang di-Pertua, soal-soal ini diambil secara literal oleh anak-anak muda. Umpamanya, anak-anak yang baru berumur tujuh tahun atau 12 tahun, mereka menonton cerita *Touch By An Angel*, contoh, saya bukan hendak zero, fasal saya ini anti agama – tidak.

Ini satu kes study yang kita harus persoalkan bersama. Umpamanya cerita touch by an angel, bagaimana kalau anak seorang Islam yang mungkin didikan Islamnya agak kurang. Ini persoalan saya, bagaimana kalau, nanti satu hari dia kata, satu hari dia akan develop satu keyakinan dalam diri dia, *angel* memang ada dalam orang Islam pun kita ada malaikat, tetapi malaikat kita tak nampak. Lepas itu ada satu lagi di *Star World SWR*, Chanel 33, saya hafal Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi cerita mengenai *angel* juga yang dia boleh datang menolong orang, ini juga saya faham, saya sebagai orang yang sudah berumur ini saya faham, tetapi anak-anak muda macam mana. Okay, HBO *Sex In The City*, ada setengah dia kata, “*is not shown in certain territories*”, tidak ditunjukkan di sesetengah wilayah, kenapa kita tidak *adopt the same standard and principle*. Kenapa kita allow, kalau setengah area di Asia Tenggara mungkin di Filipina, Myanmar, apa semua ada dia kata “*not shown in certain territories*”, dengan izin, tetapi kita adopt, tunjukkan semua, sedangkan *Sex In The City* adalah satu kehidupan yang terlalu bebas, inilah mungkin punca penyakit AIDS, inilah punca kerosakan moral, inilah punca segala-galanya. Kita tayang lagi. Jadi, dalam hal ini siapa yang menentukan piawaian? Soal pertama.

Yang kedua, ada really adakah orang-orang ini, dengan izin, betul-betul orang yang layak untuk piawaian, adakah mungkin panel ini juga yang menentukan piawaian ataupun piawaian itu ditentukan oleh orang lain, panel ini hanya observe piawaian, yang mana satu, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Parit Sulong sekali lagi. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat saya percaya adalah sekadar cerita sahaja dan saya percaya cerita-cerita macam ini tidak boleh sampai satu peringkat di mana ianya dapat memesonkan fikiran kita. Misalnya katalah saya tidak berapa tengok menonton program dari ASTRO, sebab saya pun tidak ada masa, dan katalah satu-satu filem yang ditayangkan di ASTRO mengenai *angel* ini semua, kemungkinan ini boleh menggalakkan anak-anak kita walaupun anak-anak dari keluarga Islam, boleh dapat bertanya kepada ibu bapa, adakah benar *angel* ini ada di dunia kita, ini memberikan ibu bapa satu peluang untuk memberi *explanation*, menerangkan, ohh ini semua cerita sahajalah, ini komedi pun selalu, kalau kita hendak tengok komedi-komedi yang ditayangkan di pawagam-pawagam dan filem-filem banyak cerita itu memang tidak benar sama sekali, tetapi oleh kerana ianya sekadar ceritanya, kita terimalah sebagai satu hiburan sahaja.

Yang kedua mengenai ASTRO juga, Yang Berhormat dari Pokok Sena pagi ini pun bertanya juga, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, semua rancangan yang diambil secara terus dari stesen ASTRO ini, Lembaga Penapisan Filem tidak menapis oleh kerana stesen ASTRO diberikan pengecualian oleh kerajaan dan mereka ini mempunyai jawatankuasa penapisan sendiri dan mereka juga segala rancangan juga dikawal oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Telekomunikasi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sejak ada *convergence*, percantuman teknologi *telephoncation*, *information* dan *communication*, sekarang ini telah pun ada *shifting role* bermakna peranan yang berpindah.

Soal *content* yang berkaitan dengan multimedia, ini adalah Suruhanjaya Multimedia. Televisyen pun sudah tidak ada hak. Tetapi soal filem ditapis oleh Kementerian Dalam Negeri, saya tidak hendak *complicate matters*. Saya hendak tanya: Boleh atau tidak piawaian yang ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri, yang saya masih lagi persoalkan, siapa yang buat dan sebagainya, juga digunapakai oleh ASTRO? Itu yang pertama.

Yang keduanya, apabila saya membaca laporan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, agaknya kalau lihat daripada keahlian dia pun, keahlian Suruhanjaya - bukan saya hendak memperkecil-kecilkan - *with due respect* dengan izin, ia tidak mempunyai pakar yang boleh mengadili ataupun yang memberi

pandangan yang mungkin berkesan mengenai filem, dan orang-orang daripada RTM tidak lagi duduk dalam Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Jadi, di sini banyak percanggahan, satu pertindihan fungsi, satu pertembungan fungsi. Tidakkah Kementerian Dalam Negeri ini hendak mencadangkan supaya diselaraskan segala-galanya supaya wujud satu national standard? Tidak payah soal siapa, kalau rujuk kepada dia, orang inilah yang bertanggungjawab. Tidak payah RTM pergi rujuk kepada Suruhanjaya, TV3 rujuk, ASTRO rujuk. Soalnya filem juga.

Jadi, saya sudah *suspect*, Yang Berhormat, bahawa filem-filem ASTRO itu tidak ada *sensor*. Saya sudah *suspect* dah. Kalau tidak, dia lepas sahaja. Tetapi, syukur alhamdulillah, pasal you hendak berterus terang.. Terima kasih banyak.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasihlah Yang Berhormat. Kalau boleh, mungkin adalah satu cadangan yang baik agar kita mempunyai piawaian bukan sahaja filem-filem di bawah kawalan Lembaga Penapisan Filem termasuk juga ASTRO dan mungkin termasuk juga Internet dan Intranet. Betul tidak? Yang Berhormat saya tahu telah membangkitkan begitu banyak kali, seringkali. Yang Berhormat telah membangkitkan di Dewan yang mulia ini mengenai benda-benda, perkara-perkara yang disalurkan melalui Internet dan Intranet. Mungkin sudah, sebab saya pun telah pernah jawab di Parlimen ini, mungkin masa sudah tiba di mana kita mempunyai *legislation* ataupun akta-akta untuk mengawal apa yang dikeluarkan dari Internet dan Intranet termasuk dengan kegiatan-kegiatan. Ini satu keadaan yang baik, tetapi saya percaya Kementerian Multimedia dan Komunikasi berusaha memberi *input* mereka - dengan izin - dan pendapat mereka. Memandangkan sekarang kita sedang menggalakkan supaya kita wujudkan Multimedia Super Corridor di Malaysia, sama ada ianya akan menjejaskan segala rancangan yang dirancang oleh kerajaan, itu satu isu yang lain.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi, Yang Berhormat telah menyebut secara terus di Dewan ini mengatakan bahawa ASTRO tidak termasuk dalam bidang kuasa penapisan rang undang-undang yang terdapat dan diberikan kuasa kebebasan oleh kerajaan di bawah kawalan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Ini menunjukkan bahawa tidak tercapai matlamat sepertimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dalam pembentangan rang undang-undang ini bahawa kita hendak memastikan supaya industri filem ataupun siaran rancangan-rancangan filem dan juga televisyen dan sebagainya tidak memberi sumbangan yang besar kepada permasalahan-permasalahan sosial dalam negara kita.

Jadi, ini saya kira bahawa suatu yang sangat menyimpang jauh daripada perkara yang kita kehendaki daripada rang undang-undang yang ini. Sebab itu, saya bersetuju dengan rakan saya daripada Parit Sulong tadi bahawa perlu ada penyelarasan. Malah saya mengharapkan, saya minta response daripada Yang Berhormat, supaya hal-hal berkaitan dengan filem, rancangan-rancangan televisyen dan juga stesen-stesen televisyen dan sebagainya ini, mesti berada di bawah satu kementerian.

Kalau berada dalam kementerian-kementerian yang berbeza, maka sukar untuk pengendalian, penguatkuasaan undang-undang untuk mencapai satu matlamat yang dikehendaki oleh negara. Kalau kekal begini, multimedia dalam negeri, penapisan filem, kemudiannya Kementerian Penerangan daripada RTM, ini akan menjadi bercelaru dalam menuju kepada hala tuju pembinaan masyarakat, anak bangsa Malaysia yang mempunyai akal budi yang tinggi. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah yang saya telah pun tadi menyatakan bahawa mungkin sudah tiba masanya di mana kita mempunyai akta-akta ataupun undang-undang supaya kita dapat mengawal rancangan-rancangan yang telah pun ditayangkan melalui ASTRO ataupun Intranet. Ini satu perkara saya setuju, tetapi macam mana kita hendak berusaha supaya kita mencapai ke arah itu? Mungkin kerajaan khususnya Kementerian Multimedia dan Komunikasi harus memberikan input, macam mana kita dapat mewujudkan sebuah masyarakat di mana nasihat yang waras, yang bebas daripada masalah-masalah kelucuhan dan lain-lain. Ini saya setuju.

Mengenai isu Lembaga Penapisan Filem yang minta Lembaga Penapisan memberi bimbingan kepada penulis skrip agar dapat menghasilkan filem-filem yang bermutu. Ini adalah di luar bidang kuasa Lembaga Penapisan Filem, sebab tugas

spesifik Lembaga Penapisan Filem ialah untuk hanya menapis filem-filem yang dihantarkan supaya ianya ditapis sebelum diluluskan.

Mengenai soalan Yang Berhormat bagi Sri Gading berhubung dengan garis panduan kepada penerbit supaya pengusaha filem-filem tahu apa boleh ditayang dan apa tidak dapat ditayang supaya mereka tidak akan kerugian sesuatu filem apabila siap diterbit dan diharamkan selepas itu pula.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengenai perkara soalan ini, Lembaga Penapisan Filem telah pun memberi garis panduan kepada penerbitan filem-filem tempatan dan majlis taklimat perancangan, semua dia orang tahu. Oleh yang demikian, kita dapat melihat seperti saya tadi telah beritahu, angka-angka di mana begitu tinggi sekali peratusan filem-filem yang dikeluarkan dalam negara kita dapat kelulusan dari Lembaga Penapisan Filem supaya ianya dapat ditonton oleh orang ramai.

Mengenai aspek kelucahan, seram dan ganas, juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, menonton tapis filem adalah seperti adegan-adegan tadi yang saya telah pun membuat penerangan, maka saya tidak ingin melanjutkan lagi. Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan perkara berhubung dengan jumlah filem yang dihantar untuk ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem, terlalu banyak. Beliau juga rasa dua, tiga orang seperti disebutkan dalam rang undang-undang ini, tidak mencukupi [Disampuk]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sipitang bangun.

Dato' Chor Chee Heung: Biar saya habiskan ini dahulu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, akta hanya sebut sekurang-kurangnya ada dua, tiga orang yang dilantik oleh menteri dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, buat masa ini terdapat 62 orang ahli yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Mandarin, Tamil, Hindi, semua termasuk dengan kepakaran dalam bidang yang lain yang telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Penapisan Filem ini. So, Yang Berhormat bagi Serdang itu mungkin dia silap faham sikit sebab dia ingat hanya tiga orang hendak menjalankan tugas, hendak lihat filem-filem ini sebelum ianya mendapat kelulusan. Mungkin mustahil. Dengan begitu banyak filem dihantarkan kepada Lembaga Penapisan Filem, takkan tiga orang hendak pergi lihat tiap-tiap hari? Kita ada 62 orang Ahli Lembaga Penapisan Filem, tiap-tiap hari pun mereka ada di situ mengikut giliran untuk membuat tapisan filem-filem di Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju mengenai dengan penapisan ini dibuat secara teliti terutama sekali untuk tontonan awam. Ianya ada empat elemen penting dalam perkara ini. Yang pertama kita mesti ada undang-undang – undang-undang sudah ada; yang kedua, mesti ada penguatkuasaan bila sudah ada undang-undang; kemudian yang ketiga ialah elemen orang ramai, khususnya ibu bapa yang dapat mengawal, kalau kita takut terdedah kepada anak-anak kita mesti kawal. Ini peranan ibu bapa; dan keempat kepada syarikat penjual ataupun pengedar.

Jadi, kalau ke empat-empat ini boleh kita laksanakan, kita satukan, saya ingat ini tidak ada masalah. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian. Apakah kerajaan bercadang, oleh kerana kita bila terlampau tapis, kadang-kadang cerita itu tidak lagi jadi *original*. Tetapi bila tidak ada di Malaysia, orang-orang kita ini akan mendapatkan juga khidmat ini di luar. Kalau kita lihat negara-negara di Timur Tengah, perangai dia bila dia ke luar negeri lebih teruk daripada orang Malaysia lagi sedangkan keadaan di negeri mereka tidak boleh, negara jiran kita pun ada juga.

Jadi, apakah kerajaan bercadang supaya dengan peraturan yang ada, dengan undang-undang penguatkuasaan, kita *legalise* untuk tontonan peribadi atau "*in-house*" tetapi dengan syarat kita mesti *strict*. Ataupun seperti di negara-negara Barat, ada kedai-kedai yang menjual untuk tontonan seperti itu tetapi dia memang *strict* - 18 tahun sahaja; dan kalau syarikat itu jika dibenarkan budak sekolah ataupun di bawah umur, mereka akan ditutup, lesen dibuang dan sebagainya.

Saya tahu di Malaysia ini kita sebuah negara Islam, tetapi untuk kaum-kaum lain – untuk keperluan. Kalau tidak kita curi-curi juga. Selalunya yang haram inilah yang selalunya dicuri-curi. Tetapi kalau secara terbuka mereka lali, ataupun sudah jadi biasa. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Itu pandangan cukup bernas – pandangan yang agak liberal tetapi mempunyai alasan-alasan tertentu. Saya setuju memang semua harus memainkan peranan. Kita mempunyai akta-akta, undang-undang mengenai penapisan. Penguatkuasaan pun begitu penting juga. Dan selain daripada dua elemen ini, ibu bapa dan pengedar juga memainkan peranan yang agak penting juga, sebab kalau ibu bapa tidak jaga anak-anak kita, mereka ini anak-anak kita kalau dapat membeli secara haramnya, katalah filem-filem yang lucah, sebagai ibu bapa kita harus mengambil tindakan yang tegas terhadap anak-anak kita. Ini memang benar dan oleh yang demikian, kerajaan buat masa ini tidak berpendapat bahawa kita mempunyai sikap yang terlalu liberal seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Kita tidak mempunyai sikap ..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Dato' Chor Chee Heung: Saya tidak habis lagi - sikap liberal yang mana semua buka untuk siapa hendak beli, biar mereka beli. Cuma kita hendak menekankan ibu bapa kena memainkan peranan dan kita ada undang-undang umur 18 tahun ke atas baru boleh beli, ke bawah tidak boleh. Tetapi buat masa ini kita tidak boleh – tidak dapat kita mengambil sikap yang begitu liberal. Mungkin dalam sepuluh tahun dari sekarang, lima belas tahun mungkin boleh berubah. Buat masa ini tidak boleh. Buat masa ini kita hanya mempunyai undang-undang penguatkuasaan, dan dari semasa ke semasa kita mengimbang pada keseluruhannya apa yang boleh diterima oleh masyarakat kita. Kalau buat masa ini kita boleh terima macam ini, sebab dia tidak dapat menjejaskan soal keruntuhan akhlak dan moral kita, maka itu kita membenarkan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat kata bahawa sepatutnya ibu bapa memainkan peranan. Saya bersetuju ibu bapa harus memainkan peranan, tetapi apakah seluruhnya bebanan itu kita hendak letakkan kepada ibu bapa untuk mengawal kanak-kanak. Sebab kadang-kadang ada juga ibu bapa yang beli. Berkenaan dengan satu kes yang didedahkan bagaimana disebut kelucahan melampau yang berlaku kepada kanak-kanak sekolah di Taiping. Apabila disiasat, budak itu memberi tahu bahawa "saya tengok daripada filem yang dilihat oleh kedua ibu bapa saya". Ibu bapa juga beli.

Sebab itu saya katakan bahawa yang penting di sini, saya tidak begitu bersetuju untuk kita buka seluas, sebeb-bebas begitu bahawa itu akan menyebabkan orang akan mangli dengan keadaan itu, akhirnya orang tidak beli. Maka itu akan menggalakkan seperti mana yang Yang Berhormat sendiri sebut, bahawa kita tidak boleh membuat sesuatu yang boleh menyumbang kepada berkembangnya budaya budaya yang buruk dalam negara kita.

Malah bagi saya sewajarnya dalam filem-filem yang dibolehkan ditayangkan di dalam siaran televisyen kita pun seharusnya mesti berasaskan kepada apakah budaya yang harus kita hendak bentuk kepada pemikiran masyarakat. Saya berikan contoh bagaimana filem yang boleh dimenangi *award* di peringkat antarabangsa – filem Iran, dia tidak ada unsur lucah, tidak ada unsur seks, dia dengan pelakonnya memakai tudung walaupun tidaklah seperti mana tudung yang dipakai oleh Yang Berhormat bagi Arau tetapi hanya tudung yang meletakkan kain di atas kepala; ia tidak ada ciuman, dia tidak ada adegan berpelukan antara lelaki dan perempuan, tetapi dia boleh memenangi *award* lebih daripada lima atau lapan *award* di peringkat antarabangsa.

Itu menunjukkan bahawa filem tidak seharusnya dinilai kepada nilai-nilai sosial ataupun nilai-nilai popular, tetapi filem harus dinilai pada nilai-nilai sosial membawa cerita-cerita sebenar yang berlaku kepada masyarakat yang boleh memberikan pengajaran kepada masyarakat. Dasar ini yang perlu dipertegaskan oleh kerajaan dan sekali gus dalam hal yang berkaitan dengan penapisan filem.

Dato' Chor Chee Heung: Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang adalah peranan kerajaan sekarang ini dan kerajaan sedang berusaha ke arah ini dan tidak salah. Tetapi contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat mengenai ibu bapa di Taiping itu, ini satu *isolated case* dengan izin. Bukan semua ibu bapa macam itu. Saya percaya Yang Berhormat pun bukan macam itu bukan? Jadi, pada

keseluruhannya ibu bapa adalah orang baik. Mereka ini diberi tanggungjawab sebagai ibu bapa untuk mengajar dan mendidik anak-anak mereka. Ini satu tanggungjawab yang perlu kita tekankan sentiasa.

Yang Berhormat bagi Serdang juga mengatakan dia minta supaya kerajaan bagi keutamaan kepada filem-filem keluaran tempatan. Memang kita bagi keutamaan kepada filem-filem supaya bila dia orang buat permohonan kita tapis dahulu. Tetapi semua filem ini harus menepati garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. Yang Berhormat bagi Serdang juga mengatakan masih ada lagi VCD lucah di pasaran. Memang benar dan kerajaan sentiasa menjalankan operasi-operasi, kegiatan-kegiatan pencegahan dan sehingga Oktober 2001, sebanyak 9,909 VCD lucah telah dirampas dan tindakan pencegahan ini, termasuk dengan penguatkuasaan dijalankan berterusan.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena memang dalam ucapan beliau dia telah banyak memberi pandangan, termasuk dengan kritik-mengkritik - betul pun dia kritik, tidak betul pun dia kritik. Tetapi pada keseluruhannya soal penyelarasan dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, mengenai soal ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, faktor penyelarasan dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah diambil kira semasa menggubal garis panduan penapisan filem. Mereka yang menggubal garis panduan terdiri daripada pelbagai disiplin termasuk dengan kebudayaan, keagamaan, sosial dan lain-lain.

Dan tapisan filem juga dibuat dengan mengambil kira dasar kebudayaan kebangsaan dan bukan Lembaga Penapisan tidak ada piawaian ataupun tidak ada garis panduan, mereka ikut pendapat mereka sama ada dilulus atau tidak - tidak. Mereka ini sudah lama dalam bidang ini, mereka mempunyai pengalaman dan mereka tahu apa yang baik, apa yang tidak baik. Kadang kala kemungkinan terlepas satu dua saya harus mengaku. Tetapi pada keseluruhannya mereka menjalankan tugas dengan begitu sempurna dan baik sekali. Kalau kadang-kadang kita terlalu ketat sangat, macam kata Yang Berhormat, cium pun tidak boleh, dia rosakkan segala filem. Dia mesti mempunyai elemen yang empat. Yang penting sekali kita dapat mengimbangi. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat kata kalau cium pun tidak boleh, rosak filem. Tetapi filem Iran "*Two Women*" dan ada satu lagi berkaitan dengan soal budak cuci kasut, kalau tidak salah, mendapat *award* walaupun tidak ada cium. Tidak rosak filem, malah bermutu tinggi. Maknanya, boleh mengatasi filem-filem yang dikeluarkan oleh Hollywood dan Bollywood, tetapi filem kita filem *plywood*. Jadi, apa yang saya hendak minta penjelasan di sini, boleh atau pun tidak Yang Berhormat perelaskan kepada saya, kalau tidak boleh hari ini, secara bertulis dan *publish*kan, tentang garis panduan penapisan filem ini.

Mungkin saya tidak dengar kalau Yang Berhormat ada sebut, kalau saya ada di luar tadi. Garis panduan, kita hendak tahu apakah garis panduan seperti mana garis panduan penerbitan yang diberikan. Macam mana bentuk piawai yang ada dalam penapisan filem itu sendiri. Sebab kami pun tidak tahu apakah yang dipaparkan di kaca-kaca TV itu mengikut garis panduan ataupun piawaian seperti mana saya katakan tadi bahawa KDN mengeluarkan permit kepada akhbar-akhbar yang saya kemukakan tadi tidak mengikut garis panduan. Tetapi, KDN sendiri melanggar garis panduan tersebut. Ha! Ini macam mana pula hendak ambil tindakan kepada KDN.

Dato' Chor Chee Heung: Okay Yang Berhormat, itu saya faham apa yang Yang Berhormat minta dan saya akan berusaha. Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga membangkitkan majalah-majalah dan bawa majalah tunjuk di Dewan pagi ini semasa mengambil perbincangan dalam Rang Undang-undang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya hari ini kita bincang pasal filem. Majalah-majalah dan buku-buku kalau terdapat terbitan yang agak lucah, yang tidak begitu senonoh maka ianya di luar bidang kuasa Lembaga Penapisan Filem, ianya di bawah Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984, di bawah Akta itu.

Tetapi tidak apalah bila sampai masa yang tepat, yang sesuai mengenai itu, Yang Berhormat mungkin kita boleh bincang dengan lebih panjang lebar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bawa tunjuk contoh Tuan Pengerusi tadi bukan kerana saya tidak faham kata ini rang undang-undang yang lain tetapi contoh dari segi kelemahan KDN dalam segi penguatkuasaan, penyelenggaraan KDN dalam garis panduan yang mereka buat sendiri. Sebab itu saya bimbang dan takut

nanti, garis panduan dalam penapisan filem itu sendiri, undang-undang yang kita luluskan ini akan dilanggar ataupun tidak akan dipatuhi oleh pihak Kementerian Dalam Negeri sendiri. Itu contoh perbandingan yang saya sebut.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kalau boleh saya hendak tengok juga, majalah-majalah yang dibawa, sama ada majalah penerbit-penerbit itu mempunyai nombor KDN atau tidak, kita pun tidak tahu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada KDN sini.

Dato' Chor Chee Heung: Adakah? Yalah, siapa-siapa pun boleh bubuh. *[Disampuk]* Tidak apa, tidak apa. Bagi kita, kita siasat tengok.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat bagi Pokok Sena ...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah, Yang Berhormat? Kerana Yang Berhormat makan dekat hampir sejam sudah, ya. Ya, kita ada bil yang sangatsangat mustahak diluluskan.

Dato' Chor Chee Heung: Okaylah, tidak lama lagi, Tuan Pengerusi. Baiklah. Lembaga Penapisan Filem akan menapis semua filem-filem yang dikemukakan oleh pengedar untuk ditonton tapis, hak menyiarkan atau menayangkan sesuatu filem-filem itu tertakluk kepada pihak stesen ataupun pengedar. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sepanjang tahun 2001, Januari hingga Oktober, sebanyak 1,977 kali operasi dilakukan. Ini untuk menunjukkan operasi yang dijalankan oleh KDN secara berterusan. Lembaga Penapisan Filem juga menapis semua bahan filem iklan berdasarkan kepada garis panduan. Dalam menapis filem-filem jenis ini, Lembaga Penapisan Filem sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai murni yang akan diambil kira.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Yang Berhormat bagi Pokok Sena menyentuh tentang filem *Angel* dan *Moto Combat* yang dikatakan bercanggah dengan akidah umat Islam. Filem-filem *Angel* dan *Moto Combat* adalah filem *fiction*, dengan izin, ataupun filem khayalan seperti filem rancangan kanak-kanak, macam *Power Rangers* dan lain-lain lagi.

Fiksyen yang boleh menyentuh akidah umat Islam tetapi filem ini memang kadang-kadang kalau ia menyentuh umat Islam, kalau tidak betul, tidak sihat maka tindakan akan diambil. Tetapi filem Cina juga mengandungi banyak unsur-unsur seumpama ini dan kita akan balik dan teliti sekali lagi sama ada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mempunyai alasan yang kukuh, kalau ada kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah sebut tentang internet dan intranet.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Chor Chee Heung: Okay, kali terakhirlah bagi dia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, saya hanya membangkit tetapi saya membangkitkan pandangan yang telah ditimbulkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan mengatakan filem-filem yang saya sebutkan tadi, disebut oleh Yang Berhormat sekali lagi itu adalah filem yang dibimbangi boleh menjejaskan. Jadi, disebut di sini bahawa mempunyai unsur-unsur tahayul yang boleh menjejaskan, bukan dibimbangi, yang boleh menjejaskan akidah dan kepercayaan umat Islam khususnya generasi muda. Ini Mufti Wilayah Persekutuan pada 9 Ogos 2001 ini.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah mengenai internet, intranet, tadi saya telah memberi penjelasan. Apa yang penting sekali ialah tapisan sendiri juga

agak penting, rakyat harus memberi pertimbangan sama ada benda yang ditonton adalah baik, kalau baik diterima, kalau tidak baik, tidak sihat, kita sekat sendiri.

Yang Berhormat juga membangkitkan dalam penggubalan rang undang-undang ini tidak ada garis panduan untuk menjadi panduan kepada ahli LPP. Tadi saya telah pun memberi penjelasan, garis panduan yang digubal dan diluluskan pada tahun 1993 diguna pakai setakat hari ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah pun bertanya mengenai penguatkuasaan operasi. Saya telah pun tadi sudah bagi tahu, operasi ini diteruskan tanpa berhenti-henti. Yang Berhormat bagi Tebrau telah pun mengesyorkan supaya Jawatankuasa Rayuan tidak payah memberi pertimbangan Lembaga Penapisan Filem.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Rayuan ditubuhkan adalah untuk memberi peluang kepada pengedar membuat rayuan apabila tidak puas hati dengan keputusan oleh Lembaga Penapisan Filem. Perkara ini adalah bersesuaian dengan keadilan sejagat, *the natural justice*, dengan izin.

Mengenai isu sama ada filem yang tidak diluluskan atau diharamkan disimpan selama tiga bulan sebelum dimusnahkan, ingin saya memberitahu bahawa pihak Lembaga Penapisan Filem dikehendaki menyimpan selama tiga bulan satu-satu filem yang tidak diberikan kelulusan sebelum membuat pelupusan ataupun kemusnahan. Tiga bulan ini adalah untuk memberi masa yang mencukupi supaya pengedar filem boleh membuat rayuan supaya minta balik filem itu dan di eksport semula ke luar negara.

Yang Berhormat bagi Tebrau juga bangkit mengenai lantikan Ahli Jawatankuasa Rayuan Filem. Pelantikan Ahli Jawatankuasa Rayuan Filem terdiri daripada pelbagai disiplin termasuk ahli-ahli agama. Semua ini adalah mempunyai syarat-syarat dan kelayakan tertentu sebelum mereka ini dilantik oleh Menteri sendiri.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang sentiasa memperingati bahawa ajaran Islam tidak menentang filem-filem yang menghayati cerita-cerita yang baik. Ini adalah satu pandangan yang baik, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya telah pun menjawab lebih kurang semua.....

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hak dia tidak jawab gamaknya. Ada, Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya bawa belum dapat dijawab lagi iaitu tentang kriteria Fasal 48, yang mana keputusan Menteri Lembaga Penapisan Filem atau Jawatankuasa Rayuan di bawah Akta yang dicadangkan ini tidak boleh menjadi perkara apa-apa rayuan atau kajian semula oleh mana-mana mahkamah. Yang ini saya ada bahas tentang ini, jadi saya minta supaya dijelaskan. Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mungkin terlepas pandang. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang ada satu keputusan muktamad yang dibuat, mesti ada satu keputusan muktamad. Dalam penggubalan Rang Undang-undang ini, kita telah pun mengambil kira apakah jenis rayuan yang boleh diadakan dalam Akta ini dan didapati yang paling sesuai ialah keputusan Menteri sebagai keputusan muktamad. Kita tidak harus melihat, oleh kerana masalah-masalah yang begitu remeh hendak dibawa ke mahkamah untuk diputuskan oleh mahkamah. Kita rasa ini adalah munasabah buat masa ini. Sekian.

Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya telah pun cuba dengan sedaya upaya untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jika, terlepas satu atau dua perkara pegawai-pegawai saya yang berada dalam Dewan ini akan mengambil catatan mengenai apa yang dibangkitkan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 56 -

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Ha, sila, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu, saya hendak sentuh soalan yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading iaitu interpretasi lucu dalam perenggan 5. Kita tidak mempunyai interpretasi yang tertentu bagi perkataan lucu ini. Jadi, ini amat sukar sekali kerana sebagaimana saya mendengar perbincangan dan persoalan juga jawapan daripada Timbalan Menteri berhubung dengan lucu dan dalam konteks mana. Yang Berhormat bagi Sri Gading mengatakan geselan, pusingan dan macam-macam lagi cara yang menunjukkan ini. Jadi, tidak ada interpretasi atau takrifan yang khusus disebut dalam perundangan ini. Jadi, saya minta penjelasan macam mana panduan yang diberi bukan sahaja kepada pihak lembaga tetapi juga kepada mahkamah untuk mendatangkan apa erti lucu.

Saya juga bangun untuk menyentuh perenggan 4, iaitu disebutkan di sini lembaga ini terdiri dari seorang Pengerusi, seorang Naib Pengerusi dan tidak kurang daripada dua orang lain. Jadi, saya melihat industri perfileman itu sendiri, bukan melihat dari segi ini. Saya melihat banyak perbincangan di sini yang ditumpu kepada soalan moral, penyelewengan akidah dan sebagainya. Kalau garis panduan itu diambil kira kesemuanya, saya percaya *e-village* dan semua industri perfileman di negara kita boleh gulung tikarlah. Tidak payah buat industri perfileman, tidak payah import filem dan tidak payah TV. Tidak payah semua sekali. Itu sahaja.

Jadi, dalam masa yang sama saya ingin hendak bertanya dengan Timbalan Menteri, perlantikan orang di dalam lembaga ini. Adakah orang yang berkemahiran dalam segi agama dilantikkan untuk memberi panduan keagamaan? Adakah orang yang pakar atau mahir dalam industri perfileman dimasukkan dalam badan ini supaya memberi panduan pandangan lain, pandangan daripada segi komersialnya? Kerana saya mendengar Yang Berhormat bagi Pokok Sena menyebut tadi filem yang mendapat anugerah-anugerah berpuh biji, berkualiti tetapi tidak ada bercium tidak sebagaimana.

Tetapi saya juga tahu filem komersial satu, filem yang berkualiti itu satu. Kadang-kadang filem yang berkualiti itu habis dalam peti itu sahaja, dia dapat anugerah berpuh-puluh tetapi keuntungan kepada pengusahanya tidak ada langsung. Tetapi filem yang tidak berkualiti tetapi ada unsur-unsur komersial umpamanya "Star Wars", sampai dibuat bersiri-siri "Star Wars" yang mendatangkan berjuta-juta kepada pengusaha ini.

Jadi, kita kena lihat di mana letaknya garis panduan yang dibuat oleh pihak ini. Kita jangan melihat daripada segi *conservatism*. Ini baik juga, saya tahu, tetapi kalau seorang hamba Allah tidak mempunyai ketahanan diri, di tepi jalan pun dia lihat orang telanjang, orang berbogel. Orang pakai baju bertudung pun dia nampak berbogel juga. Dia boleh *imagine* itu. Jadi, kadang-kadang benda macam ini kita jangan hendak gunakan *political mileage* berlandaskan pandangan yang sempit, pandangan yang tipis ini. Kita mesti melihat negara ini sendiri. Agama Islam bukan melarang orang jadi kaya raya, tetapi kaya rayalah dengan garis panduan yang tertentu. Berpolitik bukan bermakna kita shout and yell dengan ketua dalam Dewan ini.

Saya mencadangkan supaya lembaga penapisan ini terdiri daripada orang yang tua mempunyai pandangan yang tua; daripada orang yang muda daripada

pandangan-pandangan yang muda; daripada orang yang bijak pandai dalam segi keagamaan supaya jangan terlebih sangat; dan daripada pihak industri perfileman dan keusahawanan ini. Keusahawanan ini penting kerana kita hendak buat duit daripada segi ini. Kerajaan dapat *tax* dan sebagainya daripada itu. Jadi, kita kena lihat semua perkara ini dan persoalan dia.

Dan persoalan itu saya hendak bangkitkan satu lagi perkara iaitu saya hendak tanya dengan Menteri kerana tidak ada orang lain bangkitkan tadi. Saya hendak bercakap tetapi tidak ada peluang. Tuan Pengerusi kata cukuplah. Alhamdulillah saya duduk. Masa cukup saya terpaksa duduk, cukup. Saya hendak tanya kalau orang lain datang ke negara ini hendak buat filem sejauh mana pemantauan kita kepada skrip-skrip yang dibuat itu? Kerana berlaku baru-baru ini satu perkara yang hangat sekali dibincangkan di Sarawak iaitu satu siri yang dibuat di Taiwan menunjukkan di Sarawak dan di Malaysia ini masih ada orang memotong kepala (*headhunters*).

Jadi, ini satu gambaran yang amat negatif sekali. Ini bukan soalan lucu ini. Ini menunjukkan keadaan sekarang, saya yang pakai coat three-piece ini, datang seorang yang berpakaian tradisi Iban, membawa parang yang tajam-tajam dan potong kepala saya. Gambaran yang ada sekarang ini, dalam abad ke 21, ini dipotong kepala oleh pemotong kepala daripada Sarawak. Jadi, mana garis panduan yang kita ada supaya perkara macam ini, gambaran-gambaran ini, tidak berlaku sekali lagi. Walaupun pihak Taiwan - mengikut akhbar - telah memohon maaf tetapi kemaafan itu tidak menunjukkan. Gambaran itu telah disebar fitnah oleh syarikat itu dan telah dilaburkan di seluruh negara mereka.

Jadi, di mana letaknya garis panduan yang kita buat supaya pihak luar tidak boleh memfitnah kepada negara kita sewenang-wenangnya. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Seperti saya kata saya telah menerangkan di Dewan yang mulia tadi, takrif ataupun definisi kelucahan memang sukar diberikan takrifan yang agak spesifik. Maka kita sengaja dalam rang undang-undang ini tidak memberi definisi kelucahan dan kita serah kepada kebijaksanaan Lembaga Penapisan Filem untuk membuat keputusan.

Walau bagaimanapun keputusan yang dibuat oleh Lembaga Penapisan Filem bukan keputusan mereka. Mereka harus dipandukan kepada garis panduan yang telah pun disediakan oleh kerajaan. Saya bagi contoh mengenai adegan ataupun babak seks. Satu, memaparkan lelaki dan wanita melakukan hubungan seks baik pun berbogel atau berbaju, berdiri, meniarap ataupun duduk dan di mana-mana juanya. Dan ada banyak lagi. Satu hingga 22. Wanita membuka zip seluar lelaki pun tidak dibenarkan. Ha, tengok. Yang Berhormat bagi Pokok Sena mana dia pergi ha? [*Sambil memandang ke arah kerusi Yang Berhormat bagi Pokok Sena*]. Satu lagi contoh ya....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Dato' Chor Chee Heung: Saya tidak habis lagi pun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh bincang macam ini. Saya tanya sedikit sahaja. Adakah garis panduan yang sama di masuk? Kalau macam di England, Dato' mungkin sudah tahu perkara ini. Kalau orang perempuan tunjuk *frontal* dia kata tidak *indecent*. Tetapi kalau lelaki menunjuk *frontal* dia kata *that's indecent*. Jadi, macam mana? Ini nampak kelabu.

Dato' Chor Chee Heung: Jangan kita banding dengan negara Barat. Dia orang cukup bebas punya. Kita dua-dua pun tidak bagi. *Indecent* juga.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak benar. [*Ketawa*]

Dato' Chor Chee Heung: Mengenai soalan yang kedua, pelantikan ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem. Kita sengaja juga dalam rang undang-undang ini sebut syarat dan kelayakan seseorang ahli penapisan filem. Kita mempunyai suatu sikap di mana semua yang dilantik adalah mempunyai pengalaman dari semua bidang termasuk juga pakar perfileman. Tetapi memanglah kita tidak dapat melantik pengeluar-pengeluar filem yang aktif sekarang ini. Sebab apa, kalau kita lantik dia orang, dia orang nanti pula masukkan semua filem dia orang, dia orang dapat

kelulusan. So, kerajaan di sini adalah cukup *fair* dan menepati kejujuran di mana hampir semua atau kebanyakan yang dilantik adalah bersara dari industri-industri mereka pernah menjawat jawatan.

Yang ketiga adalah pemantauan skrip-skrip, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, pihak-pihak yang membuat filem di negara kita mereka harus mendapat persetujuan, kelulusan kerajaan kita dan sebelum itu, sebelum kita memberi keputusan kita hendak tahu juga apakah cerita, bentuk cerita yang akan dibuat dalam filem di Malaysia ini, kita tidak mahu Malaysia diperalatkan dalam filem-filem untuk mencapai sesuatu matlamat oleh pihak-pihak penerbit filem. Sekian, terima kasih.

Fasal I hingga 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.46 ptg.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan hingga esok hari.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan untuk meminda Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 1998, bagi melicinkan operasi Bank Negara Malaysia dalam mengendalikan biro kredit. Pindaan ke atas rang undang-undang ini pada amnya bertujuan untuk:

- (i) mempertingkatkan pengumpulan dan penyediaan maklumat kredit pelanggan institusi kewangan;
- (ii) mempertingkatkan perlindungan bagi kepentingan pelanggan;
- (iii) memperkukuhkan kehematan kredit sistem kewangan negara;
- (iv) membolehkan institusi kewangan dan Biro Kredit untuk memberikan maklumat kredit pinjaman kepada peminjam sendiri untuk membolehkan peminjam tersebut menyemak ketetapan maklumat tersebut;
- (v) menggabungkan Biro Maklumat Cek dengan Biro Kredit untuk membenarkan perkongsian maklumat pengeluaran cek lambung kepada institusi kewangan bagi persetujuan penilaian kredit; dan

- (vi) memasukkan pendedahan maklumat kredit yang menyalahi undang-undang sebagai kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 21 (5), Akta Bank Negara Malaysia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Biro Kredit telah ditubuhkan di bawah Seksyen 30 (1), (3M), MMM Akta Bank Negara Malaysia 1998 untuk mengumpul maklumat kredit pelanggan institusi kewangan dan menyediakan maklumat yang dikumpulkan kepada institusi berkenaan. Mengikut undang-undang semasa, Bank Negara Malaysia sebenarnya boleh mengendalikan sistem maklumat kredit pelanggan melalui Biro Kredit, walau bagaimanapun, di bawah peruntukan seksyen yang sedia ada skop penggunaan maklumat adalah terhad dalam beberapa ciri iaitu:

- (i) penggunaan maklumat kredit pinjaman tidak dinyatakan dalam seksyen tersebut,
- (ii) maklumat cek lambung hanya boleh diberikan kepada bank; dan
- (iii) maklumat kredit peminjam tidak boleh ditunjukkan kepada peminjam sendiri.

Fasal 2, salah satu tujuan pindaan Seksyen 30 (M1) (MMM) adalah bagi menggabungkan Operasi Biro Kredit dan Biro Maklumat Cek. Di bawah undang-undang ini, Biro Maklumat Cek telah ditubuhkan di bawah Seksyen 30 (1), (4M) (MMMM) untuk mengumpul maklumat mengenai pengeluaran cek lambung. Pemberitahuan maklumat tersebut kepada bank hanya bertujuan untuk menolong pihak bank, menilai kelayakan pengeluaran cek untuk mengendali atau membuka mana-mana akaun semasa dengan bank.

Oleh kerana maklumat tersebut boleh juga digunakan untuk membantu institusi kewangan dalam nilai kedudukan kredit pelanggan mereka, institusi kewangan telah memohon Bank Negara Malaysia untuk masukkan maklumat mengenai pengeluaran cek lambung ke dalam laporan kredit pelanggan. Dengan ini, maklumat kredit itu boleh diperolehi oleh institusi perbankan dan institusi kewangan lain untuk membuat penilaian kebolehpercayaan kredit bagi pelanggan yang sedia ada atau bakal pelanggan. Pemberitahuan maklumat pengeluaran cek lambung boleh juga digabungkan memandangkan pengeluaran cek lambung adalah petunjuk yang berguna mengenai sifat pengendalian kewangan yang tidak berdisiplin dan seterusnya memberi panduan petunjuk bakal masalah aliran tunai pelanggan. Tambahan lagi, pemberitahuan ini akan menggalakkan disiplin yang baik di kalangan pelanggan bank dalam pengeluaran cek. Untuk memudahkan penggunaan maklumat adalah wajar Biro Kredit dan Biro Maklumat Cek digabungkan menjadi satu biro dan bukan sebagai dua biro yang berlainan.

Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan bahawa subseksyen 30 (1), (MMM), dipinda untuk menyatukan fungsi Biro Maklumat Cek ke dalam Biro Kredit dan perenggan Seksyen 30 (1), (MMMM) dihapuskan. Pindaan yang dicadangkan juga akan membolehkan maklumat kredit itu diberikan kepada pelanggan institusi perbankan dan institusi kewangan yang lain. Pelanggan dibenarkan mendapatkan satu salinan laporan kredit untuk tujuan memeriksa ketepatan maklumat kredit yang diberikan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan lain itu mengenainya sendiri.

Selain daripada itu seksyen ini masih mengekalkan kedudukan bahawa maklumat yang diberi oleh institusi perbankan dan institusi kewangan lain itu adalah rahsia melainkan sekiranya maklumat itu diberitahu atas permintaan pelanggan tersebut.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 51 Akta 519 dengan memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen (5A) ke dalam Akta 519. Pindaan ini bertujuan untuk menjadikan pelanggaran Seksyen 30 (1), (MMM) yang baru sebagai kesalahan yang boleh dihukum supaya ianya boleh mencegah seseorang yang mana mempunyai akses maklumat kredit daripada membuat pendedahan yang menyalahi undang-undang kepada orang ketiga. Kesimpulannya pindaan rang undang-undang yang saya syorkan itu akan melicinkan operasi Bank Negara Malaysia dalam mengendalikan Biro Kredit untuk tujuan memperkukuhkan lagi kestabilan sistem kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada masa kita *limitkan* 20 minit seorang, jadi saya jemput Tambun dulu.

3.50 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan. Sekarang ini dari segi mendapatkan maklumat untuk tujuan penilaian *credit worthiness* bagi peminjam. Bank A akan berurusan dengan Bank B. Begitu juga apabila *supplier* perlu untuk membuat penilaian ke atas *credit worthiness* seseorang pelanggan, boleh menulis kepada bank dan bank akan memberi maklumat tetapi maklumat tersebut adalah terhad dari segi *wording*.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan, apakah tujuan penubuhan Biro Kredit ini dalam konteks sistemnya telah wujud untuk tujuan mendapatkan maklumat. Adakah dengan penubuhan Biro Kredit ini bermakna bahawa penyebaran maklumat ataupun perpindahan maklumat antara pihak bank menjadi lebih kemas dan ini boleh mengelakkan daripada berlakunya pembocoran ke atas maklumat yang diberikan. Saya mengambil sikap, penting untuk mempunyai maklumat tepat dari segi untuk membuat penilaian ke atas pelanggan dalam konteks kita berhadapan dengan NPL yang tinggi. Sebelum ini kita mahu *client* yang betul-betul baik.

Kedua mengenai dengan beberapa perkara tentang Bank Negara Malaysia. tentang hala tuju dasar Bank Negara dalam konteks kita berhadapan dengan ekonomi hari ini. Di dalam Belanjawan, ada menyatakan bahawa sektor korporat atau sektor swasta dari segi sumbangan kepada KDNK telah merosot. Mana-mana ekonomi bergantung kepada sektor swasta untuk mencapai tahap *sustainable development*. Sehubungan dengan itu dari segi arahan Bank Negara kepada bank-bank perdagangan, *merchant bank* dan institusi kewangan, bagaimanakah peranan yang harus dimainkan oleh pihak bank ke arah untuk membantu merangsang sektor swasta sebagai salah satu daripada dasar Bank Negara.

Kedua mengenai dengan arah tuju pinjaman sekarang ini, ke arah mana? Saya masih ingat sebelum kita berhadapan dengan kegawatan ekonomi, Bank Negara agak lewat mengeluarkan arahan. Pada masa itu kita sedar yang sektor hartanah dan sektor saham sekuriti bukan bidang yang patut diberi keutamaan kerana kita tahu di Jepun dan Hong Kong berhadapan dengan masalah oleh kerana Bank Negara lewat memberikan arahan, maka sebahagian besar bank mempunyai *exposure* yang begitu tinggi dalam dua bidang ini apabila sektor hartanah dan sektor sekuriti jatuh teruk maka terjadilah masalah NPL yang begitu tinggi.

Dalam hubungan sekarang ini, bagaimanakah arah tuju pinjaman dalam negara kita ini seperti mana saya nyatakan tadi dari segi bidang sektor swasta terutama bidang *manufacturing*, bagaimanakah arahan Bank Negara kepada pihak bank. Begitu juga dari segi sektor hartanah ini, macam mana sekarang ini? Adakah Bank Negara Malaysia menggalakkan atau tidak dalam suasana kita berhadapan dengan kedudukan *surplus* dari segi perbekalan ruang pejabat dan juga ruang perumahan, adakah pihak Bank Negara Malaysia mahu supaya pihak bank terus menerus bagi pinjaman kepada sektor tersebut.

Kita tahu antara sektor yang menjadi nadi kepada negara sekarang ialah sektor pembinaan yang dikaitkan dengan hartanah tetapi di samping itu kedudukan permintaan sektor tersebut agak merosot. Jadi bagaimanakah dasar Bank Negara Malaysia.

Ketiga, dari segi sistem penilaian dan membuat keputusan pinjaman. Kita tahu pinjaman bank adalah sebuah badan *intermediately* yang mengambil wang daripada sektor yang *surplus* dan diberi pinjam oleh sektor defisit atau sektor yang memerlukan pinjaman. Dalam erti kata lain, bank bertanggungjawab untuk memastikan yang wang yang diperolehi dari sektor *surplus* ini selamat. Dengan itu daripada dahulu lagi, secara *conventional*, pihak bank memberi pinjaman berasaskan kepada *collateral*.

Di sini saya ingin menyentuh sedikit tentang perkara ini kerana kita lihat di negara-negara lain terutama negara maju, konsep memberi pinjaman berasaskan *collateral* ini telah berpindah berasaskan kepada aliran wang tunai dan sekiranya memerlukan kepada *collateral* tidak begitu tinggi margin. Saya dapati di negara kita, margin yang diperlukan begitu tinggi, satu kali setengah daripada pinjaman umpamanya lebih daripada itu. Ini bermakna sekiranya peminjam mahu mendapat pinjaman sebanyak RM1 juta, memerlukan kepada *collateral* pada RM1.5 juta peringkat minimum dan ini akan menyukarkan sektor swasta untuk berkembang, bagaimanakah dasar Bank Negara Malaysia sekarang ini? Adakah Bank Negara Malaysia ada meminta pihak bank untuk sanggup dengan melihat kepada *collateral* yang lebih rendah daripada kadar 1.1 atau 1.2 dan tidak kepada 1.5 ke atas yang tentunya menyukarkan sektor swasta.

Saya ingat sekiranya kita membuat kajian ke atas kedudukan sektor swasta ini, ada kaitannya dengan hubungan sektor swasta dengan sektor kewangan di sektor perbankan dari segi tidak begitu *friendly* kepada sektor *manufacturing* iaitu sektor swasta. Di samping itu, konsep yang saya nyatakan tadi, konsep memberi pinjaman berasaskan kepada *cash flow* ataupun aliran wang tunai, sejauh manakah kita berkembang dari segi prinsip-prinsip perbankan kita, dari segi untuk memberikan pinjaman berasaskan kepada *cash flow*.

Walau bagaimanapun saya tidak lah begitu bersetuju jikalau kita begitu liberal untuk memberi pinjaman kepada sektor ICT. Kita tahu bukan sahaja ICT di Amerika berhadapan dengan masalah, juga di India yang begitu kuat dan kukuh dari segi ICT ini tetapi sekarang ini berhadapan dengan masalah. Dari segi pinjaman kepada ICT, saya berpendapat lebih baik menggunakan kaedah *merchant capital* daripada berasaskan kepada pinjaman bank kerana kita harus ingat yang pinjaman bank ini datang daripada wang yang diterima daripada sektor yang *surplus* wang, ia daripada pendeposit. Pendeposit kita dari sektor korporat mahupun daripada *retailers* dan begitu juga dari *inter bank money market*. Ini adalah wang dari satu pihak lain dan kita kena jaga wang tersebut dengan baik.

Di samping itu, bagaimanakah pula dasar Bank Negara Malaysia ke atas syarikat-syarikat kad kredit. Di satu pihak, Bank Negara Malaysia menekankan kepada, dalam suasana ekonomi sekarang, kita mesti mengurangkan kos kepada klien. Tetapi di samping itu syarikat-syarikat kad kredit mengenakan kos yang begitu tinggi, 2% sebulan bermakna dalam setahun sampai 24%, ini lebih daripada ceti lagi tahapnya.

Jadi, ini berlawanan dengan pendirian kerajaan dan Bank Negara supaya dikurangkan struktur kos yang dipindahkan kepada pelanggan. Saya berpendapat kita tidak boleh memihak kepada syarikat-syarikat kad kredit begitu sewenang-wenangnya mengenakan kos yang begitu tinggi.

Pada hal sekarang ini dari segi struktur kos dalam sektor perbankan begitu rendah dan yang terendah sekali dalam sejarah negara kita dan tentulah dengan penurunan struktur kos ini sepatutnya syarikat-syarikat pengeluar kad kredit juga *responsive* kepada pengurangan kos tersebut. Dengan pengurangan kos tersebut maka kita boleh katakan margin keuntungan diperolehi oleh syarikat-syarikat kad kredit ini tentulah cukup tinggi.

Kelima, mengenai dengan struktur kos sendiri. Saya ingin mendapat maklumat dan penjelasan daripada Kementerian. Dengan penerangan struktur kos ini, kita tidak nampak kenaikan pinjaman ataupun saya nak bertanya beginilah, bagaimanakah struktur kos bank sekarang ini. Kita ambil *inter-bank money market*— 3 bulan, 6 bulan berapa kos dia, *base lending rate* berapa kos dia? Dan juga kos kepada peminjam. Kerana kita difahamkan walaupun struktur kos di peringkat bank sudah kurang, tetapi dari segi pinjaman kepada peminjam masih lagi tinggi. Jika ini berlaku maka dengan izin *its defeats the purpose* pihak kerajaan meminta supaya bank mengurangkan kos jika penawaran kepada peminjam masih lagi tinggi.

Di samping itu, pendeposit juga mengalami kerugian jika pada masa lalu pendeposit boleh dapat 5% faedah setahun dan jumlah ini, kadar berpanjangan pada 5%, sekarang ini 2%, 3%. Jika dibandingkan di antara pendeposit dengan peminjam, pendeposit lebih ramai, jumlahnya banyak. Dia telah menjalankan satu *service* yang begitu baik kepada negara dengan menyimpan dan menabung di dalam bank dan ini digunakan oleh pihak lain. Bermakna kalau kita lihat, kita timbangkan di antara peminjam dan pendeposit, dari segi hierarki pendeposit juga sepatutnya diberi

keutamaan kerana loyalty simpan dalam bank, tapi pulangan diperolehi 2%, 2 ½%, 3% sahaja berbanding 5%, 6% sampai 7%, 8% pun ada. Di samping itu, pihak bank pula menggunakan kesempatan dengan kos yang murah ini bagi pinjaman yang besar. Akhirnya yang untung hanya pihak bank.

Kita mesti ingat bahawa kerugian bank bukan kerana sistem kos tidak betul, yang rugi kerana bank telah melakukan kesilapan memberi pinjaman kepada individu yang sepatutnya tidak layak untuk menerima pinjaman. Ini tentulah akibat daripada proses penilaian pinjaman yang tidak cekap dilakukan oleh pihak bank. Janganlah kerana ketidakcekapan pihak bank ini mereka nak ambil peluang untuk mendapat keuntungan yang banyak supaya shareholder mereka mendapat keuntungan yang lebih tinggi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan peranan Bank Negara, kedudukan Bank Negara dari segi struktur organisasi. Saya tidak begitu faham dari segi *contest*. Kita melihat tiap-tiap organisasi mesti mempunyai *competency* dalam bidang-bidang tertentu dan Bank Negara sebagai governing bank dalam sektor perbankan dan juga kewangan tentunya juga mesti *competent* dalam bidang perbankan. Apa yang saya maksudkan kita cuba nak fikir dari segi sektor insurans, bagaimanakah sektor ini boleh diletakkan di bawah Bank Negara. Director General of Insurance di bawah Bank Negara.

Saya membangkitkan perkara ini kerana jika saya banding di antara sektor perbankan, Commercial Bank, Merchant Bank dengan izin dan juga financial institution. Kita dapat lihat perubahan ke arah melakukan pembaharuan untuk berhadapan dengan cabaran baru. Tapi dalam sektor insurans kita tidak dapat banyak perubahan. Antaranya insurans brokers. Kita tahu ada lebih kurang 30 insurans brokers yang kecil-kecil dan antara insurans brokers dengan syarikat-syarikat insurans utama atau induk, tidak ada dengan izin *line of demarcation dichotomy*, dengan izin.

Saya cuba kaitkan sektor insurans dengan sektor perbankan. Di sektor perbankan kita ada Merchant Bank, Commercial Bank. Semua orang jelas apakah peranan Merchant Bank, dan apakah peranan Commercial Bank. Tetapi dalam sektor insurans tidak jelas peranan insurans brokers ini tidak berbeza dengan syarikat induk insurans. Apabila penawaran dibuat kedua-dua pihak akan cuba menawarkan pakej masing-masing dan tentulah insurans brokers akan kalah. Dan insurans brokers tidak memainkan peranan sebagai consultant kepada client untuk menentukan apa-apakah jenis insurans yang patut diambil, dan malah saya melihat sebenarnya *client* tidaklah sangat memerlukan kepada consultancy daripada broker insurans kerana bidang insurans bukan begitu susah jika dibandingkan dengan sektor kewangan. Ada berbagai-bagai facilities perlu membuat *financial plan* yang begitu panjang dan debt meet yang berbeza untuk mendapat keuntungan kepada syarikat, dari segi insurans tidak banyak option sebenarnya. Dan saya berpendapat wujudnya masalah ini kerana Director General of Insurance terletak di bawah Bank Negara dan tidak diberi keutamaan oleh siapa pun beberapa kali kita berhubung dengan pihak *Director General of Insurance*, kadang keputusan lewat, hendak lantik pengerusi lembaga lewat dijalankan kerana ini bukan bidang utama Bank Negara.

Jadi kalau *Security Commission* kita letak di bawah badan lain, mengapa tidak *Director General of Insurance* juga dikeluarkan. Kemudian mengenai dengan hal-hal operasi ini. Satu mengenai peranan sebagai *supervisor* oleh pihak bank sejauh mana pihak bank. Saya masih lagi tidak lupa tentang krisis 1997, 1998, turut melibatkan banyak bank berlaku NPL yang tinggi banyak bank dan Bank Bumiputera yang begitu menghadapi masalah.

Saya menganggap bahawa, sebenarnya masalah patut tidak timbul sekiranya Bank Negara memainkan peranan *supervisory* yang betul. Bank Negara ada dua *instruments* yang boleh Bank Negara jadi memantau pemberian pinjaman. Satu laporan bulanan oleh pihak bank. Dari situ boleh tahu jika arahnya supaya jangan beri pinjaman kepada sektor hartanah dan sektor saham, dari figure itu kita boleh tahu, begitu mudah. Dan kedua, Bank Negara mempunyai *audit team* yang akan pergi ke bank melakukan *auditing*. Jadi, kalau kedua-dua telah dijalankan secara efisien, sebenar apa masalah yang tiba-tiba timbul bank mengeluarkan pinjaman yang bukan-bukan.

Bank Bumiputera pernah saya sebut dalam Parlimen Kesembilan telah melakukan pemberian pinjaman tidak betul, dengan *credit evaluation* tidak betul, dengan *security* tidak betul, macam-macam tak betul. Saya cari maklumat dah tak jumpa. Tapi dalam Parlimen Kesembilan saya telah sentuh secara *detail* dan saya tidak percaya masalah ini telah timbul jika Bank Negara memainkan peranannya sebagai *supervisory bank* yang betul. Kedua mengenai *inforcement* ataupun *legal division* bank ini. Saya amat hairan, saya baca dalam akhbar ini 'dengan izin *six sort in connection with illegal deposit taking*'. Ini melibatkan Ivory Multimillion Sendirian Behad. Lepas itu banyak komplek, dibuat Ivory beratus juta daripada *client* ataupun anggota masyarakat yang sebenarnya tidak tahu menahu tentang wujudnya skim cepat kaya, *illegal deposit taking* yang hendakkan pelaburan masuk dalam. Di bawah itu ada pula lagi yang melibatkan syarikat sekutu dia... *as future* dalam syarikat yang sama.

Macam manakah satu operasi ini boleh berjalan begitu lama, ambil duit daripada orang ramai. Malah baru-baru ini di Ipoh, suri rumah ditelefon oleh seseorang yang berkata: "Hendak masuk tidak untuk jadi keahlian Hotel Kasuarina?" Digunakan Hotel Kasuarina ini sebagai alasan. Jadi kalau orang ini mahu, dia pergi Hotel Kasuarina, berbincang, akhirnya bincang pasal inilah - *illegal deposit taking* melibatkan ratus juta. Saya ingat ACS Futures ini telah mengambil tiga ratus juta lebih duit daripada anggota masyarakat. *Ivory Tower* ini saya tidak ada *figure*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung, Yang Berhormat. Masa

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sudah habiskah, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Okaylah, sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. 20 minit, 15 minit, 17 minit, sikit lagi.

Sebenarnya apakah masalahnya? Tidakkah kita tahu yang ada orang pergi berjalan cari duit? Dan dia buat bukan secara *underground*, kerana saya rasa nombor satu, perkara ini tidak harus berlaku. Yang kedua, tidakkanlah negara ini begitu tinggi nilai-nilai hidup kita, aktiviti macam ini masih wujud di negara kita? Tidakkah ini mendatangkan rasa malu kepada penguat kuasa Bank Negara yang menjaga BAFIA ini? Tidakkah Bank Negara rasa malu kepada pegawai-pegawai dan juga kepada kerajaan? Aktiviti begini boleh wujud di bawah hidungnya sendiri dan ini mendatangkan kesusahan kepada cukup ramai orang. Ada orang yang jual tanah pun untuk masuk skim cepat kaya ini. Saya jumpa ramai yang mengadu.

Saya pergi ke Bangsar tempoh hari, ada beberapa orang, mereka tanya: "Ahli Parlimenkah?" . "Ya, ya, saya Ahli Parlimen". "Minta tolonglah, kita *settle*". Saya sendiri rasa malu macam mana skim yang tidak patutnya berlaku, yang *illegal* ini boleh begitu bebas berjalan di negara kita dan mengutip banyak wang daripada rakyat kita. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong, Kepong, bangun betullah Kepong. Kepong dulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbincangan ke atas Pindaan Akta Bank Negara Malaysia ini dan tujuan pindaan ini seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, untuk mengadakan peruntukan yang lebih jelas dan ketat tentang pengumpulan dan pendedahan maklumat kredit oleh Biro Kredit. Dengan pindaan ini Biro Kredit boleh mengumpul maklumat kredit termasuk maklumat mengenai pengeluaran cek rosak, mengenai pelanggan sesuatu institusi perbankan dan institusi kewangan lain. Pengumpulan maklumat-maklumat kredit ini hendaklah dijalankan mengikut cara dan pada had-had yang difikirkan patut oleh bank.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang diperlukan untuk memperketatkan lagi bagi pendedahan maklumat kredit untuk memperbaiki keberkesanan Biro Kredit. Ini satu perkara yang perlu kita buat untuk mengukuhkan keadaan perbankan di negara ini. Walau bagaimanapun, saya ada nampak beberapa perkara, termasuklah iltizam pihak kementerian untuk gabungan bank-bank kita bagi menghadapi masa depan dan juga bagi mengendalikan hutang lapuk (*NPL - Non-Performing Loans*).

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya pun tidak begitu faham mengapa Danaharta berlengah-lengah pada masa ini untuk menguruskan masalah NPL sehingga pada akhir-akhir ini NPL sudah meningkat sedikit. Kalau tidak silap saya hampir 2.53%. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengesahkan apakah kenaikan peraturan *Non-Performing Loans* di Malaysia sekarang ini. Tetapi di sini, saya hendak menyeru supaya kementerian berhati-hati janganlah membenarkan Danaharta berlengah-lengah untuk menguruskan masalah NPL kita ini.

Dan sementara itu, walhal kita hendak menyaksikan birokratik kita serta maklumat kita meningkat untuk menambahkan ketelusan perbankan di Malaysia ini. Ini memang saya setuju langkah ini perlu dibuat.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak misalnya walaupun ada gabungan di antara Bank Bumiputera dengan Bank of Commerce menjadi Bumiputera-Commerce. Setakat itu baik. Baik kerana pihak kerajaan ada berusaha untuk memperbaiki keadaan Bank Bumiputera. Tetapi bagi saya tidak mencukupi sebab Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan tidak beri angka yang tepat bagi pihak kami, pihak kita semua rakyat Malaysia, dianggarkan bahawa wang sama ada daripada PETRONAS ataupun punca-punca kewangan yang lain. hampir RM13 bilion adalah digunakan untuk menyelamatkan Bank Bumiputera pada masa yang lepas. Bank Bumiputera beroperasi seolah-olah ianya adalah satu jabatan kerajaan sahaja, bukan satu bank kerana masa itu sesiapa sahaja di cawangan-cawangan bank-bank Bumiputera boleh buat apa sahaja yang dikehendaki. Kalau ada orang yang berpengaruh yang hendak mendapat pinjaman, dia melalui caracara yang bukan perbankanlah, caracara yang lain untuk mendapatkan pinjaman dengan senang dan bayaran balik pun tidak nampak. Kalau adapun sedikit sahaja sehingga bank ini mengalami kesusahan. Saya memberi peringatan, peringatan kerana saya tidak mahulah perkara yang tidak baik ini berulang.

Walau bagaimanapun, Bank of Commerce memang mempunyai pengurusan yang lebih baik daripada Bank Bumiputera tetapi di dalam bidang yang tidak serupa – bidang komersial. Dan gabungan ini nampaknya Bank of Commerce mengambil alih Bank Bumiputera yang empat kali ganda lebih besarnya dan bilangan kakitangan itu empat kali ganda lebih ramai kalau berbanding dengan Bank of Commerce.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tikus makan ular!

Dr. Tan Seng Giaw: Tikus makan ular, boleh juga. Tikus makan ular pun boleh [*Ketawa*] tetapi kalau tikus itu bengkung, hmm bengkung. Walau bagaimanapun, ini celahan sedikit daripada Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan. Dia tidak berdiri pun minta penjelasan. Teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah, saya berharap dia ikut peraturan sedikit [*Ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini sebab saya hendak Bank Bumiputera-Commerce ini boleh meningkatkan birokratik mereka, Biro Pendedahan Maklumat. Kita hendak menyaksikan, tetapi setakat ini walaupun ada *voluntary separation scheme* dan ada berapa ratus kakitangan Bank Bumiputera sudah pun bersaralah, tinggalkan bank.

Tetapi walau bagaimanapun, mengenai kredit, mengenai kredit [*Ketawa*] Tidak payah tengok., saya tahu [*Diganggu*] [*Ketawa*] Mengenai kredit. Kita bincang mengenai kredit. Maksud kita pun hendak mengetatkan kredit ini. Pemberian kredit. Sebab itulah saya mahu [*Diganggu*] [*Ketawa*] ...Masalah Bank Bumiputra ini, pengawalan kredit itu tidak begitu ketat. Itulah masalah dan kita mesti..., saya bagi contoh kerana yang paling dahsyat lagi dalam bidang perbankan di Malaysia, Bumiputra Commerce, yang paling dahsyat dan setakat ini walaupun ada VSS, ada beberapa orang bekas kakitangan Bank Bumiputra sudah pun memiliki VSS *Voluntary Separation Scheme*, untuk mencari peluang yang lain tetapi saya masih nampak bagi setiap kakitangan Bank of Commerce ada empat kakitangan Bank Bumiputra.

Sebab kita ada pergabungan ini Tuan Yang di-Pertua, supaya pengaruh Bank of Commerce ini adalah lebih ketara ke atas kakitangan Bank Bumiputra. Itu maksud kita. Kita hendak bagi mereka mempelajari pengurusan kredit yang baik. Itu masalah

kredit kita dan tetapi saya nampak sedikit sebanyak ada baik sedikit tetapi yang penting sekali, Kementerian Kewangan mesti memastikan Bank Bumiputra Commerce, tidak menjadi jabatan kerajaan lagi dan yang lebih penting lagi tak kiralah siapa, sama ada UMNOputra atau mana-mana putra. Jangan bagi kredit dengan begitu mudah. Jangan bagi.

Sebab Tuan Yang di-Pertua yang penting sekali, saya mencadangkan bahawa pegawai yang bertugas, pegawai-pegawai kredit, pengendalian kredit yang bertugas itu ialah mesti memastikan maklumat di *front counter* dan di *back counter* itu adalah didedahkan kepada pihak *control bank* supaya tidak boleh berlaku penyelewengan.

Saya di sini dengan lebih ringkas sahaja hendak bangkitkan pada bulan Februari tahun 1995, waktu itu ada berlaku satu kejadian skandal perbankan yang besar iaitu mengenai *Baring Features Singapore Private Limited* - BFS, sehingga Baring Group hancur sama sekali. Bank Baring ini memang satu bank swasta yang tertua di England tetapi kerana *credit control* kerana perniagaan *future trading* ini, perniagaan masa depan ini tidak begitu baik di dalam pengendalian pengurusannya sehingga boleh berlaku skandal yang begitu dahsyat. Satu bank mufliis diambil alih oleh ING daripada Holland.

Waktu itu ada seorang yang dipanggil Nicholas Lieson. Dia baru bertugas dengan *Baring Securities Limited* - BSL' pada tahun 1989 dan di dalam tempoh 6 tahun dia boleh memusnahkan satu bank yang besar. Sebab *credit control* tidak baik. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, saya akan bangkitkan hal ini kerana ada bank-bank yang seterusnya dengan itu rang undang-undang yang berikut pun ada, so saya tidak ada mengambil masa yang panjang. Ada lima minit lagi. Lima minit lagi. Tetapi tak sampai ...[Ketawa].

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua dengan izin, di sini apa yang menyebabkan Baring Group hancur ialah ada pengawalan kredit yang tidak begitu sempurna. Misalnya Tuan Yang di-Pertua dengan izin,

"The large exposures report submitted by the Baring Group to the Bank of England for the quarter ended 31 December 1994, although inaccurate showed that the maximum exposure in respect of margin deposited by the Baring Group with SIMEX, OSE and TSE during that quarter, each exceeded the 25% large exposures limit.

This did not evoke a strong reaction from either the Bank of England or the Baring Group's senior management although the maximum aggregate exposures during the quarter exceeded 75% of the Baring Group's capital funds.

Perhaps this was because both the Bank of England and the Baring Group's senior management had been act uncertain for about two years whether margins deposited with each of the exchanges for house positions were in fact, subject to the 25% large exposures limit.

The Bank of England finally notified the Baring Group on 1 February 1995 that margin deposits were subject to this limit.

However, because it had not raised any objection when the Baring Group's exposures had previously exceeded the 25% limit, the Bank of England allowed the Baring Group time to bring such exposures within the limit".

Tuan Yang di-Pertua saya bangkitkan hal ini kerana kawalan kredit oleh Baring Group tidak begitu ketat memberi kepercayaan ke Nich Lieson dengan begitu sahaja walaupun *exposure* terlalu tinggi tetapi tak ambil endah dan saya berharap Kementerian Kewangan boleh mengelakkan hal seperti ini. Saya akan habis sebelum kita ada usul sebab saya pun hendak memberi cadangan yang bernas sebelum kita mengakhiri perbincangan mengenai rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa di dalam *credit control* ini kita mesti ada mengkaji semula had kredit. Kita mesti mengkaji semula setakat mana amaun yang munasabah untuk kontrol kredit ini. Misalnya Tuan Yang di-Pertua di dalam kemusnahan Baring Group ini. Peristiwa ini menunjukkan dengan izin;

"Credit Control was not informed of the funds limited to BFS to finance Mr. Lieson trading activities in account 88888 although these were classified in the sold out consolidated balance sheet as loans to clients consequently credit checks on such clients were not undertaken and the credit issues arising from this situation analyzed.

Had Credit Control tried to analyze the said funds remitted to BFS or the clients to whom advances had purportedly been made, Mr. Leesao activities would had been promptly exposed".

Ini bermakna walaupun Baring Group mempunyai sejarah yang lama, walaupun SIMEX mempunyai pengalaman tetapi waktu itu pada tahun 1990'an mereka tidak dapat mengawal hal seumpama ini. Dan kita mesti mengambil iktibar ini .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya satu minit lagi dan kita boleh selesaikan masalah dan inilah, tadi saya ada menimbulkan begitu pentingnya kita mengkaji semula had untuk kredit supaya kita boleh menguruskan, mengendalikan dengan lebih berkesan dan saya berharap Yang Berhormat tidak akan menafikan bahawa Baring Group dan skandal Mc Leeson's tidak kena mengena dengan apa yang dibentangkan hari ini sangat kena mengena. Dan kita mahu, saya mencadangkan supaya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong. Saya terpaksa meminta Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya saya akhiri ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

Keputusan Kabinet Menaikkan Tol Lebu Raya PLUS

4.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut Peraturan Mesyuarat 18(3), dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi yang telah meluluskan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya sekarang memberhentikan perbincangan mengenai rang undang-undang untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada kawasan Pokok Sena seperti yang telah pun diputuskan pagi tadi. Pihak pencadang dan penyokong akan diberi 30 minit dan bagi pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya membawa Usul pagi tadi berkaitan dengan kenaikan kadar tol, satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional selepas daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Kewangan dengan menaikkan kadar harga petroleum sebanyak 10 sen yang juga merupakan satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional yang dibanggakan oleh Ahli-ahli Dewan Parlimen daripada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan dasar penswastaaan di mana PLUS ini merupakan sebahagian daripada dasar penswastaaan yang telah dibuat oleh kerajaan satu ketika dahulu, dengan rasional yang diberikan oleh kerajaan ialah untuk mengurangkan pertama, mengurangkan bebanan kewangan kerajaan, memberikan khidmat yang lebih baik kepada rakyat dan tidak membebankan kos kepada rakyat dan kemudian ialah untuk kerajaan memperolehi pulangan pendapatan daripada cukai-cukai yang diperolehi daripada projek penswastaaan ini.

Tetapi hari ini kita melihat bahawa projek penswastaaan khususnya PLUS ini, sudah lari daripada matlamat dasar penswastaaan itu sendiri apabila yang pertama sekali, perkhidmatan yang hendak diberikan kepada rakyat ini sebaliknya dibebankan kos itu ditanggung oleh rakyat dengan peningkatan-peningkatan yang hasil daripada perjanjian konsesi yang telah dibuat antara kerajaan dengan pihak PLUS.

Dan inilah yang kita lihat bahawa sesuatu yang sangat memberikan bebanan kos yang bertimpa-timpa, malang yang bertimpa-timpa bagi saya satu malang yang bertimpa-timpa yang dihadapi oleh rakyat dalam negara kita.

Seperti mana yang saya sebut pada awal tadi, bahawa sebelum ini Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan harga petrol. Kemudian baru-baru ini Yang Berhormat pula selaku menteri mengumumkan kadar kenaikan tol kerana mengatakan bahawa ini merupakan sebahagian daripada perjanjian konsesi yang telah pun dicapai, disepakati antara kerajaan dan juga pihak PLUS tu sendiri.

Soalnya di sini bahawa kerajaan selalu bersandarkan bahawa ini perjanjian, kita tidak boleh lari, ini perjanjian, kita tidak boleh ubah, kalau tidak nanti, kita kena bayar ganti rugi kepada pihak PLUS, sedangkan apa yang saya hendak sebut di sini bahawa kalau kerajaan boleh mengubah perjanjian daripada lima tahun kepada sepuluh tahun, daripada 35% kenaikan kepada 10% kenaikan, ini bermakna bahawa perjanjian itu bukan satu benda yang tidak boleh dirungkai, ia bukan satu benda yang semestinya statik di dalam keadaan yang sebegitu rupa.

Apatah lagi dalam keadaan sekarang ini, kerajaan telah mengumumkan pengambilalihan UEM yang mana PLUS ini merupakan milik UEM di mana syarikat kerajaan sendiri melalui Dana Saham telah pun mengumumkan pengambilalihan ke atas UEM, ini bermakna bahawa kerajaan mempunyai suatu kuasa yang besar dari sudut untuk campur tangan dalam UEM itu sendiri mengenai kuasa yang besar dan sekali gus kerajaan mempunyai kuasa dari sudut untuk menentukan apa sahaja kerana kerajaan adalah PLUS, PLUS adalah kerajaan.

Ia tidak memberi apa-apa kesan kepada persoalan bahawa kerajaan akan terpaksa membayar ganti rugi yang lebih kepada pihak PLUS itu sendiri, jadi oleh sebab itu bagi saya bahawa alasan yang diberikan hanya semata-mata kerana ini merupakan satu perjanjian, satu benda yang tidak boleh diterima oleh masyarakat dan rakyat kerana bagi saya bahawa kerajaan seharusnya melihat kepada sikap yang prorakyat. Bukannya pro kepada syarikat tetapi mesti pro kepada rakyat. Apatah lagi syarikat itu juga merupakan syarikat milik kerajaan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak boleh berucap sangat, saya hendak bertanya, kerajaan bersetuju atau tidak perlu menghormati perjanjian, misalnya kerajaan memiliki Petronas, Petronas ada perjanjian, tetapi kerajaan boleh ceroboh perjanjian antara Petronas dengan Kerajaan Negeri Terengganu.

Dia boleh ceroboh begitu, tetapi mengapa yang ini bukan kita minta ceroboh, tidak ada jalankah kerajaan yang berkuasa tidak boleh ambil tahu masalah kenaikan yang menyebabkan rakyat terseksa.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itulah juga yang saya hendak katakan bahawa saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Ini minta ...

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini tidak ada kaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya tidak boleh menjawab atas nama petroleum, saya Menteri Kerja Raya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, okay terima kasih, saya faham. Ya, saya hendak sebut di sini bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Kuala Kedah itu sebagai satu contoh sebagai satu perbandingan bagaimana sikap kerajaan yang boleh bulldoze perjanjian antara Petronas dengan Kerajaan Negeri Terengganu, merampas royalti daripada Kerajaan Negeri Terengganu, kalau itu boleh dibuat, apa salahnya dalam kepentingan untuk rakyat negara kita, pengguna-pengguna lebuhraya, mereka yang akan terbabit dengan kesan daripada kenaikan kadar tol ini, apa salahnya kerajaan boleh menyemak semula perjanjian yang telah dibuat apatah lagi dalam keadaan seperti yang saya katakan bahawa kerajaan sudah pun memiliki dan mengambil alih syarikat UEM yang merupakan pemilik kepada tuan punya kepada PLUS itu sendiri.

Jadi, oleh sebab itu, bagi saya bahawa alasan kerana ini perjanjian yang diberikan oleh Yang Berhormat sendiri adalah satu alasan yang tidak dapat diterima, sebaliknya kerajaan bagi saya mempunyai kuasa untuk merungkai segala perjanjian yang telah mereka buat seperti mana mereka boleh merungkai walaupun saya tidak bersetuju mereka merungkai perjanjian sebegitu rupa tanpa perundingan yang dibuat dengan Kerajaan Negeri Terengganu tetapi ini adalah untuk kepentingan rakyat secara umumnya di seluruh negara kita.

Perkara yang kedua, yang saya hendak sebut di sini bahawa Yang Berhormat mengatakan bahawa kenaikan ini merupakan terpaksa kerana PLUS menanggung hutang lebih daripada RM16 bilion kalau tidak silap saya, apakah kerana hutang PLUS maka hendak dibebankan kepada rakyat, kepada pengguna, apakah begitu? Tidak sepatutnya bahawa hutang yang dibuat, pengurusan kewangan yang tidak cekap dari sudut pembayarannya dan disebut pula oleh Yang Berhormat bahawa PLUS rugi.

Satu persoalan yang menjadi tanda tanya dalam fikiran saya, bagaimana PLUS boleh rugi, sedangkan Khazanah Holding melalui Dana Sahamnya menyatakan sewaktu pengambilalihan bahawa PLUS akan disenaraikan di BSKL pada tahun yang akan datang. Sedangkan syarat ini ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti bahawa sesuatu syarikat yang hendak disenaraikan di BSKL mencipta keuntungan sebanyak lima tahun berturut-turut, kalau tidak silap ingatan saya. Bagaimana mereka hendak menyenaraikan PLUS ini ke Bursa Saham Kuala Lumpur kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa PLUS ini rugi.

Sebab itu saya hendak mencadangkan bahawa satu siasatan bebas perlu dibuat untuk menyiasat tentang kedudukan kewangan sebenarnya PLUS dari sudut untung rugi seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Menteri itu sendiri.

Yang Berhormat mengatakan bahawa sebenarnya tidak banyak orang mengguna jalan khususnya daripada Rawang, daripada Bukit Beruntung ke sini dengan menggunakan jarak yang jauh, jumlahnya tidak ramai yang mengguna dengan jarak yang jauh. Saya hendak menyebut begini bahawa sekarang di Kuala Lumpur ini, kebanyakan pekerja-pekerja kakitangan kerajaan ataupun swasta yang bekerja di Kuala Lumpur ini, kebanyakan sebahagian daripada mereka, rumah mereka, tempat tinggal mereka di Rawang, di Bandar Baru Sungai Buaya, di Bukit Beruntung, di Lembah Beringin umpamanya, mereka tinggal di sana, mereka membeli rumah di sana.

Mereka ini berulang hari-hari. Sebulan boleh dikatakan lebih daripada 20 hari mereka berulang untuk bekerja di Kuala Lumpur, sedangkan kalau mengikut kadar tol daripada Rawang sahaja, daripada Rawang ke Jalan Duta, RM3.00 untuk satu laluan. Ini bermakna, bahawa dua lagi laluan, RM6.00 dan daripada Bukit Beruntung, RM4.70 satu laluan. Ini bermakna bahawa lebih daripada RM9.00 daripada Bukit Beruntung untuk dua laluan. Ini bermakna bahawa kalau dalam tempoh sebulan, 20 hari kita ambil, pengguna-pengguna ini telah terpaksa membayar tol dengan jumlah yang besar. Kalau RM9.00 dengan 20 hari, bermakna RM180 satu bulan, dicampur dengan minyak daripada Bukit Beruntung ke Kuala Lumpur ataupun Rawang ke Kuala Lumpur, RM10 sehari bermakna bahawa RM380 terpaksa *dispend* oleh pekerja-pekerja kakitangan-kakitangan awam dan swasta untuk tol dan minyak sahaja. Apatah lagi dengan kenaikan minyak 10 sen dan kenaikan tol sebanyak 10%.

Alasan Perdana Menteri mengatakan bahawa kita sudah bagi banyak, apa salahnya? Kita sudah bagi banyak, macam-macam, bonus kita bagi, gaji kita bagi naik, apakah dengan kerajaan memberi bonus dan pemberian tersebut, kemudian kerajaan ambil balik melalui kenaikan harga minyak dan juga kenaikan harga tol. Ini satu kenaikan yang tidak adil dan saya merasakan bahawa ini merupakan pemberian yang bersifat buruk siku, beri ambil balik melalui satu jalan pemaksaan yang tidak dapat tidak mesti dibayar oleh pengguna-pengguna khususnya pengguna-pengguna lebuhraya itu sendiri.

Sebab itu bagi saya bahawa kerajaan, Perdana Menteri mengatakan bahawa sikit sahaja, apa hendak berkira? Sikit sahaja kerajaan sudah bagi banyak. Saya hendak mengatakan mewakili rakyat, apa salahnya kerajaan sikit sahaja, buat apa hendak ambil, bagilah dekat rakyat. Itu logiknya, logik Perdana Menteri kata sikit sahaja, apa hendak berkira. Kita sudah bagi banyak. Sekarang, saya hendak beritahu bahawa rakyat akan berkata bahawa sikit sahaja wahai Perdana Menteri, rakyat sudah bagi banyak kepada kerajaan, apa? Ini sikap dan alasan-alasan yang bagi saya merupakan alasan-alasan yang tidak rasional yang diperlihatkan oleh pihak kerajaan sendiri.

Jadi, oleh sebab itu bagi saya bahawa kenaikan ini satu kenaikan yang tidak munasabah, akan membebankan semua orang. Perdana Menteri mengatakan bahawa pegawai kerajaan sudah dapat pelbagai, bonus, kenaikan gaji. Bagaimana yang swasta, yang tidak diumumkan kenaikan gaji mereka, mereka tidak dapat apa-apa. *Security guard* yang tidak dapat kenaikan apa-apa, tetapi terpaksa juga menjadi

pengguna tol untuk membayar secara paksa, bagaimana orang kampung, pak tani, nelayan, penoreh getah, pekebun kecil, peneroka FELDA yang tidak mendapat apa-apa kenaikan daripada belanjawan baru-baru ini. Mereka terpaksa menanggung kerana sudah tentulah walaupun mereka bukan pengguna secara langsung kepada Lebuh Raya Utara - Selatan ini, tetapi mereka merupakan pengguna secara tidak langsung melalui kos pengangkutan, lori-lori mengangkut barang-barang kegunaan harian yang akan sampai ke negeri mereka ataupun ke kawasan mereka.

Persatuan lori-lori telah mengumumkan bahawa mereka hendak boikot penggunaan lebuh raya bertol, menggunakan jalan lama dan Menteri Pengangkutan mengatakan jangan, kerana ini akan menambahkan kesibukan sebab penyelenggaraan jalan alternatifnya tidak dibuat secara yang baik untuk memberikan benar-benar apa yang dikatakan jalan alternatif kepada rakyat. Sudah tentu Menteri Pengangkutan merasai bahawa kalau lori-lori ini memasuki jalan alternatif, jalan lama, ini akan menambahkan kesesakan dan akan memberikan ruang kemalangan yang lebih besar sepertimana yang telah diumumkan sebelum ini.

Oleh sebab itu, Menteri Pengangkutan mengatakan bahawa pengangkut-pengangkut persatuan ini boleh menaikkan harga kos pengangkutan mereka. Bila mereka telah menaikkan harga kos pengangkutan mereka, sekaligus mahu tidak mahu bahawa ini akan memberikan kesan kepada kenaikan harga barang. Ini bermakna bahawa bila berlaku kenaikan harga barang, pengguna-pengguna yang tidak langsung menggunakan lebuh raya juga turut sama terkena dalam hal ini. Orang yang tidak dapat apa-apa, yang tidak dapat imbuhan, tidak dapat bonus, yang tidak dapat kenaikan gaji, orang yang duduk di kampung, mereka juga akan turut menjadi mangsa kepada kenaikan kadar tol dan sebelum daripada itu, kenaikan harga minyak yang juga merupakan satu lagi projek kerajaan Barisan Nasional sebab kerajaan Barisan Nasional ini dok bangga. Dia buat hospital pun, dia kata satu lagi projek kerajaan Barisan Nasional. Dia buat jalan pun, satu lagi projek kerajaan Barisan Nasional. Saya hendak katakan bahawa naik tol, satu lagi projek kerajaan Barisan Nasional. [Tepuk]

Sebab itu bagi saya, bahawa alasan yang diberikan satu alasan yang tidak munasabah, yang tidak rasional dan saya hendak sebut di sini bahawa saya bimbang takut nanti dia akan memberikan kesan yang lebih besar khususnya kepada orang yang duduk di Lembah Beringin, di Bukit Beruntung, di Rawang, akan menyebabkan ia memberi kesan kepada industri perumahan sebelah sana sebab mungkin orang tidak hendak lagi duduk, beli rumah di sebelah sana. Mungkin orang tidak hendak lagi hendak menyewa rumah sebelah sana, mereka terpaksa *spend* satu kos yang besar kepada tol dan juga minyak untuk berulang alik bekerja di Kuala Lumpur dan sudah tentu mereka akan mencari rumah-rumah yang berada di sekitar Kuala Lumpur dan sudah tentu bagi saya bahawa kenaikan kadar tol ini sendiri memberikan kesan kepada pelbagai sektor pelancongannya, pengangkutannya, perumahannya dan sebagainya.

Ini yang seharusnya difikirkan oleh kerajaan yang saya hendak minta kepada Yang Berhormat Dato' supaya dikaji balik pengumuman yang telah dibuat, persetujuan yang telah dibuat oleh Kabinet atas kenaikan kadar tol ini malah saya minta supaya kajian itu dibuat dan kemudiannya ditangguhkan kenaikan tersebut dan kemudiannya sekaligus bahawa perjanjian konsesi itu perlu dikaji semula dan di samping diberitahu kepada *public*, apakah bentuk perjanjian konsesi yang telah dibuat antara kerajaan dan PLUS, perjanjian itu seharusnya dikaji semula tentang relevannya ataupun tidak kepada suasana semasa kerana seperti yang saya katakan tadi bahawa kerajaan sudah pun mengambil alih UEM, sekaligus mengambil alih PLUS. Ini bermakna bahawa kerajaan seharusnya boleh melaburkan, boleh memberikan suntikan perolehan yang besar.

Kalau kerajaan boleh mengarahkan Petronas ambil alih *Formula One*, yang rugi ternyata dua, tiga tahun berturut-turut dalam penganjuran, sukan bermotor ini rugi di bawah *Malaysian Airport Holding Berhad*. Petronas diarah untuk ambil alih, kenapa Petronas tidak boleh di guna untuk menanggung beban kos kenaikan tol itu sendiri?

Ini, saya kira bahawa logik yang saya berikan kepada Yang Berhormat yang saya percaya bahawa pasti akan disokong oleh rakan-rakan daripada back benches. Kalau tidak sokong, ini bermakna bahawa sah bahawa mereka merupakan konspirator-konspirator bersama untuk membebaskan rakyat dalam negara kita. [Dewan gamat seketika] [Tepuk] Sekali lagi saya ucapkan tahniah ke atas kadar kenaikan tol ini yang merupakan satu lagi projek kerajaan Barisan Nasional yang dibanggakan oleh Perdana Menteri. Sekian, terima kasih. Silakan rakan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

4.47 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tiada pilihan lain, begitulah percakapan Yang Berhormat Menteri kepada *Mingguan Malaysia*. Tetapi hakikat yang sebenarnya ialah kerajaan dan rakyat tiada pilihan lain. Kedua-dua pihak terperangkap dalam satu situasi serba kala manakala syarikat pemegang konsesi PLUS adalah dengan izin *the only and ultimate winner*. Pilihan rakyat ialah menerima kenaikan tol atau pampasan akan dibuat dari *public fund* dan ianya juga dari wang rakyat. Punca masalah ini adalah oleh kerana kerajaan telah enggan menerima nasihat yang telah dikeluarkan oleh DAP pada tahun 1987 untuk tidak menswastakan projek ini dan telah terus menandatangani kontrak yang berat sebelah dan bertentangan dengan kepentingan orang ramai.

Pada tahun 1987 Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah berkata "UEM telah dilantik oleh kerana ada tujuan untuk membiayai pembinaan UMNO *head quarters* iaitu the Putra World Trade Center dan inilah sebabnya hari ini, rakyat telah dibebankan, oleh kerana satu polisi yang salah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *on record, RM360 million Putra World Trade Center, the UEM own by UMNO transit company Hati Budi Sdn. Bhd. were chosen in order to finance the RM360 million UMNO head quarters, the Putra World Trade Center, on record. I can give you the record later if you want. [Bercakap kepada Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu].*

Tuan Yang di-Pertua, keputusan menaikkan tol adalah bercanggah dengan strategi Belanjawan 2002 untuk menggalakkan perbelanjaan domestik oleh kerana kuasa membeli para pengguna dan rakyat telah dikurangkan kerana kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang akan mencetuskan inflasi kepada ekonomi. Pengumuman bahawa kerajaan tidak mampu lagi menanggung subsidi petrol dan tol lebuh raya akan lagi menyebabkan kehilangan keyakinan para pengguna dan ini akan pula menjejaskan strategi perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah memberikan banyak penjelasan berkenaan dengan ganti rugi sebanyak RM32 bilion yang akan kerajaan bayar sebagai ganti rugi sekiranya tol tidak dinaikkan dan juga bahawa PLUS kena bayar sebanyak RM36 bilion hutang kepada bank tetapi yang tidak diberikan oleh Yang Berhormat Menteri ialah berapakah jumlah tol yang akan dikutip oleh syarikat PLUS. Mengikut satu ramalan yang telah dibuat oleh syarikat PLUS sendiri, sehingga tahun 2018, PLUS harus mendapat RM80 bilion dan sekiranya ini adalah satu ramalan yang betul, ini bermakna bahawa PLUS berkemungkinan mendapat RM100 bilion, oleh kerana bagi tempoh tahun 1989 sehingga 1995, kutipan yang sebenarnya telah melebihi ramalan mereka dan ini bermakna bahawa PLUS kemungkinan mendapat RM10 bilion sehingga 2018 tetapi pada tahun 1999, kerajaan juga telah melanjutkan tempoh konsesi PLUS sehingga 2030.

Jadi kalau kita telah bagikan lanjutan itu ini bermakna bahawa PLUS mungkin dapat, saya pun tidak tahu, mungkin RM200 bilion. Dan apakah sebabnya setelah lanjutan dibuat, apakah sebabnya kerajaan perlu lagi membayar ganti rugi sebanyak RM80 juta setahun kepada PLUS seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri yang sentiasa berani datang ke Dewan untuk mengumumkan kontrak *North-South Highway* supaya rakyat akan tahu, apakah justifikasi kerajaan yang telah bersetuju untuk memberikan kebenaran supaya PLUS boleh menaikkan kadar tol sebanyak 10% tiap-tiap tiga tahun.

Dan saya rasa juga Yang Berhormat Menteri harus memberitahu Dewan ini angka-angka seperti apakah ramalan kutipan tol yang akan didapati oleh PLUS dan apakah kutipan yang sebenarnya. Kalau tanpa data-data ini saya rasa bahawa kerajaan sebenarnya haruslah menanggung kesilapan yang kerajaan sendiri sudah buat. Tadi Yang Berhormat ada bertanya saya sama ada betul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah buat pengumuman itu. Sebenarnya itu adalah satu kenyataan *on-record*.

Sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kemaman.

3.52 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih. Kontroversi pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan ini bermula sejak awal lagi iaitu ia ditawarkan kepada kumpulan UEM yang menawarkan harga yang paling tinggi ataupun jauh lebih tinggi dari dua buah syarikat yang layak melaksanakan kontrak pembinaan lebuhraya ini. Pada waktu itu orang-orang UMNO diberitahu bahawa kontrak ini diberi kepada Kumpulan UEM ini kerana ia kepunyaan UMNO dan untuk kepentingan orang Melayu.

Belum pun pembinaan lebuhraya ini siap, satu lagi kontroversi berlaku. Kos pembinaan meningkat dari RM1.8 bilion kepada lebih RM3 bilion. Sekali lagi kerajaan memberi justifikasi kepada peningkatan kos ini dan orang Melayu diminta berdiam diri kerana ini untuk kepentingan UMNO dan diberitahu, Halim Saad ialah proksi UMNO, Hati Budi ialah syarikat UMNO, UMNO perlu kuat dan pelbagai justifikasi lagi diberikan pada waktu itu. Kemudian tempoh konsesi lebuhraya dipanjangkan dari 25 tahun ke 30 tahun untuk membolehkan PLUS mendapatkan pinjaman dari negara luar untuk membiayai kos pembinaan lebuhraya ini. Apa sahaja yang dikehendaki oleh UEM ini, *it will get through*, dengan izin.

Setakat ini rakyat tidak berapa marah kerana belum melibatkan poket mereka lagi. Tetapi apabila segala kemudahan yang diberikan kepada PLUS tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya tetapi nyata dan jelas kumpulan syarikat ini telah jauh menyeleweng dalam pengurusan perniagaan syarikat mereka yang menyebabkan kumpulan syarikat ini berhutang lebih daripada RM26 bilion. Untuk membiayai penyelenggaraan hutang syarikat ini, maka rakyat dibebani dengan kenaikan tol yang amat membebankan rakyat.

Saya ingin tanya, bagaimana kumpulan syarikat ini boleh berhutang sehingga RM26 bilion. Apakah kerajaan mem *bailout* syarikat ini untuk menyelamatkan Presiden dan Bendahari UMNO dari dipersoalkan oleh Ahli-ahli UMNO. Apa sudah jadi dengan syarikat-syarikat UMNO terutamanya Kumpulan Syarikat UEM-Renong ini [*Tepuk*] Oleh kerana syarikat ini sudah dimiliki kerajaan, saya minta dibuat audit secara menyeluruh untuk menentukan apakah tol ini wajar dinaikkan. Kalau sekiranya ada penyelewengan yang berlaku dalam pengurusan Kumpulan UEM-Renong yang memiliki PLUS maka tindakan perlu diambil terhadap mereka termasuk Presiden dan Bendahari UMNO itu sendiri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: [Bangun]

Beberapa Ahli: Tidak boleh, tidak boleh.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tolong jawablah. Dato' Seri *got chance to* jawab.

Beberapa Ahli: Bagilah *chance*.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bolehkah atau tidak boleh? [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay, bolehlah, sila.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Itulah. Bila Yang Berhormat minta saya boleh bagi. Saya suka minta Ahli Yang Berhormat menjelaskan, pada masa itu Yang Berhormat dari parti mana? [*Ketawa*]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Sebab saya ahli UMNO waktu itu. [*Kecoh*] Sebab itu saya tahu.

Rakyat jangan sekali-kali dibebani hasil daripada penyelewengan oleh pengurusan UEM-Renong ini. Saya ingin juga meminta supaya kerajaan membentangkan perjanjian konsesi lebuhraya ini kepada Parlimen terutamanya yang melibatkan perjanjian kenaikan tol ini. Untuk UEM dan Renong kerajaan sanggup melakukan apa sahaja termasuk membebankan rakyat dengan kenaikan tol tetapi kerajaan menutup mata apabila harga minyak mentah dunia jatuh hampir separuh. Kenapa tidak pula menurunkan harga petrol? Ini membuktikan kerajaan yang berkuasa hari ini tidak prihatin kepada rakyat tetapi prihatin kepada syarikat-syarikat *crony* mereka sahaja [*Tepuk*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

3.56 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, kita negara kaya. Kita baca surat khabar, tengok warta berita kita negara kaya. Bila masuk Parlimen negara miskin. Masuk dalam Parlimen kementerian itu tidak cukup duit, kementerian ini tidak cukup duit, Kementerian Kerja Raya tidak cukup duit. Dalam surat khabar, TV, radio, Malaysia negara kaya. Negara lain pertumbuhan ekonomi semua negatif, hanya Malaysia positif. Itu diberitahu kepada rakyat. Kami pun bagi tahulah kepada rakyat negara kita kaya; kami ikut apa yang kerajaan kata. Rakyat kata, bohong; kalau kaya kenapa kami dibebani dengan begitu banyak... [Disampuk]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya bagi tahu, saya tidak ada duit. [Ketawa]

Tuan Mohamad bin Sabu: Tetapi Yang Berhormat Menteri ini bagus. Dia sanggup berterus-terang. Hari ini kita hendak dengar Yang Berhormat Menteri berterus-terang. Kenapa sampai begini? Kita lihat lebuh raya di negara-negara lain ada. Negeri Thailand yang dianggap lebih miskin daripada kita, kita bawa kereta dari Bukit Kayu Hitam sampai Bangkok, empat lorong jalan macam lebuh raya kita, tidak ada tol; Bukit Kayu Hitam pergi ke Nakhon-Sithamarat lebih cantik – ada tempat-tempat enam lorong, tidak ada tol. [Disampuk]

Seorang Ahli: Fasal Samy Vellu tidak ada sana.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sana banyak sami Siam, tidak ada Samy Vellu [Ketawa][Tepuk] Begitulah juga lebuh raya dari Bukit Kayu Hitam pergi ke Phuket, lebuh raya tanpa tol juga; sedangkan kita diberitahu bahawa negara itu kononnya lebih miskin daripada kita.

Memang kerajaan hendaklah bertanggungjawab terhadap pembangunan rakyat. Kalau perjanjian itu menyusahkan, berkali-kali kita sebut di sini – kaji semula perjanjian. Kalau kerajaan buat satu perkara yang menguntungkan rakyat, yakinlah. Kalau rombak perjanjian itu, rakyat akan memihak kepada kerajaan. Kami pembangkang pun akan menyokong kerajaan. Tetapi selalunya kerajaan tunduk kepada syarikat-syarikat yang disebut tadi – Hati Budi dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk cakap daripada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Logik itu logiklah. Saya hendak tanya, dahulu, awal-awal tahun 80-an, kenapa PAS adalah di antara satu parti yang membangkang kewujudan jalan raya ada tol. Sekarang dia hendak *champion* dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Memangnya kita bangkang sebab ia membebani rakyat. Tanggungjawab pembangunan ini boleh dibuat oleh kerajaan. Misalnya, diberitahu kepada kita kerajaan subsidi RM200 juta; bukan setakat RM200 juta, RM2,000 juta pun kita setuju kalau ianya boleh mengurangkan beban rakyat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang kita tentang, tol, bukan jalan raya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, yang kita tentang ialah tol. Kenapa kita boleh selamatkan Perwaja dengan RM6 bilion lebih; selamatkan Bank Bumiputra – RM4.6 bilion; selamatkan MAS – RM8 bilion; selamatkan F1; selamatkan IWK; Konsortium Perkapalan. Ini semua kita lihat kerajaan boleh selamatkan dengan jumlah berbilion-bilion. Kenapa berkaitan jalan raya, kerajaan tidak boleh ikhtiar sesuatu untuk menyelamatkan rakyat? Bila rakyat cenderung kepada pembangkang, marah – rakyat tidak berterima kasih. Terima kasih macam mana macam ini? [Ketawa] Jadi ini yang kita harap.

Projek lebuh raya ini memang kontroversi daripada mula sehingga bekas Ketua Pembangkang mendakwa di mahkamah dan keputusan mahkamah pun 3:2. Ertinya, hakim waktu itu berpecah – dua bersetuju di pihak Ketua Pembangkang waktu itu dan tiga yang menentang. Kalau sebaliknya mungkin tidak jadi projek itu. Ertinya ia menjadi kontroversi daripada awal.

Kalau projek pembangunan seperti ini dijadikan sumber perniagaan, memang syarikat mana pun dia hendak untung. Tidak ada syarikat yang buat jalan raya dia hendak rugi. Kerajaanlah yang menjadi pengawasnya. Kalau kerajaan bersetuju dengan semua kehendak mereka tanpa memikirkan keadaan majoriti rakyat yang lain,

maka setiap kali permintaan mereka, kerajaan akan lulus, kononnya ada perjanjian. Tetapi Perjanjian Persekutuan, misalnya peruntukan kewangan bagi negeri Kelantan dan Terengganu, dilewat-lewatkan walaupun ada perjanjian Persekutuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Mohamad bin Sabu: Hendak tanya soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup. [Ketawa]

Tuan Mohamad bin Sabu: Ha, terima kasih. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

5.00 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun rasa hendak tergelak mendengar celoteh daripada Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Kemaman. Banyak cerita yang ganjil-ganjil saya dengar. Saya dengar putar belit daripada Pokok Sena, sama ada faham ataupun tidak faham, saya tidak faham. Nampaknya memang putar-belit sahaja tu. Yang Berhormat bagi Kemaman dahulu dia ahli UMNO, dia yang meluluskan perkara ini, sekarang dia kata tidak boleh. Dia keluar daripada UMNO, inikah, *give a dog bad name, hang it*. Inilah dasar-dasar yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kemaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat satu pembetulan sahaja pada Yang Berhormat bagi Pokok Sena kata iaitu Jalan Persekutuan, itu jalan alternatif tetapi jalan *expressway* PLUS yang itu jadi jalan utama Malaysia. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dari segi undang-undang, kalau kita lihat undang-undang itu sendiri mengatakan Jalan Persekutuan adalah Jalan Persekutuan. Jalan alternatif ialah Jalan PLUS.

Jadi, maknanya orang masih boleh menggunakan Jalan-jalan Persekutuan ini, pergi ke mana-mana sahaja di seluruh Malaysia ini, di mana sahaja di seluruh Semenanjung ini, bukan Jalan PLUS. Jadi, maknanya, siapa yang masuk Jalan PLUS, yang hendak bayar tol, siapa yang hendak bayar guna jalan yang mungkin cepat, laju dan sebagainya, pakailah Jalan PLUS ini. Jangan pakai Jalan Persekutuan tetapi jangan marah kerajaan pula memaksa pergi jalan PLUS ini.

Jalan utama kerajaan ialah jalan Persekutuan yang mana kerajaan bagi RM400 juta tiap-tiap tahun untuk perbaikan, baik pulih dan sebagainya. Kenapa tidak buat? Pakailah di sana, tidak bayar tollah, apa marah sangat. Jadi, ini putar-belit daripada pihak PAS. Dan, kalau kata tidak tahu, saya tidak percaya kalau kata tidak tahu boleh pakai, mungkinlah. Ahli Parlimen kena tahu perkara ini. Kalau tidak tahu, bodoh sangatlah.

Jadi, saya ingat dia cukup cerdik dan cukup mengetahui bahawa jalan Malaysia ialah Jalan Persekutuan yang diutamakan oleh pihak kerajaan. Yang PLUS alternatif sahaja. Macam kalau kita hendak pergi hospital umpamanya, kita boleh pergi ke hospital kerajaan, kalau hendak cepat sikit, bagus pakarnya, pergi ke hospital swasta. Kalau daripada London pergi ke New York umpamanya, *you* boleh naik 747, kalau hendak cepat naik *Concorde*. [Ketawa] Kalau hendak makan kenyang, makan nasi lemak cukup tetapi kalau hendak sedap lagi, makanlah *buffet*. Jadi, ini pilihan-pilihan ada diberi. Jadi, jangan kita marah dengan orang buat itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua [Disampuk] Apa! Ini memang tujuan kerajaan memang sudah buat semua alternatif dan pilihan. Jadi, kita sendiri buat pilihan, apa marah sangat.

Jadi, kalau kita lihat semenjak konsesi diberi dahulu, perjanjian dibuat di antara kerajaan dengan Syarikat PLUS ini. Pada masa itu kita kenakan 18 sen, kalau tidak salah, minta Menteri tolong jelaskan, 18 sen tiap-tiap satu kilometer. Lepas itu sampai sekarang kalau tidak salah saya lepas buat *revision*, jadi 12 sen. Ini kemajuan Barisan Nasional, *negotiated down charge* tol ini. Jadi, mesti kena terima juga. Jadi, jangan kata yang *you champion* yang benda ini betul tetapi kerja-kerja wang – walaupun ada *agreement*, kerajaan masih berkemampuan untuk *negotiated down* ke satu kilometer kepada pihak PLUS.

Jadi, walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat penjelasan. Sekarang ini khususnya lebuh raya yang di bawah PLUS telah diambil oleh Khazanah. Ya, Betul? Khazanah itu milik kerajaan. Boleh atau tidak umpamanya, sekarang ini kerajaan cubalah kaji semula undang-undang itu supaya lebih sesuai...

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bersorak] [Tepuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa ini? Apa ini? *[Disampuk]* Apa? Nanti dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak memerlukan saudara. Ini kita rasional pihak Barisan Nasional. Hanya di bawah Khazanah sahaja yang boleh. Jadi, hendak minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar : Patutnya Parit Sulong berucap

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak payah, tidak payah, soal pengurusan dan sebagainya, kerajaan kita tidak perlu bantuan dan sokongan daripada pembangkang *[Tepuk]* Selama ini kita telah wujudkan negara ini dengan baik, dengan sempurna dan hala mana kita hendak pergi sudah atas cadangan dan sokongan kita sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju apa yang dikata oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong. *[Tepuk]* Kalau kita lihat, kalau kita dengar betul-betul ini cakap saya, kalau kita lihat dahulu apabila Renong berada dalam masalah, ada syarikat-syarikat yang mengambil alih syarikat Renong. Tetapi kalau kita serahkan kepada syarikat itu, nescaya kita tidak boleh *negotiated down*. Itulah mengapa kerajaan mengambil alih menggunakan dana saham, mengambil alih syarikat ini supaya kerajaan membolehkan *negotiated* semula ataupun berbincang semula soal-soal perjanjian di antara syarikat kerajaan dengan JKR, dengan Khazanah dan dana saham ini.

Kerana dalaman kerajaan, walaupun duit dipusing dengan kerajaan, insya Allah kerajaan akan memberi balik kepada rakyat dan menurunkan ini, bukan atas cadangan pembangkang tetapi atas tekanan-tekanan kita dari mula bila kita mengambil alih, bila kita mengambil alih PLUS, menggunakan dana saham. Bukan tindakan daripada pembangkang. Ini kita bersetuju, saya bersetuju cadangan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong bahkan kerajaan memang sudah mencadangkan sedemikian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengakhiran

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan lupa masa perlu disediakan untuk Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah akhir sekali, yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhiri ialah saya meminta pihak kerajaan supaya menaikkan taraf Jalan-jalan Persekutuan yang menghubungi mana-mana bandar dan pekan di seluruh Malaysia, betul-betul menjadi jalan utama. Terima kasih. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Arau.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak menyokong *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

5.07 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dan membahaskan usul kenaikan tol ini. Kalau sekali pandangan, Tuan Yang di-Pertua, perbahasan yang dikemukakan oleh pihak pembangkang, saya rasa ramai di antara kita akan merasakan, kalau ditanya naluri kita merasa ingin menyokong apa yang disebut oleh pembangkang.

Tetapi, sebenarnya kalau kita kaji dan kita lihat fakta-fakta kenaikan tol ini adalah satu kenaikan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan dan rakyat harus

menyokong. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada pembawa Usul, sama ada pagi tadi yang dijelaskan dalam penjelasan pagi tadi sehingga perbahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Niat pembawa usul, saya lihat niat pembawa usul bukan ingin memperjuangkan rakyat, untuk kepentingan rakyat tetapi lebih kepada hendak menghentam UMNO, lebih kepada hendak menghentam kerajaan yang selama ini membawa pembangunan dalam negara kita [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, sebelum saya hendak jelaskan berkenaan dengan soal tol yang saya juga membuat kajian. Saya dengar daripada pagi tadi, sebentar tadi menyebut, UMNO, syarikat UEM, hubung kait dengan UMNO, *crony* UMNO. Adakah UMNO meniaga. UMNO ada tidak syarikat? UMNO – itu Setiausaha Kerja – UMNO tidak ada syarikat. [Mengaju kepada Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor] UMNO tidak ada mempunyai syarikat.

[Dewan gamat seketika]

Tetapi kita harus sedar bahawa mereka yang ada dalam bidang perniagaan, mereka yang ada [Disampuk] Dengar dahulu Yang Berhormat, minta maaf. Mereka yang ada dalam bidang perniagaan, mereka yang berjaya dalam hidup mereka hasil daripada dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan, mereka memahami apa yang mereka dapat ialah hasil daripada dasar yang dibuat oleh kerajaan. Dan, mereka menyokong, memberi sumbangan kepada kerajaan, malah kalau memberi sumbangan kepada parti UMNO tidak salah dalam negara kita. Atas ingatan ikhlas yang mereka hendak lakukan.

Dan, saya tidak tahulah apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi dari segi pembangunan PWTC, adakah kaitan yang disebut tadi. Mungkin Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada *justify* kenapa tol ini dinaikkan. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa PLUS menghadapi masalah. Terima kasih kepada Khazanah kerana kita merupakan Khazanah mengambil tanggungjawab untuk kepentingan pekerja-pekerja dalam PLUS...

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ada kah masa, saya takut tidak ada masa.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya bimbang sangat nanti tanggapan masyarakat bahawa bila mana seperti Yang Berhormat, saya minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat nyatakan UMNO tidak berniaga. Apakah salah Ahli UMNO hendak berniaga? Ya, ini yang menjadi masalah bagi kita. Kalau pun ini menjadi salah, saya ingat di PAS, di Kelantan pun Ahli PAS berniaga.

Dan, saya masih ingat, saya ingat Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dahulu, bila ada *accident* di Lebuhraya PLUS *accident*. Lepas itu dia kena *divert federal highway*. *Divert Federal Highway* bukan main marah dia. Kerana tidak ada way, kerana hendak cepat sangat. Begitu juga dengan Bagan, saya ingat. Dahulu hendak lalu jalan raya biasa mengambil jam, 6 kadang-kadang 7 jam, la ini sudah 3 jam sudah. Hampir separuh daripada jalan. Banyak manfaat sebetulnya seperti..., saya sokong apa yang Yang Berhormat bagi Batang Lepar sebut tadi. Banyak manfaatnya, tol diadakan, jalan raya di adakan. Kalau di Semenanjung tidak setuju, di Semporna boleh.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa ini yang perlu bagi kita dalam memikirkan sesuatu perkara. Sebagai pemimpin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kita tidak boleh melihat sesuatu perkara itu dalam satu skop yang begitu kecil. Saya rasa kerajaan melihat isu ini dalam skop yang luas tetapi pembangkang melihat dalam skop yang kecil sebagaimana Yang

Berhormat sebut tadi, apakah orang yang berniaga itu boleh disebut UMNO dan UMNO itu berniaga. Ini satu persoalan yang harus kita menjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengkaji dari segi kenaikan tol. Daripada konsesi yang saya faham bahawa kenaikan tol sepatutnya dinaikkan 11.24 sen kepada 15.01 sen iaitu 33.5% dalam masa lima tahun. Tetapi kerajaan berjaya mengurangkan kadar ini daripada 11.24 sen kepada 12.36 sen. Kita ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dalam rundingan ini di mana kita melihat walaupun kenaikan ini yang lama ditahan oleh kerajaan diberi kenaikan dalam 10% dalam masa tiga tahun. Bagi saya *justified*. Saya sudah melihat perkiraan-perkiraan yang dibuat kerana dalam masa tiga tahun kenaikan itu cuma 10%. Dan mengikut perjanjian asal, kenaikan 6% setiap tahun berdasarkan CPI.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya fikir perkara ini mungkin Yang Berhormat Menteri akan jawab jugalah. Jadi, saya cadangkanlah masa

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, saya harap mungkin Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan. Bagi saya, saya rasa apa yang telah dibuat oleh kerajaan menunjukkan bahawa kerajaan berjaya berunding dan syarikat ini mahu berunding dengan kerajaan di mana yang sepatutnya kita bayar lebih tetapi hari ini kita telah membayar dalam angka yang agak kecil. Kalau dibandingkan dengan tol di negara lain pun saya melihat tadi Yang Berhormat ada menyebut negara Thai. Di Thailand kalau saya tidak silap 20 sen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri memang masa tidak cukup untuk beliau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, satu kilometer.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dan akhirnya saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri saya tidaklah nanti dianggap bahawa kita kerajaan ini zalim dan tidak menimbangkan soal pengguna dan rakyat. *[Disampuk]*. Tetapi dalam soal mentadbirkan negara saya rasa pembangkang tidak faham. Cuma kerajaan yang faham. Dan kalau mereka yang mentadbir mungkin negara kita akan bankrap. Saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri, pernah saya kemukakan di Dewan ini semasa hari perayaan saya pohon supaya tol-tol boleh diberi percuma semasa hari-hari perayaan kalau dapat dipertimbangkan oleh syarikat-syarikat konsesi.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

5.13 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya tidak cukup masa untuk menjawab. Walau bagaimanapun saya boleh meringkaskan ucapan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam 15 minit.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tetapi saya akan memberi penjelasan yang lebih lanjut atas semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Pokok Sena mengenai isu kenaikan kadar tol bagi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) sebanyak 10% bermula daripada 1 Januari 2002.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju meluluskan kenaikan kadar tol PLUS. Walau bagaimanapun kelulusan kenaikan ini adalah tidak seratus peratus seperti yang sepatutnya mengikut perjanjian konsesi tambahan yang ditandatangani antara kerajaan dan PLUS pada 8 Julai 1999. Setelah mengambil kira kepentingan pelbagai pihak iaitu pihak syarikat dan para pengguna sendiri, kerajaan hanya bersetuju

meluluskan kenaikan sebanyak 10% sahaja iaitu kenaikan dari 11.24 sen sekilometer ke 12.36 sen sekilometer. Kenaikan sebanyak 1.12 sen sekilometer.

Kenaikan ini adalah kurang daripada kadar yang terdapat dalam perjanjian konsesi iaitu 15.01 sen sekilometer iaitu kenaikan sebanyak 33.5% iaitu perjanjian asalnya. Dengan mengambil kira keadaan ekonomi dunia dan negara semasa yang tidak menentu, kerajaan memutuskan kenaikan kadar tol secara mendadak dan ketara seperti perjanjian konsesi tambahan akan memberi kesan negatif kepada sosioekonomi rakyat. Kadar kenaikan sebanyak 33.5% adalah tidak realistik untuk dilaksanakan dalam suasana ekonomi pada masa ini. Walau bagaimanapun, jika kadar kenaikan tol mengikut perjanjian konsesi tidak diluluskan, ia akan memberi kesan negatif ke atas kredibiliti kerajaan serta perspektif pelabur asing dan tempatan, mengakibatkan PLUS gagal memenuhi terma-terma dan aplikasi perjanjian kewangan dengan institusi kewangan.

Sehingga 31 Oktober 2001, kedudukan hutang dan tanggungan PLUS adalah berjumlah RM16.5 bilion seperti berikut. Pinjaman Kerajaan Persekutuan RM2.448 bilion, hutang komersial peringkat satu dan dua RM1.673 bilion, bon PLUS RM8.736 bilion, bon PLUS *tables* boleh ubah RM1.691 bilion, bon bersiri RM712 juta, bon Linkedua RM1.028 bilion, pinjaman tambahan kerajaan tanpa faedah RM212 juta. Tuan Yang di-Pertua, jumlahnya RM16.5 bilion.

Oleh kerana kadar tol yang diluluskan adalah lebih rendah daripada kadar tol yang telah dipersetujui kerajaan perlu membayar pampasan kepada PLUS. Mengapa kita tidak membenarkan syarikat ini untuk meneruskan kutipan tol dan juga menaikkan tol. Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, itu kerajaan mengambil perhatian beban atas rakyat oleh kerana itulah kita 'beberapa mengganggu' syarikat itu jangan menaikkan tol. Apabila kita minta jangan menaikkan tol itu bererti kita kena bayar pampasan.

Jumlah pampasan perlu dibayar oleh kerajaan sehingga penghujung tempoh konsesi iaitu pada tahun 2030 ialah RM32.51 bilion. Ini berbanding dengan jumlah pampasan sebanyak RM80.025 bilion jika kadar tol tidak dinaikkan langsung. Bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan, pampasan tol untuk PLUS akan dibayar dengan menggunakan kaedah perkiraan nilai kini dengan izin, *presence value* untuk 2002. Dengan kaedah ini jumlah pampasan sebanyak RM32.51 bilion menjadi RM9.069 bilion. Bayaran pampasan sebanyak RM9.069 bilion dibuat dalam bentuk iaitu timbangan kerajaan, satu; pengecualian jangkaan bayaran cukai tahunan PLUS kepada kerajaan bermula iaitu RM5.620 bilion nilai kini. Yang kedua, dikecualikan daripada bayaran faedah pinjaman kerajaan berjumlah RM1.65 bilion jumlah faedah iaitu RM2.048 bilion.

Mengikut perjanjian pinjaman kerajaan, PLUS dikehendaki membayar faedah pinjaman Kerajaan Persekutuan bermula daripada 2003 sehingga 2023 dan PLUS dianggarkan membayar cukai bermula dari tahun 2007. Sehubungan dengan itu sebarang pampasan hanya akan mula dibiayai oleh kerajaan mulai pengecualian dari faedah pinjaman kerajaan dan cukai tahunan masing-masing, bermula dari tahun 2003 dan 2007.

Jumlah pampasan yang dibayar kepada PLUS iaitu RM7.668 bilion ini, ini adalah RM7.668 bilion. Ini adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah yang perlu dibayar yang dianggarkan berjumlah RM9.069 bilion, pada nilai kini dengan *percent value* dengan izin, ini bermakna PLUS menanggung potongan pampasan sebanyak RM1.401 bilion.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kenaikan ini tidak begitu mendadak seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, sebagai contoh bayaran tol bagi kenderaan Kelas 1 sahaja saya rujuk di sini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada masa, Kelas 1, dari Skudai ke Sungai Besi iaitu 304 kilometer. Bayaran tol sekarang iaitu RM34.20 sen...

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya boleh bagi, tapi macam itu kita tidak boleh habis. Bila saya selesai pukul 5.30 petang tidak cukup semua, itu kira boleh kah, boleh.*[Bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua]...Okay lah*

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak bolehkah Yang Berhormat menjimatkan masa sebab apa-apa yang dikatakan semua ada dalam surat khabar *Sin Chew Jit Poh* Jadi perkara yang mustahak ialah apakah jumlah kutipan tol yang diperoleh oleh PLUS? Ini semua perkara yang mustahak yang tidak disentuh.....

Beberapa Ahli: Ya ya bagi, bagi.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jumlah kutipan daripada tahun 1988 hingga 2001 itu, RM8,206 bilion. Mahu tahu perbelanjaan? Ha itu lebih baik, perbelanjaan dari kos operasi, kos modal, bayaran pokok pinjaman komersial, bayaran faedah pinjaman, jumlah RM17,872 bilion*[Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka]* Yang Berhormat tadi minta butir-butir, bagi butir pun tidak suka hati lagi minta apa juga pula.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]..*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam..

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dari pecahan mengikut tajuk atau Butiran, kos operasi itu berapa? *Thank you.*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kos operasi tahun pertama iaitu tahun 1988 RM4 juta, tahun 1989 RM48 juta, 1995 RM54 juta, 1991 RM63 juta, 1992 RM62 juta, 1993 RM73 juta dan 1994 RM129 juta, 1995 RM141 juta, 1996 RM148 juta, 1997 RM200 juta, 1998 RM205 juta, 1999 RM222 juta dan tahun 2000 RM268 juta, 2001 RM201.286 juta. Itulah kos operasi..

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun] [Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau ada juga minta, Tuan Yang di-Pertua, jikalau boleh minta tambah masa, saya boleh jawab semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak ada kuasa. Dalam Mesyuarat 5.30 tetap tutup.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak ada kuasa, oleh kerana ini sudah tetap okay, Ahli Yang Berhormat, minta..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Dato' yang baik hati, Dato' Menteri baik hati, pertama sekali kalau boleh saya hendak minta senarai Yang Berhormat baca tadi.

Yang keduanya daripada apa yang saya dengar tadi bahawa Dato' Menteri mengatakan mengalami kerugian sebab persoalan saya pada perbincangan saya tadi macam mana Khazanah mengatakan bahawa yang ia hendak disenaraikan di BSKL pada tahun depan sedangkan dia mengalami kerugian, sedangkan syarat-syarat keuntungan perlu dibuat sebanyak 5 tahun berturut-turut baru boleh disenaraikan. Sebab itu saya katakan bahawa menjadi satu tanda tanya saya, bagaimana keadaan ini boleh berlaku?

Yang akhirnya Dato', bahawa Dato' Menteri ada mengatakan tadi bahawa soal yang disebut pada awalnya kerajaan telah bayar pampasan dan sebagainya Bagi saya bahawa hujah itu mungkin relevan pada sebelum kerajaan mengambil alih UEM tetapi sekarang kerajaan sudah mengambil alih UEM bahawa kerajaan mempunyai kuasa yang penuh ke atas syarikat yang di bawah UEM iaitu PLUS yang sepatutnya bahawa bagi saya, bukan mengurangkan kadar kenaikan daripada 35% kepada 10% tetapi sepatutnya menghapuskan terus tol sebab kerajaan sudah ada berkuasa...*[Disampuk*

oleh Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional] Menteri tidak kata apa, apa yang hendak kata, batang lapuk saja!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita tidak mengganggu perjanjian yang telah dijalankan pada perjanjian asal, saya percaya hari ini kadar tol boleh dinaikkan sampai 15 sen sekilometer. Tetapi tidak ada masalah oleh syarikat, syarikat terus menaikkan dan juga mendapat keuntungan, mereka boleh juga mengikuti perjanjian yang telah dilakukan di antara kerajaan dan mereka tetapi kerajaan minta.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: ...Apalah, satu kali minta menurunkan tol, bila kita turunkan *you* gaduh, bila naik pun *you* gaduh, macam mana boleh?....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ada salah...

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka, di Kota Melaka dahulu iaitu Ketua Parti DAP datang ke pejabat saya duduk 16 jam, dia tengok, rujuk balik semua perjanjian dengan Ahli-ahli Parlimen saya bagi dia kebenaran. Dia tidak boleh tahu apa ada dalam.....*[Beberapa Ahli ketawa][Dewan gamat seketika]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena bahawa PLUS dimiliki oleh sebuah syarikat milik UMNO. Ingin saya diperjelas bahawa apabila UMNO diharamkan pada tahun 1987, kesemua harta-harta yang dimiliki oleh UMNO termasuk pelaburan di dalam UEM telah diletakkan di bawah Pemegang Amanah Raya dan yang terusnya menjual saham-saham di dalam UEM ini kepada Tan Sri Halim Saad dan Dato' Annuar Othman pada tahun 1989. Dengan penjualan ini UMNO tidak lagi mempunyai sebarang kepentingan di dalam UEM ataupun Renong lagi. Ini sebenar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi betullah dahulu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat masuk dalam Parlimen, saya ada sini 24 tahun, 26 tahun, saya jadi Menteri Kerja Raya 22 tahun. Rekod tahu kah?...Ha? *[Ahli-ahli Yang Berhormat ketawa][Dewan gamat seketika]*

Saya telah jawab kepada Dewan yang mulia ini pada suatu masa yang lalu, UMNO sebagai memegang ekuiti dalam Hati Budi, sekarang Hati Budi sudah habis. Semua sudah habis, masa itu banyak ahli yang ada dengan kita sekarang ada sana *[Menunjuk ke tempat pembangkang]* Itulah masalah... *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sekarang sudah tidak ada hati, tidak ada budi, bolehlah naikkan semua?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apa?...Hati pun tidak ada, budi pun tidak ada, semua pun tidak ada!.....*[Disorak] [Ketawa]...*

Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi satu minit sahaja. Saya percaya lebih banyak penjelasan saya sudah bagi di sini tetapi satu penjelasan yang saya suka beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu saham-saham UEM telah diperoleh daripada pemegang-pemegang saham, ada juga soalan siapa yang menjadi pemegang saham dalam syarikat ini? Renong Berhad 38% dan institusi-institusi kerajaan 13.2% dan pelabur-pelabur tempatan 32.3%, pelabur-pelabur asing 16.5%.

Kadar kenaikan yang diluluskan sekarang adalah 10% bagi tempoh 3 tahun Saya percaya ini munasabah dan lebih adil. Oleh kerana itu saya ingin menegaskan bahawa setiap tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam hal berkaitan dengan tol Lebuhraya Utara-Selatan, kerajaan lebih menitikberatkan kepada kepentingan rakyat atau mesra rakyat. Ahli Yang Berhormat, mesra rakyat! *[Disorak]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Mana ada mesra?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu:....Dalam konteks ini kerajaan lebih mementingkan kepada dengan izin, *the win win situation*, daripada rakyat dan juga syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sekian, Tuan Yang di-Pertua [*Tepuk*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) dan dengan demikian saya tutup perbahasan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita boleh sambung perbahasan atas Rang Undang-undang Bank Negara dan terbuka sekali lagi untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong, sila.

5.32 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Kita tutup soal tol ya, Cheras jangan lupa bayar tol.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini demi meningkatkan amalan perbankan di negara ini supaya jadi lebih berkesan dan jadi lebih *prudent*. Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa pindaan ini adalah bermatlamat meningkatkan perlindungan ke atas pelanggan. Pada waktu yang sama, Timbalan Menteri Kewangan juga menyatakan bahawa pindaan ini dilakukan untuk membolehkan perkongsian data atau maklumat. Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, matlamat yang dua ini dia bercanggah. Satu, untuk memberi perlindungan yang lebih kepada pelanggan; yang kedua untuk membolehkan perkongsian maklumat.

Saya melihat kepada Seksyen 16 Akta Ibu, Tuan Yang di-Pertua yang mengatakan bahawa dengan izin, *without prejudice to section 16 (a,) except for the purpose of the performance of his duties or the exercise of his functions, a well of fully required to do so by any court under any law, nor director, officer or employee of the bank shall disclose to any person, any information relating to the affairs of the central bank or of a banking institution or other financial institution or of a customer of a central bank or of a banking institution or other financial institution which as required in the performance of his duties or the exercise of his function.*

Seksyen ini adalah di bawah seksyen *Preservation of Secrecy* iaitu pemeliharaan kerahsiaan ataupun *privacy*. Saya mengatakan bercanggah Tuan Yang di-Pertua, matlamat tadi oleh kerana tidak lama lagi Malaysia akan melangkah ke satu rejim undang-undang *data protection* dan *personal privacy*. *Data protection and privacy* ataupun *data privacy*. Ini adalah berkaitan dengan masalah penyimpanan maklumat, penyeteroran (*storage*,) dengan izin, maklumat, pemindahan maklumat dan juga pengaliran maklumat. *Data flow, data storage*, dengan izin, *data distribution and dissimulation*. Rejim ini diperlukan di dalam kita melangkah ke era digital. *Eastern Europe* iaitu Eropah Barat sekarang ini telah pun mewujudkan satu *benchmark*, satu ukuran, satu piawaian mengenai bagaimanakah bentuk, *data personal data* yang diperlukan untuk melindungi data subjek di alam digital ini.

Jadi, saya lihat sewaktu kita atau banyak negara atau bank sekarang ini melangkah ke era digital dengan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan e-banking dan *online banking* di mana *privacy policy* satu pembekal perkhidmatan itu diperlukan, kita membuat satu pindaan yang sedemikian rupa. Jadi, persoalan saya adakah pindaan ini akan menjadi serasi atau *compatible* kepada situasi apabila kita berpindah kepada rejim *data personal protection* di masa akan datang, itu persoalan yang paling pokok. Adakah pindaan ini akan menjadi *compatible*, akan menjadi serasi apabila rejim *data protection* dikuatkuasakan di negara ini tidak lama lagi, kita tidak boleh lari, inevitable.

Malaysia akan melangkah ke satu era *data personal protection* apabila urusan-urusan *online digital* ini menjadi lebih galak dan ingin diperkembangkan lagi di masa akan datang, itu soalan paling pokok. Jadi bagaimanakah kita hendak

rationalize kita hendak menggabungkan perkara yang dua yang bercanggah ini kepada satu *regime* yang diperlukan di mana *benchmark data protection* di seluruh dunia sekarang ini adalah *data protection* yang dikuatkuasakan di Eropah Barat ataupun *in the European Countries* ataupun *European Union* (EU), itu dia punya *benchmark. European Union* sekarang ini telah pun meletakkan satu asas kalau mana-mana negara ketiga hendak berurusan dengan *European Union* tidak mempunyai satu *personal data protection* yang di*benchmark* oleh *European Union*, ia tidak boleh ada *data flow* di masa akan datang. Bagaimanakah situasi *electronic banking, online banking* di masa akan datang?

Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan salah satu bank di negara ini akan membuka satu *offshore services* mungkin di Bahamas, di Cayman Island, mungkin akan membuat *e-banking services* di masa akan datang. Tetapi bagaimanakah *data flow* akan berlaku sekiranya salah satu badan yang mengendalikan servis tidak *subscribe* kepada *benchmark data personal protection* yang diletakkan oleh *European Union* (EU) yang sekarang ini menjadi *benchmark data protection* di seluruh dunia malahan Amerika sekali sekarang berpegang kepada *benchmark data protection* yang dikuatkuasakan oleh *European Union*. Itu soal paling penting.

Yang keduanya, bagaimanakah kita mahu memupuk *confidence customer* kita, pelanggan kita. Kalau kita membekalkan atau menggalakkan perhematan *electronic banking, online banking* di masa akan datang, apakah *privacy policy* yang mahu ditawarkan oleh bank-bank. Apakah Bank Negara Malaysia mahu menggalakkan kepada bank-bank swasta, apakah *privacy policy* yang mahu ditayangkan di skrin *provision* perkhidmatan *electronic banking* itu sendiri. *What privacy policy are we going to put* kalau kita letakkan, paparkan di dalam kita punya *website* untuk kita membekalkan *electronic banking*.

Perkara ini *is very pertinent*, pada pandangan saya *is very very pertinent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya jelaskan oleh kerana satu negara telah pun membuat satu *international benchmark*, kalau negara ketiga tidak memenuhi *benchmark* itu ataupun mungkin 1% yang agak besar kepada *benchmark* itu tidak akan ada satu *business transaction* yang *conducive* di masa akan datang.

Dua persoalan ini saya mahu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Memang sekarang ini dikatakan di dalam Seksyen 51 (5a) mengatakan dengan izin, "*Any director, officer or employee of the bank of a banking institution or other financial institution who contravene Section 31 and 31 (MMM) in respect of maintaining a secret any credit information disclosed by the bank shall on conviction be liable to imprisonment for the term of not exceeding three years or to a fine not exceeding RM5,000 or both.*"

Memang ada *provision* pelanggaran *secrecy*, memang ada. Tetapi soalan saya adalah pindaan kepada MMM (i) Seksyen 30 di bawah akta lama iaitu Akta 519 dan juga yang seterusnya iaitu Seksyen MMM (i), MMM (ii), MMM (2a) dan (b). Pada pandangan saya ini mungkin tersilap tetapi setahu sayalah yang telah saya kaji akan mewujudkan satu percanggahan melainkan mungkin Bank Negara Malaysia akan membuat *consequential amendment* apabila kemungkinan *Personal Data Protection Act* itu diwujudkan dalam negara ini kelak tetapi elok pada pandangan saya oleh kerana *data protection* kemungkinan akan dibawa tidak lama lagi, saya tidak tahu mungkin tahun depan, mungkin pertengahan tahun depan.

Jadi saya persoalkan perkara ini saya tidak mahu apa yang dibawa oleh Bank Negara Malaysia yang saya kata bagus iaitu untuk meningkatkan keberkesanan untuk menambahkan *banking prudent, prudent practices*, saya tidak mahu pula akan bercanggah dengan satu lagi aspek undang-undang yang mungkin diwujudkan dalam negara ini kelak.

Ini akan membantutkan *progress electronic commerce, especially* dan khususnya dalam hal ini *progress* kepada *e-banking – electronic banking*. Saya tidak tahu sama ada bank negara akan menggubal satu undang-undang yang khusus mengenai *electronic banking* menerusi pindaan ini ataupun menerusi BAFIA ataupun - saya tidak tahu - ataupun ada satu rang undang-undang *special* yang khusus untuk menangani *e-banking* supaya keseluruhan *banking practice subscribe to the digital economy* di masa akan datang. Saya tak tahu. Saya ingin mendapat penjelasan dalam hal ini.

Sekira hendak dilakukan, bila? Kalau tidak ada, adakah ini melambangkan satu *move*, satu *exercise* oleh pihak Bank Negara Malaysia supaya bermakna amalan-amalan perbankan itu juga menerusi pindaan ini akan membolehkan kita *operate online banking, electronic banking* dan juga berpegang teguh kepada *regime privacy* dan juga *protection* yang diwujudkan oleh masyarakat antarabangsa.

Yang ketiganya, saya hendak sebutkan bahawa soal *privacy* dan juga soal *protection* ini sekarang telah menjadi satu *international* isu yang besar. Ini sudah menjadi isu *civil society* yang besar. Maksud saya, dengan izin, *people are willing to spend millions and millions of dollars just to fight and protect their own privacy* sekarang ini. Oleh kerana *they have no confidence in the digital transaction*, tidak mempunyai keyakinan penuh walaupun telah diletakkan *privacy* polisi kepada satu-satu perkhidmatan *online*. Masih lagi tidak mempunyai keyakinan soal personal *privacy* itu tidak diberi satu imej yang sebenar-benar. *It is not only seen to be done but it must be done totally*.

Jadi saya minta soal *privacy* ini jangan kita ambil ringan oleh kerana kerajaan kita mahu menjadikan ekonomi kita keekonomi. Ekonomi yang berasaskan *knowledge* dan kita punya *worker* adalah menjadi *human capital* yang juga berasaskan *knowledge*. Tapi kalau masalah undang-undang kita tidak *rationalize*, kita tidak serasikan perkembangan keekonomi itu sendiri dan akan mungkin terjejas dan terbantut atau mungkin kita tertinggal ke belakang dari orang lain. Saya minta perkara ini diberi satu pertimbangan yang amat mendalam, satu pertimbangan secara terbuka. *Lets get open-minded* dalam perkara ini.

Bukan saya hendak mengkritik Bank Negara, tidak. Tapi dari segi dasar perkembangan keekonomi di masa akan datang kita harus melihat aspek ini, mungkin *its not your field*, mungkin ini bukan kepakaran Bank Negara oleh kerana Bank Negara punya kepakaran ialah dari segi *financial management* dan juga bagaimana hendak menguruskan soal-soal ini. Tapi kepakaran yang lain dari segi teknologi, dari segi *privacy compliance*, kita harus ambil, kita harus ambil nasihat orang luar untuk menasihati kita supaya apa sesuatu yang kita buat itu akan benar-benar *subscribe to the bigger picture*, iaitu kita mahu memajukan keekonomi di Malaysia. Tuan Pengerusi saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian, lepas itu Menteri menjawabnya

Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbincangan rang undang-undang ini. Ada beberapa perkara yang saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian.

Yang pertama ialah semasa Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri daripada Merbok menjawat jawatan Menteri Kewangan. Bank Negara telah mewujudkan satu, telah mengiktiraf kewujudan satu institusi yang dipanggil sebagai SITOS, dan SITOS adalah satu badan yang bertujuan untuk memberikan maklumat balas kepada institusi kewangan mengenai mana peminjam yang telah menghantar permohonan pinjaman perniagaan mereka dan semua permohonan pinjaman perniagaan kepada bank-bank mestilah mendapat *certification* ataupun penjelasan daripada SITOS. Kedudukan institusi ataupun badan-badan yang memohon itu, sebelum mendapat kelulusan pinjaman dan SITOS ini telah memeriksa mana-mana permohonan dan terpulang kepada SITOS untuk sama ada memperakukan pinjaman diluluskan ataupun tidak. Bank Negara menghendaki bank-bank mematuhi *recommendation* ataupun akuan yang dibuat oleh SITOS ini.

Saya ingin tahu adakah SITOS ini masih wujud dan bagaimana Bank Negara boleh memberikan pengiktirafan kepada satu institusi di luar Bank Negara - di luar bank itu sendiri - dan mempunyai kuasa yang demikian besar. Saya telah mendapat rungutan peniaga-peniaga bahawa kewujudan SITOS ini benar-benar mencenggam kebebasan perniagaan mereka kerana SITOS mempunyai kuasa putus sama ada memberikan akuan mana-mana syarikat yang mereka rasa menyebelahi ataupun mereka rasa persetujui dan sebaliknya memberi *recommendation* yang tidak baik atau negatif mana-mana syarikat yang dirasakan pada sebab-sebab yang tertentu perlu disekat daripada mempunyai *facilities* kewangan dari institusi bank-bank.

Dengan cara ini satu tekanan perniagaan telah wujud dan selain daripada itu integriti ataupun keafsahaan (*legitimacy*) atau SITOS ini sendiri perlu mendapat penjelasan kementerian terutama daripada Bank Negara.

Oleh kerana dalam sungutan-sungutan ini dikatakan SITOS ini dikuasai oleh kaum tertentu sahaja - saya tidak ingin menamakan kaum-kaum itu - maka tanggapan negatif ialah *recommendation* atau satu perakuan dibuat mengikut satu aliran yang satu-satu kaum yang tertentu dan kaum yang lain mendapat layanan yang negatif dalam *recommendation* SITOS ini.

Saya berharap jika SITOS ini masih berperanan perkara ini dapat dikaji semula termasuk dari perspektif undang-undang dan juga dari perspektif yang kita hendak bincangkan iaitu *privacy* dan *secrecy* maklumat-maklumat perniagaan dan juga ketelusan *recommendation* yang telah diberikan oleh badan seperti ini.

Saya difahamkan bahawa SITOS ini adalah inisiatif khusus secara peribadi oleh bekas Menteri Kewangan. Saya tidak tahu adakah Menteri Kewangan yang baru yang telah menggantikan Menteri Kewangan yang asal yang lama telah mengubah kedudukan ini.

Saya berharap mendapat penjelasan dalam Dewan ini berkenaan dengan perkara ini. Dari satu segi, saya ingin mendapat penjelasan apabila pemegang-pemegang akaun mengeluarkan cek tendang dan ini adalah satu fenomena yang berlaku bersekali dengan kedudukan ekonomi yang menurun. Apabila mereka dikehendaki ataupun bank-bank dikehendaki menyatakan maklumat kepada bank yang lain apakah tujuan sebenar daripada perkara ini kerana yang saya tahu apabila mana-mana pemegang akaun mengeluarkan cek tendang berturut-turut, akaun mereka secara automatik akan ditutup dan dengan itu perangai atau kerehah syarikat seperti itu telah dimatikan.

Tetapi jika sekiranya maklumat yang disampaikan kepada bank-bank yang lain bermakna kebebasan mereka untuk mengurus niaga adalah begitu terhad, ini sudah sampai satu peringkat seperti yang dikatakan oleh Parit Sulong kita sudah masuk ke dalam territory yang lain iaitu kita hendak menyekat langsung urus niaga dalam sistem banking. Ini adalah satu polisi yang baru sama sekali pada saya.

Selain daripada itu, seperti yang disebut oleh Kepong petang tadi, bagaimana bank-bank mengawal kredit adalah sangat penting untuk survival bank tersebut. Saya seimbangkan pandangan kembali kepada apa yang telah berlaku kepada Bank Bumiputera. Walaupun ini sudah menjadi rekod sejarah, tetapi rekod sejarah adalah satu jenayah yang sangat besar kepada industri kewangan kita di mana orang-orang politik telah diberikan pinjaman tanpa menilai kedudukan dan keperluan mereka sebenar. Oleh kerana mereka mendapat pinjaman daripada saluran politik mereka, mereka telah menggunakan kemudahan dan keistimewaan ini dengan tidak membayar pinjaman tersebut. Oleh kerana itu di bawah *protection* ini adakah bermakna bahawa jika sekiranya sesuatu siasatan ataupun enquiry dijalankan oleh mana-mana pihak yang ditubuhkan secara sah, kita tidak boleh dedahkan perilaku ini?

Jika sekiranya mana-mana orang ataupun syarikat yang mengeluarkan cek tendang di anggap sebagai satu kuku kepada sistem banking yang mesti dilanyak oleh semua pihak, oleh semua institusi kewangan. Bagaimana pula dengan orang-orang politik terutama sekali yang telah mendapat *facilities* yang begitu besar dan kemudiannya tidak membayar? Mengapakah mereka tidak disenaraihitamkan sama seperti mana syarikat-syarikat ataupun orang-orang perseorangan yang mengeluarkan cek-cek tendang? Dan saya telah melihat senarai peminjam-peminjam Bank Bumiputera pada satu masa dulu, beberapa orang Menteri Besar yang masih menjadi Menteri Besar mendapat *facilities* sehingga RM5 juta dan mereka tidak bayar dikira sebagai *bad loan – bad debts* tetapi tindakan tidak diambil ke atas mereka termasuk bekas-bekas menteri dan bekas-bekas Menteri Besar yang saya tidak namakan pada hari ini.

Tetapi jika Menteri Kewangan berhasrat mendapatkan jika saya diberikan perlindungan, saya akan berikan senarai tersebut. Apa yang saya lebih pentingkan ialah bagaimana *facilities* ini dikaitkan dengan pengaruh kedudukan seseorang. Dan mereka telah tidak membayar sehingga bank berada dalam keadaan yang teruk tetapi tindakan tidak diambil ke atas mereka bahkan mereka masih berpeluang mendapat *facilities* daripada bank-bank yang lain. Jadi saya rasa kita perlu masukkan juga *clause*

bahawa mana-mana peminjam yang berkelakuan buruk seperti itu diberikan maklumat kepada bank-bank yang lain supaya dengan itu bank-bank yang lain tidak memandang kedudukan politik mereka untuk memberikan pinjaman-pinjaman baru yang kemudian boleh menjadi *bad loan*. Dan ini adalah satu skandal yang masih terkubur sehingga hari ini telah dikuburkan bersama dengan penyerapan Bank Bumiputera dalam Bumputera Commerce. Saya rasa itulah apa yang ingin saya sebutkan dalam sepetang ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah. Minta maafah ya. Ada tiga rang undang-undang yang kena dibentang, hanya kita tinggal esok sahaja lagi, ya.

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tambun juga kepada Parit Sulong, Kepong dan juga Kubang Kerian yang telah membahaskan rang undang-undang ini. Tambun telah pun menyatakan apakah manfaatnya yang lebih dengan adanya Biro Kredit kerana buat masa sekarang ini Bank A dan Bank B boleh mendapat maklumat. Kalau kita tengok cara sekarang ini di mana Bank A mendapat maklumat agak lambat kerana Bank A pula mendapat izin peminjam sebelum mendapat maklumat daripada Bank B. Itu pun jika peminjam memberi izin dan melalui Biro Kredit maklumat yang diperlukan, Bank A akan boleh diperolehi dengan pantas, cepat daripada Biro Kredit dan dengan ini mempercepatkan lagi proses penilaian dan pembuatan keputusan kredit.

Jadi harus diingat bahawa dengan adanya pindaan ini kita harap dapat menolong peminjam-peminjam supaya peminjam akan diberi pinjaman dengan cara cepat apabila kita melaksanakan akta ini daripada yang dulu di mana Bank A terpaksa mencari data-data dengan bank-bank yang lain dengan persetujuan peminjam. Kalau tidak dengan persetujuan peminjam, kadang-kadang pergi Bank B, rupanya Bank B tidak ada data mengenai peminjam, pergi Bank C dan sebagainya. Tetapi dengan adanya akta ini, kita terus pergi ke Bank Negara dan Bank Negara akan memberi *credit worthiness* peminjam yang berkenaan. Dengan cara itu, peminjam dapat diberi pinjaman dengan lebih lekas lagi.

Dasar Bank Negara terhadap sektor hartanah, kita telah pun tahu bahawa Dasar Bank Negara mengenai perkara ini telah pun dikeluarkan arahan supaya pendedahan bank kepada sektor hartanah dikurangkan pada tahun 1998 kepada 20% daripada jumlah pinjaman. Dan pada masa ini Bank Negara mengehadkan pinjaman titian bagi membangunkan hotel dan perniagaan di luar kawasan residen. Selain dari itu Kementerian Kewangan di bawah Pejabat Penilaian ada juga satu biro yang baru diwujudkan supaya semua sektor-sektor *construction* ini apabila hendak membuat bangunan memberikan laporan-laporan terdahulu supaya dapat kita mengumpul dan memberikan pasaran bangunan yang berkenaan. Dengan itu tidak banyak ada bangunan-bangunan yang tidak dapat dibeli dan tidak dapat digunakan.

Persoalan mengenai kad kredit di mana kadar faedahnya adalah tinggi, saya rasakan kadar faedah sekarang ialah 1½% sebulan bukannya 2% sebulan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Dan kad kredit patut digunakan sebagai cara pembayaran urusniaga dan selalu saya katakan bukannya satu cara mendapatkan pinjaman daripada bank. Oleh itu kadar faedah yang dikenakan tidak menjadi isu yang penting di sini.

Mengenai aktiviti pemberian kredit, terus menunjukkan peningkatan dalam tahun 2001 ini dan kita harap secara tidak langsung kalau boleh kita akan mencapai 8%. Walaupun ini tidak tercatat, tetapi kita akan pergi menuju ke arah itu.

Bagaimana skim cepat kaya boleh berlaku dan sejauh manakah kesannya pengawalan oleh Bank Negara Malaysia. Jadi, peruntukan BAFIA memang melarang syarikat mengambil deposit daripada orang ramai. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat skim cepat kaya ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan jika syarikat tersebut tidak mendapat kelulusan dari Bank Negara, agak sukar untuk Bank Negara untuk mengawal dan mengesan aktiviti pengambil deposit. Walau bagaimanapun, kita telah pun menubuhkan satu bahagian di mana kita memantau apabila kita dapati ada perkara-perkara seperti ini berlaku. Dan orang ramai perlu berhati-hati untuk melabur

terutamanya pelaburan yang memberikan pulangan yang tinggi, dan sebaik-baiknya menyemak dengan Bank Negara mengenai status syarikat yang mengambil deposit yang berkenaan.

Yang Berhormat Kepong

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit pasal ini, skim cepat kaya ini. Bukankah di bawah BAFIA yang mesti dapat lesen, *deposit taking institution* ini, dia dapat lesen. Tadi Yang Berhormat nyatakan, syarikat ini ditubuh di bawah sendirian berhad dan ini tertakluk di bawah Akta Syarikat. Tetapi untuk melaksanakan program aktiviti ambil duit ini, dia perlu mengambil lesen daripada Bank Negara dan dia tidak ada lesen, dia jadi *illegal deposit taking house*, tidakkah ini juga patutnya ditanggungjawab oleh Bank Negara kerana dia melanggar. Macam mana penerangan itu?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ya, Yang Berhormat betul. Kita sekarang ini bekerjasama dengan satu lagi kementerian di bawah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, di mana kita bekerjasama kerana seperti mana Yang Berhormat katakan tadi bahawa pengambilan deposit daripada orang ramai memerlukan lesen daripada Bank Negara. Dan kita sekarang ini ada saya katakan tadi, satu Unit Pemantauan dan kita bekerja keras kalau ada aduan-aduan yang diterima. Dan kita tengok kalau ada perkara-perkara ini disiarkan dalam akhbar sebagaimana Yang Berhormat katakan bahawa kalau diberi deposit akan mendapatkan kekayaan berlipat ganda dan sebagainya, kita akan menyemak dengan segera. Dan saya harapkan iklan-iklan yang telah pun disiarkan di siaran akhbar, radio dan televisyen akan memberikan tarbiah kepada orang-orang kampung supaya tidak mempercayai mengenai skim cepat kaya ini.

Pemberian pinjaman berdasarkan pada collateral dan margin yang tinggi apakah langkah-langkah Bank Negara dalam hal ini? Kepong telah memberikan pandangan ini supaya pemberian atau keputusan kredit keizinannya didasarkan kepada aliran tunai, pinjaman dan collateral dan biasanya diminta sebagai jalan kedua untuk mendapatkan balik pinjaman. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tambun.

Terhadap pengurusan kredit institusi perbankan sentiasa diawasi bagi mengingatkan mereka terhadap perkara ini. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan *Best Practices For Credit Risk Management*. Antara kandungan garis panduan tersebut ialah memerlukan pegawai-pegawai bank yang terlibat dalam penilaian dan pembuatan keputusan kredit mengikuti kursus-kursus dan lulus peperiksaan dalam bidang kredit serta diaplikasikan kemahiran dan pengetahuan mereka ini supaya dapat pinjaman-pinjaman dapat dilihat dengan lebih teratur, dengan lebih berdisiplin lagi supaya tidak ada *creativity decision making* yang sewenang-wenangnya dilakukan oleh Pegawai Kredit berkenaan.

Mengenai Bank Bumiputera Commerce dan BSS.....

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah [Tambun]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tambun kita tidak ada masa lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Satu, ya, saya amat bersetuju sekiranya kita benar-benar dapat menaikkan kepakaran pegawai kita dalam penilaian risiko ini. Tadi Yang Berhormat menyatakan kelulusan dalam bidang kredit ini. Ini saya tak pernah dengar. Yang saya tahu bila kita lulus universiti, kita masuk dalam bank, kemudian ada training dan sebagainya, kita jadilah Kredit Officer. Tetapi ini perkara baru agaknya, kelulusan dalam bidang kredit seolah-olah menjadi satu syarat untuk menjadi Pegawai Kredit. Ini sesuatu yang baru. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Juga telah pun diperkatakan Yang Berhormat pada tempoh hari mengenai *upskilling* dan melihatkan supaya pegawai berkenaan lebih profesional lagi. Jadi, apa yang dilakukan oleh Bank Negara ialah menghantar pegawai-pegawai yang berkenaan dan kita perlukan bank-bank mempertingkatkan lagi kemahiran pegawai-pegawai yang berkenaan dalam satu-satu jurusan apabila hendak ditukarkan ke bahagian itu.

Jadi, ini sedang dijalankan dan kita harapkan dengan adanya kemahiran-kemahiran yang bertambah ini kita dapati bahawa mereka lebih profesional lagi dalam memberi kredit kepada peminjam.

Mengenai *voluntary special scheme* (VSS) ialah berdasarkan kepada prinsip kesukarelaan seseorang kakitangan untuk meninggalkan perkhidmatannya dan pegawai tidak dipaksa untuk menerima skim VSS dan terma-terma yang diberi adalah berfaedah bagi pegawai untuk menerima skim yang berkenaan atau pun dikatakan '*attractive and beneficial term*' yang diberikan.

Mengenai kenaikan peratusan NPL yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, kenaikan kadar NPL pada tahun ini sebahagian besarnya adalah disebabkan '*reclassification*' atau pun klasifikasi semula pinjaman-pinjaman yang sebelum ini telah diberi pengecualian pengkelasan NPL itu. Jadi, oleh kerana itu pengkelasan ini diberi masa kepada peminjam menstruktur semula pinjaman mereka di bawah CDRC.

Yang Berhormat dari Kepong juga menanyakan mengenai Danaharta melengahkan masalah NPL ini, setakat ini Danaharta boleh mengambil alih lebih daripada RM39 bilion daripada sektor perbankan dan sekarang ini mengurus NPL dengan cara menstruktur semula pinjaman yang berdaya maju atau pun yang menjualnya atau pun dia katakan *for closure collateral* bagi pinjaman yang berdaya maju. Banyak lagi cara-cara yang digunakan oleh Danaharta untuk menguruskan NPL yang diambil alih olehnya.

Yang Berhormat bagi Parit Sulung telah pun menanyakan masalah *compatibility*, kesesuaian, kerahsiaan dan berbagai-bagai jenis lagi dan kita mengatakan di sini bahawa masalah kerahsiaan perbankan dan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, '*secrecy*' ini tidak sama sama sekali melanggar peruntukan kerahsiaan perbankan dalam Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989..

Secrecy beroperasi berdasarkan peruntukan yang sedia ada di bawah akta Bank Negara Malaysia 1958 dan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang membenarkan Bank Negara untuk mengumpul dan memberi maklumat kredit pelanggan kepada institusi kewangan.

Maklumat kredit pelanggan adalah rahsia di antara Bank Negara dan institusi kewangan itu sendiri. Secrecy telah dibangunkan dengan memberi perlindungan utama kepada kerahsiaan maklumat pelanggan dan juga untuk mempertingkatkan ketepatan maklumat kredit pelanggan. Dengan adanya maklumat kredit yang tepat dan menyeluruh, institusi kewangan boleh membuat penilaian dan pemberian kredit yang bijak dan cepat kepada pelanggan-pelanggan mereka.

Adakah sistem ini mendedahkan pelanggan kepada risiko-risiko orang baru yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sistem baru secrecy ini tidak sama sekali mendedahkan pelanggan kepada risiko-risiko baru kerana operasi secrecy dikuasai oleh peruntukan kerahsiaan yang sedia ada di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958.

Lagipun maklumat kredit pelanggan hanya boleh diberi kepada pegawai-pegawai institusi kewangan yang dibenarkan sahaja untuk tujuan penilaian kredit pelanggan. Sebagai langkah tambahan untuk mencegah penyalahgunaan akses dan untuk meningkatkan lagi keselamatan data pelanggan, peruntukan baru di bawah Akta Bank Negara Malaysia akan menjadi pendedahan maklumat kredit yang menyalahi undang-undang sebagai satu kesalahan yang boleh dihukum.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Pindaan baru juga memperkukuhkan hubungan maklumat kredit pelanggan di mana pelanggan dibenarkan untuk mendapat maklumat kredit sendiri untuk penyemakan ketetapan maklumat dan sekiranya terdapat kesilapan data pelanggan boleh menghubungi mereka untuk membuat pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulung bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat menyanjung tinggi usaha yang dilaksanakan oleh Bank Negara. Itu saya akui tadi. Cuma saya hendak katakan,

apabila negara ini berpindah kepada satu regim *protection* dan *privacy* yang kemungkinan diwujudkan di bawah *Digital Protection, Personal Protection Act* iaitu satu undang-undang cyber yang tidak boleh lari, mesti kita akan bertemu dengan undang-undang sebegini.

Salah satu atau pun *principle secrecy* ialah bahawa pemindahan *flow of data or information* dengan izin tidak boleh dilaksanakan secara *freely* bermakna ia ada satu *privacy code*, ada satu *privacy policy* oleh pihak bank berkenaan dan kalau hendak diambil secara rigid bahawa *transfer of data* dengan izin mesti *data subject*. Jadi adakah kalau sekiranya undang-undang seperti ini datang, adakah Bank Negara mahu minta kelonggaran atau meminta *exemption*.

Oleh kerana kita tahu *the flow of data is for specific purposes*, kita tahu iaitu untuk mengumpul maklumat untuk you punya data bank dari segi check dan juga dari segi kredit untuk *evaluate credit worthiness* seseorang individu. Kita tahu *for that especial purposes*. Jadi saya hendak tanyakan adakah peruntukan ini, pindaan ini telah mengambil kira *the possibility* atau kemungkinan akan lahir satu undang-undang digital mengenai *data protection* yang mempunyai satu *benchmark* saya katakan agak rigid oleh kerana *benchmark* ini ialah *benchmark* European Union.

Itu yang saya bimbangkan. Saya bimbang kalau Bank Negara tidak mempunyai perkara ini, saya takut *it will impete* atau menjejaskan perniagaan *electronic banking* di masa akan datang. Itu yang saya *concern* sedikit,. Terima kasih

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ya, Yang Berhormat Yang Berhormat mendahului jawapan saya. Kalau kita lihat, saya teruskan dahulu, lepas itu saya datang kepada soalan berkenaan.

Bank Negara telah mengambil langkah-langkah yang mencukupi untuk mempertingkatkan perlindungan data sistem *secrecy* ini. Ekses kepada pangkalan data adalah terhad kepada pengguna institusi kewangan yang dibenarkan dan didaftarkan dengan Bank Negara.

Lagipun setiap pengguna yang dibenarkan ekses memerlukan kad pintas bersama ID persendirian dan kata laluan untuk memasuki sistem. Juga bergantung kepada tahap ekses yang ditentukan oleh pengurusan setiap bank. Pengguna yang dibenarkan ekses hanya boleh memperoleh maklumat yang terhad dan dibenarkan sahaja. Bagi mencegah penyalahgunaan ekses, *secrecy* juga mempunyai jejak audit yang menyeluruh.

Dari segi teknikal pula, *secrecy* menggunakan teknologi *fire wall* dan *inception* untuk mengawal percubaan sistem.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat tadi pun mengatakan memang betul bahawa jika ada salah laku kita boleh denda dia tiga tahun dan juga di *'fine'* sebanyak RM5,000.

Mengenai soalan Yang Berhormat tentang E-Banking dan sebagainya apabila masing-masing-masing akan

Tuan Yang di-Pertua :Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini bermakna bahawa dari segi *operation* Bank Negara akan mewujudkan *security manual, security procedures, interbanking security manual, interbanking security procedures* oleh kerana apabila, walaupun kita ada *limited excess*, kita ada *'excess code*, kita ada *excess eligibility* bermakna *certain level of officer'* dia hanya boleh *excess certain amount of information*, saya faham.

Tetapi kalau tidak ada *security and privacy manual, privacy and security procedures* kemungkinan akan ada orang yang tersilap dan ada orang yang teralpa. Saya cadangkan kalau belum ada, harus diwujudkan sebagai *supplimentary* kepada undang-undang ini iaitu *working procedures manual* untuk membolehkan bahawa *privacy* yang dimaksudkan *is arrive* bermakna dapat dipenuhi dan pada waktu sama perniagaan itu juga tidak terjejas. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ya, terima kasih. Yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu merupakan satu *MSC procedure* di mana

manual-manual akan diwujudkan. Walau bagaimanapun, kita hendak meyakinkan pelanggan bahawa maklumat dalam secrecy ini tidak dibekalkan kepada agensi yang lain yang tidak berkenaan.

Jadi secrecy beroperasi berdasarkan, saya katakan tadi peruntukan kerahsiaan yang sedia ada di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 di mana Bank Negara dan institusi kewangan tidak dibenarkan untuk memberi maklumat kredit pelanggan kepada pihak ketiga. Jadi, maklumat kredit hanya dikongsi di antara Bank Negara dan institusi kewangan sahaja. Sebagai satu langkah untuk memperkukuhkan lagi kerahsiaan maklumat kredit pelanggan, pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 di bawah Seksyen 51(5)(a) yang baru menjadikan pendedahan maklumat kredit yang menyalahi undang-undang sebagai satu kesalahan yang boleh dihukum.

Mengenai *human factor* yang dikatakan kemungkinan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, kemungkinan agaknya boleh seseorang itu mendapat ataupun mencuri, pegawai bank itu sendiri mencuri data-data yang berkenaan mengenai *politician* dan sebagainya dan disebarkan untuk *political gain* dan sebagainya, di sini kita menyatakan bahawa perkara-perkara ini boleh kita susuli balik kerana pada masa yang dikeluarkan data itu kita mempunyai *ID* tertentu dan orang-orang yang tertentu yang mengeluarkannya. Jadi, kalau misalnya perkara itu keluar kita boleh *trace* balik, tengok balik, siapa yang mengeluarkannya.

Jadi, di sinilah yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi bahawa kategori orang yang mendapatkan *card* untuk *accessibility*, *access* data-data ini adalah pegawai-pegawai yang tinggi. Walau bagaimanapun, walau ketat pun kita memberikan peruntukan-peruntukan undang-undang tetapi *human factor* ini memainkan peranan. Jadi, saya bersetuju kalau boleh nanti kita lihat kembali perkara-perkara ini dan manual-manual, prosedur-prosedur yang tertentu akan kita lakukan untuk memperketatkan lagi operasi yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga telah menanyakan tentang *e-banking* tadi dan kita harapkan nanti bahawa satu akta bersama dengan akta yang telah pun dibuat oleh kementerian-kementerian yang berkenaan akan dapat kita lihat supaya perkara ini dapat kita perketatkan. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kita hendakkan *bench marking* kita serupa dengan negar-negara di Eropah.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah membangkitkan satu perkara yang penting iaitu bank-bank memerlukan pengakuan dari SITOS sebelum membuat keputusan kredit.

Jadi, SITOS adalah syarikat swasta yang mengumpulkan maklumat pelanggan dengan izin pelanggan itu sendiri dan juga dari sumber-sumber awam, walaupun institusi perbankan menggunakan maklumat yang dikumpulkan oleh SITOS, Bank Negara tidak pernah mengarahkan bank-bank untuk mendapatkan pengakuan SITOS sebelum membuat keputusan kredit.

Jadi, SITOS ini cuma *facilitate*, kadang-kadang kalau misalnya bank seperti yang saya katakan tadi, untuk melihat sama ada bank A, bank B, bank C dan sebagainya, jadi ia melalui SITOS. SITOS ini sebagai satu *facility* sahaja untuk *facilitate* untuk memberi kemudahan kepada para bank tetapi Bank Negara tidak pernah mengarahkan bank-bank untuk mendapatkan pengakuan SITOS dahulu seperti yang Yang Berhormat katakan tadi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI INSTITUSI KEWANGAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.05 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan untuk meminda Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan 1999 akibat pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1998.

Akibat penghapusan perenggan 30(1)(4M)(*mmmm*) dari Seksyen 30(1) iaitu penghapusan perenggan berkaitan dengan Biro Maklumat Cek, Seksyen 43 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1999 adalah dipinda dengan memotong perenggan 43(2)(B).

Kesimpulannya dengan pindaan rang undang-undang yang saya syorkan itu, ianya akan menyelaraskan rang undang-undang berkenaan akibat dari pindaan Akta Bank Negara Malaysia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi Institusi Kewangan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Batang Lupar.

6.07 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat Yang Berhormat. Jika tak panjang, kita boleh habiskan rang undang-undang ini Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, pindaan ini, jadi saya secara ringkas Tuan Yang di-Pertua, bertanya sedikit sahaja.

Saya pernah menyuarakan di Dewan yang mulia ini, untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya kerajaan melihat semula untuk undang-undang *iaitu Money Lending Ordinance* di peringkat negeri Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia digubal dan digantikan dalam perenggan BAFIA ini supaya *Money Lending System* di bawa ke dalam pentadbiran-pentadbiran Bank Negara Malaysia.

Ini kita boleh, kalau boleh dicadangkan, saya boleh mencadangkan supaya sistem pinjaman kewangan boleh dibuat di dalam *Third Schedule* BAFIA ini. Ini senang. Banyak kesenangannya oleh kerana, yang pertama, kita menyelaraskan sistem kewangan kita, jangan diwujudkan secara berperingkat-peringkat.

Yang kedua, kita meringankan sedikit tugas dan tanggungjawab pihak mahkamah di setiap kawasan di negeri ini yang mana diwajibkan di bawah undang-undang *Money Lending Ordinance* yang wujud pada zaman koloni dahulu mendaftarkan semua instrumen mereka di Mahkamah Tinggi tertentu.

Jadi, yang ketiga, ialah untuk menyelaraskan juga sistem undang-undang, kerana apabila soalan undang-undang di bawah *Money Lending Ordinance* ini dibawa ke mahkamah, banyaklah percanggahan berlaku oleh kerana soal berlaku di Semenanjung, berlaku di Sarawak dan Sabah dan juga kita lihat daripada segi pemantauannya amatlah kurang sekali kerana bukan di bawah pemantauan pihak Bank Negara dan pihak negeri telah cepat sekali berlepas tangan kerana tidak ada orang lain menyelenggarakan dan banyaklah penyelewengan berlaku di bawah *Money Lending Ordinance*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil sikap proaktif dalam soalan ini supaya *money lending* ini di *review*. Saya percaya pihak Negeri Sarawak dan Sabah dan juga keseluruhannya Semenanjung akan bersetuju bahawa *Money Lending Ordinance* ini digubal dan dibawa ke BAFIA.

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

6.20 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sedar bahawa rang undang-undang ini berbentuk *consequential*. Namun, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh mengenai dengan sektor perbankan. Pertama, kita dapati bahawa dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, sektor perbankan melalui proses perubahan dan perubahan ini lebih melibatkan kepada proses dengan izin *merges and acquisition* di mana kerajaan mahu supaya bank dan institusi kewangan diperkecil bilangan. Kalau tidak silap saya, sekarang ada 10.

Apa yang ingin saya bangkitkan di sini, apakah bentuk perubahan lain yang dilakukan? Ini kerana, kita amat maklum bahawa sektor perbankan merupakan institusi terpenting dalam sistem ekonomi.

Saya pernah membangkitkan di dalam Parlimen Yang Kesembilan dahulu dan mendapat jawapan daripada kerajaan bahawa pandangan saya itu baik dan tidak diberi penjelasan lebih dan sehingga sekarang ini, saya belum nampak sebarang tindakan yang diambil ke atas pandangan saya. Saya melihat sekarang ini *trend* di beberapa negara, perubahan ke arah *universal banking* di mana sekarang kita masih lagi mengamalkan sistem di mana *commercial bank* dengan *commercial bank*, *merchant bank-merchant bank*, *finance institution-finance institution*, *stock brooking-stock brooking*, *insurance-insurance*, bukan sahaja di bawah entiti yang berbeza tetapi juga duduk di bawah bumbung sendiri. Oleh kerana perubahan teknologi yang begitu pesat dengan adanya Internet, maka pemisahan cara tersebut akhirnya didapati merugikan terutama dari segi *efficiency* dan juga dari segi kos yang tinggi.

Maka, konsep *universal banking* ada dilaksanakan. Kalau tidak silap saya, di Singapura pun ada dilaksanakan *universal banking*. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di bawah BAFIA ini adakah konsep *universal banking* ini boleh ataupun tidak dilaksanakan? Ini kerana, saya rasa janggal Tuan Yang di-Pertua. Kita mendapat jawapan, kata baik dan kemudian akhirnya, tidak dilaksanakan. Biar kita dapat satu jawapan yang jelas. Kalau kata tidak boleh, tidak boleh supaya jangan pandangan-pandangan ini diberikan lagi. Kalau tidak boleh, tidak boleh. Kalau dia baik, baik dan kalau baik, apakah langkah-langkah yang harus dilakukan? Kalau perlu kepada pindaan kepada BAFIA maka lakukan pindaan kepada BAFIA.

Kedua, mengenai dengan soal *international financial architecture* Saya membangkitkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua kerana ada kaitan dengan sektor perbankan, baik dari segi Bank Negara mahupun *commercial bank* dan *merchant banking* kita. Negara kita mengambil satu pendirian bahawa pentingnya kita ada *international financial architecture* yang baru kerana kita tidak mahu satu gelombang berlaku dalam kewangan antarabangsa akan melibatkan negara jadi menghadapi kesukaran di mana dalam analisis, sekurang-kurangnya 80% daripada tukaran asing yang *trillion dollar* setiap hari adalah dalam bentuk spekulasi manakala 20% dalam bentuk *real economy* dari segi *manufacturing*, *trading* dan sebagainya maka, spekulasi ini sudah menentukan sama ada negara dapat *survive* atau tidak dalam *global market* ini.

Saya membangkitkan perkara ini dari sudut, saya tidak nampak pihak Persatuan Bank, *commercial bank* kita, *Association of Commercial Bank* atau *Institution of Merchant Bank* ataupun pihak bank kita memberi sebarang pandangan ke atas *international financial architecture*. Saya membangkitkan perkara ini atas beberapa sebab.

Pertama sekali, saya sendiri merasakan bukan mudah untuk kita *establish* satu *financial architecture* untuk *address* masalah tukaran asing melibatkan kepada spekulasi dan sebagainya. Bank Negara memainkan peranan betul dengan memberi khidmat nasihat dan juga *Association of Merchant Bank*.

Sekiranya kita dapati idea ini tidak boleh kita *develop*, kita tidak perlu untuk menganjurkannya kerana jika tidak boleh kita menganjurkan, orang akan pandang kita lain macam. Saya pergi beberapa persidangan Tuan Yang di-Pertua, orang bangkitkan *is it possible or not* dengan izin. Saya pun rasa sesuatu yang bukan mudah, macam kita kata hendak gunakan Dirham? [Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupa]...Dinar, *is it possible or not*. Minta maaf, saya tercacap lain kadang-kadang.

Boleh atau tidak Dirham, kerana kita tahu sesuatu tukaran asing yang akan jadi *currency* yang utama ini, ia perlukan kepada beberapa kekuatan. Ia perlukan ekonomi yang kukuh dan di samping itu, wang itu berpengaruh. Dalam erti kata, bila orang hendak melakukan *trading*, akan menggunakan wang tersebut. Kalau hendak melakukan pinjaman bank katakan, perlukan wang tersebut. Ini bermakna, sistem perbankan dunia sudah menerima wang tersebut sebagai *international currency*. Bila bagi ia pinjam, bila negara kita hendak pinjam, dalam bentuk apa? Kalau Jepun, dia bagi Yen. Kalau yang lain, dia akan bagi dalam bentuk *US Dollar*. Dalam sistem ini, macam mana hendak wujudkan satu yang dikatakan Dinar ini? Di manakah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya Yang Berhormat, ya. Minta gulung Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Bukan kita ada masa besok Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya ada, tetapi kita ada banyak lagi rang undang-undang.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Baik, terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupa itu, saya setuju kerana kalau kita lihatlah, undang-undang perburuhan iaitu *Labor Laws* telah pun dinyatakan supaya disamakan dengan Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Selepas beberapa seminar dilakukan dan setelah mendapat persetujuan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Undang-undang Perburuhan, *Labor Laws* telah dapat kita selaras sedikit demi sedikit.

Saya rasakan kalau yang dikatakan tadi tentang *Third Schedule*, tentang BAFIA dan sebagainya, cadangan ini akan diambil kira oleh Bank Negara semasa kita hendak *review* yang dikatakan juga oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi, mengenai BAFIA ini nanti.

Jadi, dengan adanya perkara-perkara baru, BAFIA ini akan kita *review* balik dan penyemakan ini akan kita buat dan kita akan masukkan dalam cadangan-cadangan yang telah Yang Berhormat ajukan. Tentang IFA ini, *International Financial Architecture* ini, saya rasakan satu perkara yang Yang Berhormat sendiri sedia maklum. Apabila kita bercakap di luar negara, mereka mengatakan ini perkara yang mustahil dapat dilakukan tetapi idea ini kita kena sabar, seperti juga macam mana EAEC yang telah pun dicadangkan selama 11 tahun tetapi dengan adanya 911, maka idea-idea ini tidak secara langsung telah pun diterima.

Tentang IFA ini juga, tidak secara langsung nanti mereka baru dapat melihat apa yang di katakan oleh Malaysia itu, ada kebenarannya. Apabila tiba masa-masa cemas seperti ini supaya kita tidak dapat spekulasi terlampau banyak sangat dan 20% sahaja realiti tentang perbankan kita.

Walaupun *universal banking* tidak dipromosikan dengan meluas, Bank Negara Malaysia telah memberi kelulusan kepada institusi perbankan untuk membuat *cross selling* di mana misalnya komersial bank sesebuah kumpulan perbankan boleh memasarkan produk *finance company* seperti *hire purchase* dari kumpulan yang sama dan *cross selling* ini secara amnya memberi kesan yang sama seperti *universal banking* juga. Walau bagaimanapun, seperti mana yang saya katakan tadi, bahawa perkara-perkara ini perlu kita lihat dan perlu kita adakan, percambahan fikiran seperti juga yang

dikatakan oleh Yang Berhormat tentang dinar ini tadi, bahawa dengan percambahan fikiran itu, sedikit demi sedikit kita dapat merealisasikan harapan kita.

Sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(3), saya sambungkan mesyuarat sehingga habis kita selesaikan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua [*mempengerusikan Jawatankuasa*].

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.